

**PENGURUSAN ANAK YATIM DALAM PERSPEKTIF HADITH:  
KAJIAN DI PONDOK MARKAS AL-ISHLAH  
AL-AZIZIYAH, BANDA ACEH**

**AIYUB BIN AHMAD**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**PENGURUSAN ANAK YATIM DALAM PERSPEKTIF HADITH:  
KAJIAN DI PONDOK MARKAS AL-ISHLAH  
AL-AZIZIYAH, BANDA ACEH**

**AIYUB BIN AHMAD**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: AIYUB AHMAD

No. Pendaftaran/ Metrik: IGB140005

Nama Ijazah: IJAZAH SARJANA USULUDDIN

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis/ ("Hasil Kerja Ini")

PENGURUSAN ANAK YATIM DALAM PERSPEKTIF HADITH: KAJIAN DI PONDOK MARKAS AL-ISLAH AL-AZIZIYAH DI BANDA ACEH

Bidang Penyelidikan: AL-HADITH (AGAMA)

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kajian Ini:
- (2) Hasil Kerja Ini adalah asli:
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semua daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja Ini:
- (4) Saya tiadak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja Ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain:
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung didalam hakcipta Hasil Kerja Ini kepada Universiti Malaya("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja Ini dan apa-apa penguluan semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM:
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan hasil kerja ini saya telah melanggar satu hakcipta hasil kerja lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang di putuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

**PENGURUSAN ANAK YATIM DALAM PERSPEKTIF HADITH:  
KAJIAN DI PONDOK MARKAS AL-ISHLAH  
AL-AZIZIYAH, BANDA ACEH**

**ABSTRAK**

Penubuhan Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah (MIA) di Banda Aceh sebagai pusat penempatan anak-anak yatim adalah merupakan usaha yang sangat baik dari sudut pandangan agama dan keperluan dalam masyarakat Aceh. Khususnya usaha ini sebagai membantu penempatan anak-anak yatim mangsa konflik bersenjata dan tsunami di Aceh agar segala keperluan mereka tidak terabai.

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji pengurusan anak yatim di Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah (MIA) dan dibandingkan dengan pemahaman tentang pengurusan anak yatim dalam perspektif *fiqh al-hadith*. Hadith-hadith tentang pengurusan anak yatim tersebut adalah bersumberkan kepada *al-Kutub al-Sittah* yang dibahaskan berdasarkan kepada rujukan dalam kitab-kitab syarah hadith dan pandangan ulama. Keseluruhan perbincangan hadith dan kajian lapangan di Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah (MIA) dibahaskan berdasarkan metode analisis induktif, deduktif dan komparatif.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 113 hadith dalam *al-Kutub al-Sittah* yang berkaitan dengan anak yatim. Daripada keseluruhan hadith tersebut, pengkaji mengkhususkan kepada dua bahagian utama sahaja iaitu: [Pertama] pengurusan diri anak yatim yang melibatkan semua aspek keperluan asas hari-hari bagi anak yatim seperti makan minum, tempat tinggal, dan lain-lainnya dan fadilah mengurus anak yatim. [kedua] pengurusan harta anak yatim. Tema utama dalam perbincangan adalah [1] kadar dibolehkan makan harta anak yatim. [2] Ancaman bagi orang yang makan harta anak yatim. [3] jangan mencampuri harta anak yatim dengan harta persendirian. [4] Mengurus dan mengembangkan harta anak yatim. [5] Jaminan bagi harta anak yatim.

Manakala dalam kajian lapangan di pondok MIA, didapati bahawa terdapat tiga metode utama pengurusan anak yatim yang dipraktikkan di pondok MIA iaitu: [1] Metode dalam pengurusan diri dan keperluan asas bagi anak yatim. [2] Metode dalam pendidikan. [3] Metode pengurusan harta anak yatim. Keseluruhan metode tersebut sama sekali tidak bercanggah dengan pemahaman daripada al-Quran dan hadith. Namun, masih terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak pengurusan MIA demi memastikan agar segala amalan yang dilakukan secara sukarela tidak menyalahi tuntunan al-Quran dan sunnah Nabi s.a.w. Antaranya ialah dengan cara mendidik ahli pengurusan agar memiliki akhlak Islamiah dengan menjauhi pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, tidak merokok, mengamalkan disiplin yang tinggi dan lain-lainya lagi.

Kesimpulan, dapat dirumuskan bahawa pondok MIA telah memainkan peranan penting dalam memastikan kebajikan anak-anak yatim mangsa konflik senjata dan tsunami terus terjamin dengan menggerakkan ahli-ahli pengurusan untuk mengwujudkan satu sistem pengurusan yang bersistematik supaya segala perancangan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kajian ini mencadangkan agar semua pihak, termasuk kerajaan yang memerintah, pihak swasta dan individu untuk menyalurkan pelbagai bentuk bantuan yang diperlukan oleh pondok MIA.

Kata Kunci: Anak yatim, Pondok, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Aceh, *al-Kutub al-Sittah*

# THE ORPHAN MANAGEMENT ACCORDING TO HADITH PERSPECTIVE: A STUDY ON PONDOK AL-ISHLAH AL-AZIZIYAH, BANDA ACEH

## ABSTRACT

The establishment of 'Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah (MIA)' in Banda Aceh as an orphanage institution is a noble initiative looking from religion and Aceh community perspectives. Specifically as accommodation for displaced children resulting from war conflict and tsunami disaster in Aceh catering for their needs.

This research is focussed on comparing the current management of orphans at MIA with the principles of management from *fiqh al-hadith*. Hadith on management of orphans are based on the principles contained in *al-Kutub al-Sittah* which are derived from discussions of hadith and opinion of learned scholars. The related hadith and field study of MIA are analysed through the inductive, deductive and comparative approach.

There are 113 hadith in the *al-Kutub al-Sittah* relating to orphans. We have categorised it into two (2) major categories i.e one relating to management of the orphans encompassing daily needs such as meals, accommodation etc. and the other relating to management of the orphan belonging and property. The main items of discussion are: [1] Quantum that can be taken from the orphan belongings and properties; [2] Penalties and punishment for those who live on orphan's belongings and properties; [3] Separating orphan's belonging and properties from caretaker personal belongings and properties; [4] Managing to increase orphan's wealth; [5] Guarantee for the orphan's wealth.

The field studies at pondok MIA indicate three main methods for managing the orphans being practiced at pondok MIA viz. [1] Method in managing the orphans and their basic needs; [2] Education method; [3] Method in managing orphan's belonging and

properties. All these methods are not against the understanding of management from the al-Quran and hadith. Nonetheless, there are areas that need the serious attention of the MIA management, in supervising and monitoring the volunteer work so as not to be contradicting from requirements stipulated in the al-Quran and traditions of the Prophet pbuh. Particularly in educating the management in Islamic moral values such as uncontrolled mingling of the gender, prohibiting smoking, high discipline standards, among others.

In conclusion, MIA has played a significant role in providing care to the orphans that were displaced due to war conflict and tsunami disaster, and continuously providing avenues for the management to maintain a systematic management system in ensuring successful implementation of the planning. It is proposed that all parties, including the local authorities, the private sector and individuals to offer the needed assistance to MIA.

Keyword: Orphans, Pondok, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Aceh, *al-Kutub al-Sittah*

## PENGHARGAAN



Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW serta keluarga dan para sahabatnya. Alhamdulillah, setinggi-tingginya kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan ‘*inayah*-Nya disertasi ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Kejayaan dalam penulisan ini disebabkan dengan adanya kerjasama serta bimbingan daripada pelbagai pihak. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Dr. Khadher Ahmad di atas masa, kesabaran, sokongan dan galakan daripada beliau pada semua peringkat dalam menyiapkan disertasi saya ini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah Akademi Pengajian Islam terutama kepada pensyarah Usuluddin di atas segala bimbingan yang diberikan selama menempuh pengajian. Seterusnya terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam dan Institut Pengajian Siswazah di atas segala bantuan dalam menyelesaikan pengajian di Universiti Malaya. Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada pihak Pondok MIA di Banda Aceh, Indonesia yang telah memberikan tajaan untuk menyiapkan disertasi ini.

Tidak lupa juga ribuan terimakasih diucapkan kepada keluarga tersayang terutama kepada istri yang tercinta Normasitah binti Ismail tanpa jenuh banyak memberi dorongan dan sekongan moral serta semangat kepada diri saya dalam menyelesaikan tugas ini. Buat ibunda yang tercinta Ramlah binti Hasyim dan mertua Rahimah binti Ismail yang telah



mendoakan dan memberi sokongan sepanjang saya melakukan pengajian. Buat arwah ayah tercinta dan ayah mertua semoga Allah senantiasa mencurahkan rahmat dan kasih sayangnya. Juga buat para jamaah pengajian yang telah membantu dan memberi sokongan sehingga sampai keperingkat ini. Sesungguhnya tidak terbalas jasa dan pengorbanan, doa serta kasih sayang kalian kepada diri ini.

Buat teman-teman yang ikut membantu dan memberi sokongan. Semoga ukhuwwah yang terbina akan abadi selamanya. Segala sumbangan dan bantuan yang diberikan amatlah dihargai. Sesungguhnya, hanya Allah s.w.t sahajalah yang dapat membalasnya. Semoga kalian senantiasa mendapat taufiq dan inayah dari-Nya.

Sekian dan terimakasih.

ATYUR AHMAD

gmail: walednur86@gmail.com

## DAFTAR KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	vi
DAFTAR KANDUNGAN	viii
PANDUAN TRANSLITERASI	xv
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
<b>Pendahuluan</b>	
1. Pengenalan	1
2. Latar Belakang Masalah	2
3. Pernyataan Masalah Kajian	4
4. Objektif Kajian	5
5. Persoalan Kajian	6
6. Skop Kajian	6
7. Kepentingan Kajian	7
8. Ulasan Kajian Lepas	8
9. Metodologi Kajian	16
9.1. Metode Pengumpulan Data	17
9.1.1 Metode Kajian Perpustakaan	18
9.1.2 Metode Dokumentasi	18
9.1.3 Metode Temubual	19

9.1.4	Metode Observasi	19
9.2	Metode Analisis Data	20
9.2.1	Metode Induktif	21
9.2.2	Metode Deduktif	21
9.2.3	Metode Komparatif	22
9.2.4	Metode Kualitatif	22
10.	Sistematika penulisan	22

**BAB I: MENJELASKAN LATARBELAKANG ANAK YATIM DAN TANGGUNGJAWAB TERHADAP MEREKA DALAM PERSPEKTIF ISLAM.**

<b>1.0.</b>	<b>Pendahuluan</b>	25
1.1.	Keutamaan Mengasuh Anak Yatim	26
1.2.	Hak-Hak Anak Yatim	28
1. 2. 1	Hak Dalam Bentuk Harta Benda	30
1.2. 2	Kasih Sayang	31
1. 2. 3.	Penyusuan	33
1.2. 4.	Pendidikan	34
1. 2. 5.	Pendidikan Akhlak dan Moral	35
1. 2. 6	Pendidikan Jasmani	36
1. 2. 7.	Pendidikan Rohani dan Keimanan	37
1. 3.	Isu-Isu Semasa Terhadap Anak Yatim	39
1. 3. 1.	Had Umur Anak Yatim	39

1. 3. 2. Cara Tabi'i	39
1. 3. 3. Penentuan Mengikut Umur	39
1. 3. 4. Perwalian ke Atas Diri Anak Yati	40
4. Kesimpulan	41

**BAB 2: HADITH-HADITH TENTANG CARA PENGURUSAN ANAK YATIM DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH* DAN PERBINCANGAN DALAM *FIQH AL-HADITH*.**

<b>2.0</b>	<b>Pendahuluan</b>	43
2.1	Pendekatan dan Metode Dalam Pemilihan dan Analisis Hadith	43
2.2	Himpunan dan Takhrij Ringkas Hadith-Hadith Mengenai Anak Yatim Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>	45
2. 3.	Analisis Hadith-Hadith Mengenai Pengurusan Anak Yatim Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i> .	45
2.3.1	Taburan dan Jumlah Hadith-Hadith Tentang Pengurusan Anak Yatin Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i> (Termasuk Jumlah Hadith Berulang)	45
2.3.2	Ulasan Hadith-Hadith Mengenai Anak Yatim dalam Kitab <i>al-Kutub al-Sittah</i>	46
2.3.3	Senarai dan Ulasan Hadith-Hadith Mengenai Pengurusan Anak Yatim Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>	49
2.3.4	Senarai Dan Ulasan Hadith-Hadith Pengurusan Harta Anak Yatim Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>	59

2. 4.	Pendekatan Dalam Pengurusan Anak Yatim Berdasarkan <i>Fiqh al-Hadith</i> .	74
2.4.1	Pengurusan Diri Anak Yatim	74
2.4.2	Pengurusan Harta Anak Yatim	76
2. 5.	Kesimpulan	76

### **BAB 3: PENGURUSAN ANAK YATIM MARKAS AL-ISLAH AL-AZIZIYAH DI BANDA ACEH.**

<b>3. 0.</b>	<b>Pendahuluan</b>	78
3. 1	Latarbelakang Pondok (Mia)	79
3. 1. 1.	Sejarah Dan Latar Belakang Pembangunan Pondok MIA	81
3. 1. 2.	Tujuan Utama Pertumbuhan MIA	82
3. 1. 3.	Visi dan Misi Pondok MIA	83
3. 2.	Stuktur Organisasi Dan Pentadbiran Pondok Mia	85
3. 2. 1.	Carta Organisasi Jawatan Kuasa Pentadbiran Pondok MIA	86
3. 2. 1.	Biro Kewangan Kemasukan dan Pengeluaran	87
3. 2. 3	Syarat Kelayakan Menjadi Penghuni Asrama	88
3. 2. 4.	Kurikulum Pendidikan Formal di Pondok MIA	89
3. 3.	Latarbelakang Anak-Anak Yatim di Pondok Mia	92
3. 3. 1.	Jumlah Anak Yatim di Pondok MIA	92
3. 3. 2.	Status Anak Yatim di Pondok MIA	92
3. 3. 3.	Faktor Anak Yatim Dimasukan Ke Pondok MIA	93
3. 3. 4.	Spikologi Anak Yatim di Pondok MIA .	94
a.	Trauma Akibat Konflik dan Tsunami	95
b.	Trauma Akibat Bencana Alam Gempa dan Tsunami	97

c. Perasaan Dendam Akibat Konflik Senjata Antara RI Dengan GAM	99
3. 4. Metode Pengurusan Anak Yatim Di Pondok (Mia)	101
3. 4. 1. Pengurusan Diri, Keperluan Asas Spikologi, Pendidikan Anak Yatim	102
a. Pengurusan Diri Anak Yatim	102
b. Berasaskan Keteladan ( <i>Uswatul Hasanah</i> )	103
c. Penekanan Kepada Pelbagai Aktiviti Bersama	104
i. Aktiviti Makan Bersama	104
ii. Aktiviti Lawatan	105
iii. Aktiviti Bermain dan Rekreasi	105
3. 4. 2. Metode Dalam Pendidikan Anak Yatim	106
a. Pendidikan Formal dan Tidak Formal	107
b. Aplikasi Metode <i>Tarhib</i> dan <i>Tarhib</i> Dalam Mendidik	108
c. Metode <i>Sorogan</i>	111
d. Metode <i>Wetonan</i> dan <i>Bandongan</i>	111
e. Metode Mesyuarah	112
f. Metode Muhazarah	112
g. Pendidikan Berasaskan Keteladan ( <i>Uswatuh Hasanah</i> )	113
h . Pendidikan Lemah Lembut	116
3. 4. 3. Metode Pengurusan Harta Anak Yatim	117
a. Pengurusan Karta dan kewangan MIA	118
b. Pengurusan Pembelanjaan	119

3. 5.	Cabaran Dalam Pengurusan Anak Yatim	120
3. 5. 1	Pengaruh Psikologi	120
3. 5. 2.	Pengaruh Persekitaran (Lingkungan)	121
3. 5. 3.	Pengaruh IQ (Terhadap Pemikiran)	122
3. 5. 4.	Stigma (Semua Free)	123
3. 6.	Kesimpulan	125

#### **BAB 4: ANALISIS PERBANDINGAN PENGURUSAN ANAK YATIM DI PONDOK MARKAS AL-ISHLAH AL-AZIZIYAH BANDA ACEH DALAM PERSPEKTIF HADITH**

<b>4. 1.</b>	<b>Pendahuluan</b>	127
4. 2.	Pendekatan Analisis Yang di jalankan	127
4. 3.	Analisis Pendekatan dan Kaedah Pengurusan Anak Yatim di Pondok Mia dan Perbandingannya Dalam Perspektif Hadith	128
4. 3. 1.	Analisis Dari Aspek Pengurusan Diri, Keperluan Asas dan Psikologi Anak Yatim.	129
4. 3. 2.	Analisis Dari Aspek Pengurusan Dalam Pendidikan Anak Yatim.	131
a.	Pendidikan Lemah Lembut	131
b.	Pendidikan Berasaskan Keteladan ( <i>Uswatuh Hasanah</i> )	134
c.	Aplikasi Metode <i>Tarhib</i> dan <i>Tarhib</i> Dalam Mendidik	136
d.	Pendidikan Formal dan Tidak Formal	140
i.	Pendidikan Formal (Sekolah Umum).	140
ii.	Pendidikan Yang Tidak Formal (Berasaskan Pasantren).	142
e.	Metode <i>Sorogan</i> ,	143

f. Metode <i>Wetonan</i> dan <i>Bandongan</i>	144
g. Metode muhazarah	145
h. Metode Mesyuarat	146
4. 3. 3. Analisis Daris Aspek Pengurusan Harta Anak Yatim.	148
a. Analisis Pengurusan Kewangan	158
b. Pengurusan Pembelanjaan atau Pengeluaran	151
4. 4. Kesimpulan	152
<b>BAB 5: RUMUSAN DAN SARANAN</b>	
4. 1. Pendahuluan	154
4. 2. Kesimpulan	154
4.3. Saranan	157
4.4. Penutup	161
<b>BIBLIOGRAFI</b>	162
<b>LAMPIRAN</b>	171



## PANDUAN TRANSLITERASI

### A. Konsonan

Arab	Roman	Arab	Roman	Arab	Roman
ا,ء	a,ʾ	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	ص	s	م	m
ج	j	ض	d	ن	n
ح	h	ط	t	هـ	h
خ	kh	ظ	z	و	w
د	d	ع	ʿ	ي	y
ذ	dh	غ	gh	ة	h,t
ر	r	ف	f		

### B. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَ	a	قَنَّتْ	<i>qanata</i>
اِ	i	سَلِمَ	<i>salima</i>
اُ	u	جُعِلَ	<i>ju'ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا / ي	a	كُبْرَى / بَابٌ	<i>bab/kubra</i>
ي	i	وَكَيْلٌ	<i>wakil</i>
و	u	سُورَةٌ	<i>surah</i>

### C. Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَـ وُ	aw	قَوْلٌ	<i>qawl</i>
اَـ يَـ	ay	حَيْرٌ	<i>khayr</i>
اُـ وُ	uww	قُوَّةٌ	<i>quwwah</i>
اَـ يَـ	iy/i	عَرَبِيٌّ	<i>'arabiy/i</i>

Sumber: Akademi Pengajian Islam, *Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2012), 45.

## SENARAI JADUAL

Jadual 2.0:	Taburan Hadith-Hadith Mengenai Anak Yatim serta Pengurusan dalam Kitab <i>al-Kutub al-Sittah</i> (Termasuk Jumlah Hadith Berulang)	46
Jadual 2.1:	Taburan hadith-hadith pengurusan anak yatim dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i> .	49
Jadual 2.2:	Taburan hadith-hadth Pengurusan Harta Anak Yatim dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i> (termasuk jumlah hadith yang berulang)	59
Jadual 3.1:	Senarai Mata Pelajaran Kelas <i>Tajizy</i> (Sekolah Rendah). di Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah.	89
Jadual 3.2:	Senarai Mata Pelajaran Kelas <i>Tajizy</i> (Sekolah Rendah) di Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah.	90
Jadual 3.3:	Senarai Mata Pelajaran Kelas <i>Thanawiyah</i> , (sekolah rendah) di Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah.	90
Jadual 3.4:	Senarai Mata Pelajaran Kelas <i>Thanawiyah</i> , (Sekolah Rendah) di Pondok Markas al-Islah al-Aziziya.	90
Jadual 3.5:	Senarai Mata Pelajaran Kelas <i>Aliyah</i> , (Menengah Tinggi) di Pondok Markasal-Islah al-Aziziya.	91
Jadual 3.6:	Senarai Mata Pelajaran Kelas <i>Aliyah</i> , (Menengah Tinggi) di Pondok Markasal-Islah al-Aziziya.	91

## SENARAI RAJAH

Rajah 2.0:	Taburan Hadith-Hadith Mengenai Anak Yatim	
	Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>	48
Rajah 2.1:	Taburan Hadith-Hadith Pengurusan Anak Yatim	
	Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i> (Termasuk Jumlah Hadith Yang Berulang)	73
Rajah 2.2:	Taburan Hadith-Hadith Pengurusan Harta Anak Yatim	
	Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i> (Termasuk Jumlah Hadith Yang Berulang)	73
Rajah 3. 1:	Metode Pengurusan Anak Yatim di Pondok Markas	
	al-Ishlah al-Aziziyah di Banda Aceh.	124

## SENARAI SINGKATAN

s.w.t	: Subhahanahu wa ta'ala
s.a.w	: Sallallahu 'alayhi wasallam
r.a	: Radiya Allahu 'anhum
terj	: Terjemahan
<i>ed</i>	: Editor
<i>et al</i>	: Pengarang/ editor lebih daripada tiga orang
H	: Hijrah
<i>Ibid</i>	: Ibidem: rujukan yang sama seperti tersebut/ sebelumnya
t.t	: Tanpa tarikh
t.t.p	: Tanpa tempat penerbit
MIA	: Markas al-Ishlah al-Aziziyah
GAM	: Gerakan Aceh Merdeka
RI	: Republik Indonesia
RTA	: Rabitah Taliban Aceh
Tgk	: Tungku
Bhd	: Berhat
No	: Nombor
Dr	: Doktor
Sdn	: Sendiriyah
TNI	: Tentara Negara Indonesia
NKRI	: Negara Kesatuan Republik Indonesia
TNA	: Tentara Nanggro Aceh
Bil	: Bilangan
No. Hadith	: Nombor Hadith

## PENDAHULUAN

### 1. PENGENALAN

Islam adalah agama yang sangat menitikberatkan perkara-perkara yang berkaitan tentang anak yatim. Mereka tergolong dalam kalangan orang-orang yang lemah (*du,afā*) dan disebabkan itulah mengapa umat Islam diperintahkan Allah SWT supaya mengambil berat berkaitan pengurusan anak yatim, memberi perhatian, berbuat baik, menyayangi terhadap golongan ini. Sebagaimana firman Allah dalam al-Quran:

...وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَىٰ قُلْ إِصْلَاحٌ لَهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ تُخَالِطُوهُمْ فَإِخْوَانُكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
الْمُفْسِدَ مِنَ الْمُصْلِحِ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَأَعْتَبْتُمْ إِنْ أَلَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ  
Al-Baqarah 2: 220

Terjemahan: Dan mereka bertanya tentang anak yatim. Katakanlah: “Mengurus urusan secara patut adalah hal yang baik, dan jika kamu bergaul dengan mereka, maka mereka adalah saudara kamu; dan Allah mengetahui siapa yang membuat kerosakan dari yang mengadakan perbaikan. Dan jikalau Allah menghendaki, nescaya Dia dapat mendatangkan kesulitan kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”

Sehubungan dengan ayat di atas, Ahmad Mustaffā al-Marāghī menjelaskan bahawa perlakuan yang baik terhadap anak yatim adalah semua perkara yang dapat mendatangkan kebaikan terhadap mereka. Dalam hadith daripada dari Suhil bin Sa`din berkata, Rasulullah s.a.w bersabda:

أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ كَهَاتَيْنِ وَأَشَارَ بِأَصْبُعَيْهِ يَعْنِي السَّبَّابَةَ وَالْوَسْطَى

Terjemahan: “Saya dan orang yang merawat anak yatim itu dalam Syurga begini, Rasulullah s.a.w. mengisyarahkan ” (dua jarinya, yakni jari telunjuk dan jari tengah).<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, [Kitāb al-Adad, Bāb Fadl Man Ya‘ul Yatiman, No. Hadith, 6005] Lihat Muḥammad bin Īsmā‘īl Abu Abd. Allah al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin ‚Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 508.

Oleh kerana itu, maka salah satu tema yang menjadi pembahasan penting dalam al-Quran dan al-Hadith adalah permasalahan anak yatim. Dalam al-Quran ada 22 ayat yang berkaitan dengan anak yatim, diantaranya adalah surah (al-Mā'ūn: 2), (al-Isrā: 34), (al-An'ām: 152), (al-Fajr : 17), (al-Dhuhā : 6 dan 9). Manakala didalam al-Hadith pula, penulis mendapati dalam al-Kutub al-Sittah terdapat 86 hadith yang berkaitan dengan anak yatim yang berbeza jalur riwayatnya. Al-Quran dan al-Hadith secara tersurat memberikan penekanan yang kuat untuk membina, mendidik dan menjaga anak yatim. Pengurusan anak yatim ini menjadi perkara yang wajib bagi kaum keluarga (wali) anak yatim serta kaum keluarga yang mempunyai hubungan darah dengan mereka. Dalam keadaan mereka yang fakir dan lemah daripada aspek ekonomi, maka negara pulalah yang wajib menyediakan segala perkara yang berkaitan dengan kemaslahatan mereka serta menjamin peluang pendidikan untuk mereka. Ini adalah bertujuan untuk menghindari mereka dari masalah sosial, gejala dadah dan hidup melarat tanpa pembelaan dan pengurusan yang sewajarnya. Tuntutan ini adalah sebagaimana yang telah termaktub di dalam al-Quran dan al-Hadith.<sup>2</sup>

## **2. LATAR BELAKANG MASALAH**

Pada zaman era globalisasi yang serba mencabar ini, cara pengurusan anak yatim menjadi lebih kompleks dengan wujudnya pelbagai pengaruh yang tidak sihat daripada pelbagai aspek. Namun anak yatim merupakan kelompok dalam masyarakat yang perlu diberikan tunjuk ajar yang sewajarnya agar kehidupan mereka lebih terjamin dan seimbang pada masa hadapan samada dari sudut spiritual, mental dan fizikal. Pengabaian pengurusan terhadap mereka akan membawa masalah dalam masyarakat. Seperti masalah sosial, keruntuhan akhlak dan sebagainya.

---

<sup>2</sup>Abdullah Nasih Ulwan, *Pemeliharaan Kesehatan Jiwa Anak*, terj. Khalilullah Ahmas Maskur Hakim, (Bandung: Remaja Rosdakarya, 1992). 133.

Kajian ini adalah berkaitan dengan metode pengurusan anak yatim di Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah di Banda Aceh. Pondok iaitu istilah lain bagi sekolah yang memberikan pendidikan terhadap anak-anak secara umumnya dan memberikan pengkhususan kepada pengajian agama dan akhlak. Pondok al-Aziziyah ini didirikan pada tahun 2002, dalam keadaan Aceh yang masih diisytihar darurat. Pondok ini dipimpin oleh seorang ulama Tgk. Hj. Tu Bulqaini yang pada masa itu beliau berjawatan Ketua Rabithah Taliban Aceh (RTA). Pondok ini merupakan salah satu pondok yang berdaftar dibawah pemerintah Aceh untuk mendidik anak-anak yatim. Berdasarkan perkembangan terkini, pondok ini masih meneruskan aktiviti yang menjurus kepada cara mengurus dan mendidik anak yatim dalam ilmu dan pengetahuan tentang sistem pengurusan yang terbatas contohnya dalam isu-isu berkaitan penetapan batas umur. Oleh kerana itu, kajian ini dilakukan untuk mendapatkan jalan penyelesaian isu-isu semasa yang masih boleh diberikan penambahbaikan bagi kepentingan pihak pengurusan pondok dan juga anak-anak yatim yang tinggal dan belajar disana. Pembahasan ini merangkumi latar belakang penubuhan dan perkembangan, aktiviti-aktiviti, serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan pondok tersebut.

Justeru, atas rasa keperihatinan dan dan rasa simpati terhadap anak yatim serta keinginan yang mendalam mendorong penulis memilih tajuk ini agar dapat mengkaji tentang bagaimana pengurusan anak yatim yang baik menurut perspektif hadith Nabi s.a.w yang dilakukan oleh Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah di Lueng Bata Banda Aceh. Pondok ini hanya dikhususkan untuk menampung anak-anak yatim yang kehilangan ibu bapa akibat konflik antara Pemerintah Indonesia dengan Gerakan Aceh Merdeka (GAM). Bukan hanya anak yatim daripada masyarakat yang dipelihara di sini, namun anak yatim daripada kedua belah pihak pertikaian juga turut dibela serta termasuk juga anak-anak yang menjadi korban bencana alam Tsunami 2004 yang lalu.



Jumlah mereka kini telah mencapai 273 orang yang terdiri daripada 168 pelajar lelaki dan 105 pelajar perempuan.<sup>3</sup>

Selain daripada itu, penulis berharap dengan kajian ini akan dapat memberi satu harapan baru kepada anak yatim di Aceh untuk sama-sama mengambil manfaat daripada segala aktiviti yang dilakukan oleh pelbagai pihak.

Penulis juga mengharapkan agar kajian ini dapat membuka mata masyarakat dan semua pihak yang mengasuh anak yatim untuk memberikan penekanan yang lebih mendalam kepada aspek pembentukan sahsiah anak yatim. Hal ini adalah untuk menjamin kehidupan mereka agar menjadi lebih baik dan bermanfaat bagi masyarakat dan agama.

### **3. PERNYATAAN MASALAH KAJIAN**

Dari huraian latarbelakang masalah, pengkaji akan membuat kajian tentang bagaimana cara pengurusan anak yatim di Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah di Banda Aceh dan permasalahan, isu-isu yang dihadapi oleh mereka.

Pengurusan yang dilakukan oleh pondok MIA hanya di khususkan kepada anak-anak yatim yang mangsa konflik dan tsunami sahaja. Pengetua mengatakan, mengurus anak yatim ini tidak semudah dengan mengurus anak yatim biasa, kerana anak yatim ini boleh dikatakan hampir kepada 80% susah untuk diatur, suka membanta, cepat emosi dan suka mengasingkan diri. Kemungkinan mereka terpengaruh dengan peristiwa yang menimpa atas diri dan keluarganya.<sup>4</sup>

---

<sup>3</sup> Teungku Bulqaini Tanjongon (Pimpinan Dayah Markas al-Islah al-al-Aziziyah, Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2016.

<sup>4</sup> Tgk H. Tu Bulqaini (Pimpinan Dayah Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 17 Mac 17.

Isu-isu semasa yang dihadapi dalam mengurus, anak-anak yatim MIA mereka suka berlepak-lepak sapai larut malam, merokok dan keluar dari asrama, hal ini dapat mencemarkan nama baik pondok dari pada masyarakat.<sup>5</sup> Kajian ini perlu dilakukan untuk menemukan titik terang sehinggalah pondok MIA dapat memberikan penyelesaian setiap masalah yang di hadapinya. Setiap satu daripada isu atau permasalahan diolah secara terperinci agar dapat memberi kefahaman yang mendalam berkaitan dengan pengurusan anak yatim dan kaedah yang telah diterapkan oleh pondok MIA.

#### 4. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian secara umum iaitu menyelidik usaha-usaha pihak Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah dalam melakukan pengurusan kepada anak yatim di Banda Aceh.

Adapun objektif kajian secara khusus adalah seperti yang berikut:

1. Menjelaskan latarbelakang anak yatim dan tanggungjawab terhadap mereka dalam perspektif Islam.
2. Mengenal pasti hadith-hadith tentang cara pengurusan anak yatim dari *al-Kutub al-Sittah* dan mengeluarkan pemahamannya dari sudut *fiqh al-Hadith*.
3. Mengkaji kaedah pengurusan anak yatim yang dilakukan oleh Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah di Banda Aceh.
4. Menganalisis perbandingan cara pengurusan anak yatim yang dilakukan di Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah di Banda Aceh dengan cara pengurusan anak yatim dalam perspektif *fiqh al-Hadith*.

---

<sup>5</sup> *Ibid.*

## 5. PERSOALAN KAJIAN

Kajian yang akan dijalankan berkaitan dengan cara pengurusan anak yatim di Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah di Banda Aceh ini bakal menerangkan tentang konsep dan cara pengurusan dalam perspektif hadith Nabi s.a.w. Oleh kerana itu, penulis akan fokuskan kepada beberapa persoalan berikut:

1. Siapakah golongan anak yatim dan bagaimana tanggungjawab kepada mereka?
2. Apakah hadith-hadith dalam *al-Kutub al-Sittah* yang menjelaskan cara pengurusan anak yatim dan perbincangannya dalam *Fiqh al-Hadith*?
3. Apakah kaedah pengurusan Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah di Banda Aceh terhadap anak yatim?
4. Apakah perbandingan cara pengurusan anak yatim yang dilakukan oleh Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah di Banda Aceh dengan pemahaman dari sudut perspektif *fiqh al-Hadith*?

Setiap satu daripada isu atau permasalahan yang dinyatakan akan diolah secara terperinci agar dapat memberikan kefahaman yang mendalam berkaitan dengan pengurusan anak yatim yang akan membolehkan pula kupasan dibuat terhadap kaedah yang telah dilaksanakan berbanding dengan kaedah yang terkandung di dalam al-Hadith dan melihat keberkesanan kaedah-kaedah tersebut.

## 6. SKOP KAJIAN

Kajian ini dilakukan di Banda Aceh dan kajian ini juga khusus kepada cara pengurusan anak yatim menurut perspektif hadith yang dilakukan oleh Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah.

Tajuk ini dipilih kerana pengurusan anak yatim adalah merupakan antara perkara yang amat penting dan perlu dititikberatkan dalam agama Islam. Pemilihan pondok

Markas al-Islah al-Aziziyah di Banda Aceh ini didasari atas beberapa pertimbangan iaitu kerana pondok ini merupakan salah satu pondok yang menjadi tumpuan dan perhatian masyarakat dan pemerintah Aceh bahkan negara luar. Pondok ini dikhususkan kepada anak-anak yang kehilangan orang tua akibat korban konflik antara Pemerintah Indonesia dengan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dan juga anak yatim korban bencana alam Tsunami pada tahun 2004 yang lalu.

Manakala, dalam perbincangan tentang hadith yang berkaitan dengan pengurusan anak yatim, hanya memberi fokus terhadap hadith-hadith dalam *al-Kutub al-Sittah* sahaja. Dalam penulisan ini, penulis mengkhususkan kepada hadith-hadith yang ada di dalam kitab *al-Kutub al-Sittah*, sebagai kitab-kitab hadith yang masyhur autentiknya.

## **7. KEPENTINGAN KAJIAN**

Terdapat beberapa kepentingan bagi kajian ini iaitu:

- i. Kajian ini penting untuk dilakukan supaya dapat memenuhi bentuk dan kaedah pengurusan anak yatim yang dilakukan oleh pihak pondok Markas al-Islah di Banda Aceh dan menilai ketepatannya berdasarkan hadith dan sunnah. Bentuk dan kaedah tersebut termasuk metode yang digunakan serta lain-lainnya.
- ii. Kajian ini juga dapat membuktikan bahawa peranan hadith Nabi s.a.w sebagai sumber pendalilan dan penghujahan dalam segala bidang keilmuan adalah benar khususnya dalam menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan pengurusan anak yatim.
- iii. Kajian ini penting untuk menjana kaedah dan metode khusus dalam pengurusan anak yatim. Hal ini dapat dijadikan suatu garis panduan di pondok markas al-Islah dalam mengatasi permasalahan-permasalahan dan isu-isu yang dihadapi oleh mereka.

- iv. Kajian ini juga penting bagi membantu pihak yang bersangkutan agar dapat menilai keberkesanan institusi masing-masing pada masa yang akan datang agar matlamat dan objektifnya lurus dan jelas.
- v. Mengkedepankan Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah dalam di Propinsi Nanggro Aceh bagi melahirkan generasi anak yatim yang beriman, berilmu, dan beramal dengan ilmu yang didapatinya.
- vi. Satu pengkajian dalam memberi sumbangan kepada perkembangan budaya al-Quran dan al-Hadith dalam masyarakat Islam di Aceh. Dalam konteks ini, penekanan akan diberikan kepada kebijakan anak yatim menurut perspektif al-Hadith.

## **7. ULASAN KAJIAN LEPAS**

Kajian lepas merupakan aktiviti analisis terhadap kajian yang melibatkan bahan bertulis, sama ada tesis, disertasi, latihan ilmiah, kertas kerja, jurnal dan buku ilmiah. Analisis terhadap kajian lepas adalah sangat penting sebagai asas dalam pembina pengetahuan terhadap subjek atau tajuk yang ingin dikaji, disamping untuk melihat kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Ia turut berperanan agar kajian yang ingin dijalankan adalah kajian yang lebih terkehadapan atau dianalisis dari pada perspektif yang berbeza agar dapat meningkatkan kualiti dan mutu kajian bagi member rujukan dan garis panduan kepada generasi seterusnya.

Bedasarkan hasil penelitian, penulis mendapati tujuh penulisan berkaitan dengan pengurusan anak yatim. Namun belum ada penulis dapati yang memfokus kepada pengurusan anak yatim mangsa konflik dan bencana alam sunami. Manakala, lokasi yang dipilih oleh pengkaji juga masih belum ada penyelidikan yang melakukan kajian sepertimana yang sedang dijalankan oleh pengkaji. Dengan itu, pengkaji telah merujuk

beberapa penulisan yang berkaitan dengan bidang pengurusan anak yatim, pengkaji mendapati ada beberapa penulisan yang hampir sama dengan tajuk kajian pengkaji.

Di antara tujuh kajian-kajian lepas yang telah dikenal pasti ialah:

**Pertama:** Kajian tesis yang dilakukan oleh “Hanida Binti Abdullah Samat, “Pengurusan Kebajikan Anak Yatim di Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (Peyatim) Satu Kajian Menurut Perspektif al-Quran”. Kajian ini mengandungi huraian tentang kedudukan anak yatim pada zaman jahiliah, anak yatim dalam al-Quran dan hadith, anak yatim pada zaman Rasulullah. Beliau menjelaskan tentang pengurusan anak didalam al-Quran dan ayat-ayat berkaitan dengan anak yatim. Mengandungi laporan penyelidikan tentang pengurusan kebajikan anak yatim di PEYATIM. Mengalisis tentang aktiviti PEYATIM menurut perspektif al-Quran. Dari kajian ini, penulis merumuskan bahawa PEYATIM telah memainkan peranan penting dalam memastikan kebajikan anak yatim. Kajian ini mendapati bahawa PEYATIM mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak kerajaan dalam menyalurkan segala bentuk bantuan yang diperlukan dan ini membuka lembaran baru dalam pengurusan dan kebajikan anak yatim di Malaysia.<sup>6</sup> Kajian ini tidak sama dengan kajian yang dikaji oleh penulis kerana penulis mengumpul dan menganalisis hadith-hadith yang ada dalam al-Kutub al-Sittah yang berkaitan dengan pengurusan anak yatim dan melihat pendekatan dan kaedah pengurusan terhadap pelbagai jenis berdasarkan fiqh al-Hadith dan pendapat para Ulama. Kajian ini ditumpukan kepada pengurusan anak yatim yang dilakukan oleh pondok markas al-Islah di Banda Aceh.

---

<sup>6</sup>Hanida Binti Abdullah Samat, “Pengurusan Kebajikan Anak Yatim Di Pertumbuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (Peyatim) Satu Kajian Menurut Perspektif Al-Qur’an”, (Ijazah Sarjana Muda, Akademik Pengajain Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004.

**Kedua:** Kajian saudara Hasan Almutahar, Antonia Sasap Abao di peringkat M.A yang bertajuk “Pola pengasuhan anak yatim terlantar dan kurang mampu di Panti Asuhan Bunda Pengharapan (PABP) di Kecamatan Sungai Raya Kabupaten Kubu Raya”. Kajian ini memfokus kepada pola pengasuhan yang diterapkan di Panti Asuhan Bunda Pengharapan (PABP) dengan menggunakan pendekatan kekeluargaan, iaitu dengan cara menggantikan peranan dan kedudukan orang tua. Kegiatan-kegiatan pengasuhan meliputi pengasuhan fizikal, intelektual, moral, spiritual, mental, keterampilan dan aktiviti sosial. Mereka mengamalkan berdoa bersama-sama pada setiap masa bagi mengeratkan ukhuwah. Pelaksanaanya ditemui sejumlah hambatan iaitu, keadaan anak yang kurang baik, kurangnya perhatian dan peranan keluarga yang masih ada, keterbatasan dana, keterbatasan tenaga pengasuh, sedangkan asas utama terdirinya panti ini adalah rasa kekeluargaan dan rasa tanggungjawab sosial. Selain itu, yang menjadi kekangan adalah pendidikan pengurus dan pengasuh yang mungkin di tahap yang masih rendah, tahap kepercayaan masyarakat untuk menghantar anak mereka di panti, sokongan yang tidak tetap daripada masyarakat dan pemerintah sebagai penyumbang dana serta kekurangan sokongan moral dan material.<sup>7</sup> Kajian ini tidak sama dengan kajian pengkaji kerana pengkaji menggunakan hadith-hadith yang ada dalam kitab al-Kutub al-Sittah dan ditempatkan di pondok markas al-Islah al-Aziziyah di Banda Aceh.

**Ketiga:** Terdapat satu penulisan buku ilmiah yang ditulis oleh Prof. Dr. H. Abdul Rozak yang bertajuk “Dahsyatnya Menyantuni Anak Yatim”. Dalam buku ini mengkaji tentang anak yatim dan segala permasalahan yang berkaitan di mana banyak

---

<sup>7</sup>Hasan Almutahar, Antonia Sasap Abao, Pola Pengasuhan Anak Yatim Terlantar Dan Kurang Mampu Di Panti Asuhan Bunda Pengharapan (PABP) di Kecamatan Sungai Raya Kabupaten Kubu Raya” (Program Studi Sosiologi Magister Ilmu Sosial, Fakultas Ilmu Sosial Dan Politik, Universitas Tanjungpura Pontianak, 2014.

Al-Quran dan Hadith yang mengulas tentang anak yatim dan hal-hal yang berkaitan dengannya. Memelihara anak yatim merupakan satu perkara yang penting dan merupakan suatu ibadah. Mengasuh anak yatim juga ibarat membelanjakan harta ke jalan Allah s.w.t, menceritakan tentang bagaimana baginda Rasulullah memperlakukan anak yatim dan beberapa kisah dan keutamaan mendidik, menjaga anak yatim.<sup>8</sup> Penulisan buku ilmiah ini tidak ada persamaan dengan kajian pengkajian, buku ini lebih kepada keutamaan mendidik dan memelihara harta anak yatim serta kelebihanannya berdasarkan al-Quran dan hadith. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji hanya mengumpulkan dan menganalisis hadith-hadith yang ada dalam al-Kutub al-Sittah sahaja.

**Keempat:** Kajian oleh Ramlah binti Awang Ahmad “Penyantunan dan Pembelaan Islam Terhadap Anak Yatim Satu Kajian Di Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim Darul Aitam, Kota Baru Kelantan” menyimpulkan bahawa di rumah kebajikan Darul Aitam, anak-anak yatim dijaga dari segala aspek agar dapat menikmati kehidupan seperti anak-anak yang mempunyai ibu dan bapa. Penjagaan dari segi nafkah agak memuaskan di mana segala keperluan mereka disediakan. Mereka juga diberikan perhatian yang sewajarnya agar mereka tidak merasa terasing walaupun berjauhan daripada keluarga. Darul Aitam memberi perhatian penuh kepada masa depan anak yatim dengan memberikan simpanan masing-masing supaya apabila keluar sekurangnya mempunyai bekalan untuk menjalani kehidupan dalam masyarakat. Hasil kajian ini, pelajaran rohani amat dititikberatkan oleh pihak pentadbiran Darul Aitam supaya mereka mempunyai akhlak dan adab yang baik serta tidak lalai terhadap tanggungjawab agama. Hubungan antara penjaga dan anak yatim adalah seperti sebuah

---

<sup>8</sup>Abdul Razak, Raizison Rujunaidi, ed. *Dahsyatnya Menyantuni Anak Yatim* (Kuala Lumpur. Malaysia, t,th)



keluarga dimana mereka memberikan kesan rohani yang baik. Dari segi persekolahan, mereka mendapat peluang yang sama seperti anak-anak biasa.<sup>9</sup> Kajian ini sama sekali tidak menyamai kajian pengkaji dari sudut skop kajian tempat kajian serta fokus kepada pengurusan, pendidikan moral dan lainnya. Sedangkan kajian pengkaji tertumpu di Banda Aceh dan fokus utama terhadap kaedah pengurusan anak yatim dalam kitab al-Kutub al-Sittah serta pandangan Ulama Muhaddithin dan lain-lainnya.

**Kelima:** Kajian oleh saudari Zanilah binti Yasin daripada Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Terengganu (PERKAYA) bertajuk "Peranan PERKAYA dan Sumbangannya Dalam Pendidikan Anak-Anak Yatim Di Terengganu Darul Iman". Kajian ini mendapati bahawa PERKAYA merupakan sebuah institusi unggul di Terengganu yang sedang bergiat aktif dalam menangani permasalahan anak-anak yatim. Berbagai aktiviti dan program yang telah dilakukan melahirkan pelajar-pelajar yatim yang cemerlang bukan sahaja dari segi akademik malah moral sekalipun. Kajian ini membuktikan bahawa anak-anak yatim di asrama PERKAYA bebas daripada gejala-gejala penyalahgunaan dadah, kerosakan akhlak dan sebagainya. Dari kajian ini menunjukkan bahawa prestasi disiplin dan moral mereka begitu membanggakan ekoran daripada hasil didikan dan penjagaan yang sempurna sehingga anak-anak yatim di Terengganu telah terbelah sepenuhnya.<sup>10</sup> Kajian ini walaupun membahas tentang pengurusan anak yatim, namun lebih kepada pendidikan akhlak dan moral, oleh itu, ia sama sekali tidak menyamai kajian yang dilakukan oleh pengkaji dalam banyak perkara

---

<sup>9</sup>Ramlah binti Awang Ahmad, "Penyan Tunan Dan Pembelaan Islam Terhadap Anak Yatim. Satu Kajian di Rumah Kebijakan Anak-Anak Yatim Darul Aitam, Kota Baru Kelantan", (Ijazah B,A, Akademik Pengajain Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995/1996).

<sup>10</sup>Zanilah binti Yasin, Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Terengganu (PERKAYA) Peranan Dan Sumbangannya Dalam Pendidikan Anak-Anak Yatim Di Terengganu Darul Iman", (Ijazah B,A, Akademik Pengajain Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995).

seperti menganalisis hadith-hadith dalam *al-Kutub al-Sittah* tentang pengurusan anak yatim yang dilakukan oleh pondok MIA di Banda Aceh.

**Keenam:** Kajian oleh Masykura “Konsep Penerapan Pendidikan Akhlak Terhadap Anak Yatim Korban Konflik Dan Tsunami: Studi Kasus Didayah Markas al-Islah al-Aziziyah Lueng Bata Banda Aceh”. Kajian ini untuk mengetahui proses penerapan akhlak yang efektif terhadap anak yatim korban konflik dan Tsunami, untuk mengetahui bagaimana pelaksanaan pendidikan akhlak di Markas al-Islah al-Aziziyah dan hambatan-hambatan pelaksanaannya. Hasil penelitian ini menunjukkan bahawa konsep pembinaan akhlak anak yatim dengan menggunakan kaedah tarhib dan lemah lembut. Ketiga-tiga kaedah ini sangat penting bagi mereka dalam usaha menumbuhkan rasa percaya diri dan semangat baru untuk menempuh kehidupan yang lebih baik.<sup>11</sup> Kajian ini ditumpu kepada penerapan akhlak dan moral kepada anak yatim yang mangsa konflik dan tsunami kesannya dipondok MIA. Oleh itu, ia sama sekali tidak menyamai kajian yang dilakukan oleh pengkaji dalam banyak perkara seperti menganalisis hadith-hadith dalam *al-Kutub al-Sittah* tentang pengurusan anak yatim dan pandangan ulama muhaddithin dan lainnya.

**Ketujuh.** Satu kajian jurnal yang dilakukan oleh James Sengendo and Janet Nambi, “Kesan Psikologi Terhadap Anak-Anak Yatim: Satu Kajian Terhadap Anak Yatim di Daerah Rakai Uganda” kajian ini mengkaji kesan psikologi terhadap 193 anak-anak yatim di daerah Rakai Uganda. Pengkaji dapati dalam kajian ini kebanyakan anak yatim terdedah kepada perkara negatif, ini disebabkan oleh kematian orang yang tempat

---

<sup>11</sup>Masykura, Konsep Penerapan Pendidikan Akhlak Terhadap Anak Yatim Korban Konflik Dan Tsunami: Studi Kasus Didayah Markas Al-Islah Al-Aziziyah Lueng Bata Banda Aceh”, (Disertasi, Akademik Pendidikan Agama Islam, Sekolah Tinggi Agama Islam Al-Aziziyah Masjid Raya Samalanga Kab. Bireuen, 2013)

mereka mengadu nasib (ibu bapa), anak-anak ini menjadi lemah semangat dan terganggu psikologi dan fizikal mereka. Pada dasarnya, anak-anak ini mampu membezakan kualiti kehidupan apabila ibu bapa mereka masih hidup. Tetapi, apabila ibu bapa mereka sakit dan meninggal dunia, anak-anak hilang harapan, merasa sedih dan tidak berdaya. Apabila mereka diambil sebagai anak angkat kebanyakannya merasa marah dan murung.

Kebiasaan mereka yang kehilangan orang tuanya, mereka lebih suka hidup bebas. Bagi orang yang menguruskan anak yatim, memerlukan banyak pengalaman, kesabaran dan kemahiran dalam mengenal pasti punca masalah psikologi dan mental mereka. Guru-guru yang menangani anak yatim itu, hendaklah menjalani latihan supaya dapat mengatasi masalah ini dengan sempurna.<sup>12</sup>

Kajian ini tidak menyamai dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, kajian ini banyak berbeza dengan kajian pengkaji kerana kajian diatas lebih menjurus kepada kesan psikologi terhadap anak yatim sahaja. Sebaliknya, kajian pengkaji lebih kepada pengurusan anak yatim yang ada didalam *al-Kutub al-Sittah* dan pengurusan yang dilakukan oleh pondok MIA di Banda Aceh.

**Kedelapan.** Artikel jurnal yang dihasilkan oleh Wiseman Chijere Chirwa “Sosial dan Kemasukan: Cabaran Bagi Penjagaan Anak Yatim di Malawi” Menyebutkan bahawa salah satu kesan utama HIV/AIDS di Malawi daerah Afrika secara umum adalah kenaikan bilangan anak-anak yatim. Kajian ini sebagai rasa prihatin kepada anak-anak yatim kematian dua orang tuanya di sebabkan oleh kesan

---

<sup>12</sup> Jemes Sengendo and Janet Nambi, “Kesan Spikologi Terhadap Anak-Anak Yatim: Satu Kajian Terhadap Anak Yatim di Daerah Rakai Uganda”, (Universiti Makerere Kampala Uganda. 1997).

HIV/AIDS, keluarga dan sokongan sosial akan membangunkan keupayaan mudah suai dengan pelbagai peringkat kejayaan dan kegagalan.

Dalam kajian ini didapati, kebanyakan anak-anak yatim bergantung kepada kedudukan sosial dan ekonomi seseorang individu. Di mana ditemui anak-anak yatim diperingkat umur mereka semua mengalami masalah, susah untuk ditangani dan mendengar nasihat, dan taraf ekonomi para penjaga akan mengakibatkan kesan pada kejayaan atau kegagalan dalam pengurusan mendidik anak-anak yatim.<sup>13</sup>

Kajian ini juga tidak menyamai dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, namun begitu, perbezaan kajian ini dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji ialah, kajian ini mengkhususkan kepada cabaran bagi penjagaan anak yatim yang terdapat di Malawi akibat daripada HIV/AIDS, sedangkan kajian pengkaji ialah pengurusan anak yatim yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* dan pengurusan yang dilakukan oleh pondok MIA di Banda Aceh.

**Kesembilan.** Artiker Jurnal oleh Ziyād bin „Alī bin Muḥammad al-Jarjawi “ Ri‘ayah al-Yatīm fī Taswir al-Islamiyah bi Jāma‘ati al-Qudus al-Maftūhah”. Pengkaji dapati kajian ini bertujuan untuk mencari corak pengurusan pendidikan terhadap anak yatim, mengenal pasti permasalahan dan mengambil kira aspek fizikal, mental, psikologi dan sosial.

Kajian ini mengikuti panduan al-Quran dan sunnah untuk mengenal hak penjagaan anak yatim, institusi penginapan dan kaedah yang terlibat dalam pengurusan pendidikan anak yatim agar mengikuti pengajaran islam terhadap pengurusan anak yatim.<sup>14</sup>

---

<sup>13</sup> Wiseman Chijere Chirwa, “Sosial dan Kemasukan: Cabaran Untuk Penjagaan Anak Yatim Di Malawi” (University of Malawi 2002).

<sup>14</sup> oleh Ziyād bin „Alī bin Muḥammad al-Jarjawi, Ri‘ayah al-Yatīm fī Taswir al-Islamiyah (Jurnal, Jāma‘ati al-Qudus al-Maftūhah).

Kajian ini ada sedikit persamaan dan perbezaan dengan kajian yang sedang dijalankan oleh pengkaji, kajian ini terlalu umum yang menyentuh tentang memelihara anak yatim dalam konsep Islam, iaitu al-Quran dan sunnah Nabi s.a.w. Sebaliknya, kajian pengkaji lebih kepada pengurusan anak yatim yang ada dalam *al-Kutub al-Sittah* dan pengurusan yang dilakukan oleh pondok MIA di Banda Aceh.

Keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa penulisan dan kajian yang disenaraikan oleh pengkaji yang ada di atas sama sekali tidak menyamai dengan kajian ini, kecuali dalam beberapa aspek yang tersentuh sahaja. Kajian ini lebih memberi fokus dan tumpuan utama terhadap hadith-hadith dalam kitab *al-Kutub al-Sittah* yang membicarakan persoalan pengurusan anak yatim serta penilaian dan perbandingan terhadap kaedah yang dilakukan oleh pondok Markas al-Islah al-Aziziyah di Banda Aceh dengan pendekatan dan kaedah yang dinyatakan melalui hadith-hadith Nabi s.a.w. Kajian ini dalam bentuk kajian lapangan, soal selidik, temu ramah dan pemerhatian langsung dilakukan oleh pengkaji bagi melihat dan menilai aplikasinya di pondok markas al-Islah al-Aziziyah di Banda Aceh.

## **8. METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian adalah merupakan kaedah yang akan digunakan oleh penulis yang paling sesuai untuk menjalankan kajian dan menentukan tatacara yang efektif bagi menjawab permasalahan kajian.<sup>15</sup> Adapun metode yang digunakan pengkaji dalam kajian dibahagi kepada dua kategori iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

---

<sup>15</sup> <http://www.pelajaran.co.id/2016/16/pengertian-dan-definisi-metode-menurut-para-ahli-terlengkap.html>  
13 Jun 2016.

Kajian ini merupakan sebuah kajian lapangan (*field research*) di Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah di Banda Aceh sebagai tempat untuk menjalankan kajian. Walaupun kajian ini dalam bentuk kajian lapangan, terdapat juga penggunaan bahan-bahan berbentuk dokumentasi dalam menjalankan kajian khususnya pada dua bab yang pertama iaitu bab pertama dan bab kedua. Penggunaan metodologi yang tepat adalah sangat penting untuk proses pengumpulan dan menganalisis data. Dari itu, dua metodologi utama digunakan oleh penkaji dalam kajian ini adalah Metodologi Pengumpulan Data dan Metodologi Analisis Data.

### **8.1 Metode Pengumpulan Data**

Metode Pengumpulan data ialah dilakukan untuk memperoleh informasi yang di perlukan dalam rangka mencapai tujuan penelitian. Kaedah ini bermaksud usaha-usaha pengumpulan dan penafsiran data terkumpul. Jadi tujuan penggunaan metode ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih abasah dan tepat.<sup>16</sup> Bagi mencapai tujuan tersebut, pengkaji telah menggunakan beberapa metode bagi mendapatkan data-data yang diperlukan. Data-data tersebut diperolehi dari beberapa sumber iaitu sumber primer dan sekunder. Adapun dalam usaha mengumpulkan data, pengkaji menggunakan penyelidikan perpustakaan.

---

<sup>16</sup> <http://ciputrauceo.net/blog/2016/2/18/metode-pengumpulan-data-dalam-penelitian> 10 Disember 2016.

### **8.1.1 Metode Kajian Perpustakaan**

Metode kepustakaan (Library Reseach) adalah mengumpulkan data dengan membaca buku-buku yang relevan untuk membantu di dalam menyelesaikan dan juga untuk melengkapi data yang berhubungan dengan masalah yang dibahas.<sup>17</sup>

Metode ini dapat dilaksanakan dengan membaca serta menelaah bahan-bahan yang ada hubung kaitnya dengan permasalahan yang dibincangkan untuk mendapatkan maklumat. Bahan bacaan yang dijadikan rujukan adalah terdiri daripada Bahasa Melayu, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Pengkaji juga mendapatkan maklumat daripada bahan-bahan yang primer serta sekunder daripada beberapa buah perpustakaan.

Antara perpustakaan tersebut adalah:

1. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
2. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya
3. Perpustakaan Pendeta Zaaba, Universiti Malaya
4. Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia
5. Perpustakaan Darul Al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
6. Perpustakaan Masjid Raya Baiturrahman Banda Aceh.

Dari bahan-bahan dan data-data kajian yang diperoleh dari beberapa buah perpustakaan. Pengkaji menggunakan metode ini khususnya pada bab pendahuluan dan bab pertama dan bab kedua seterusnya membentuk rangka kajian penuh.

### **8.1.2 Metode Dokumentasi**

metode dokumentasi adalah sekumpulan berkas yakni mencari data mengenai hal-hal berupa perpustakaan, catatan, transkrip, buku, surat kabar, majalah, , notulen, agenda

---

<sup>17</sup><http://www.fourseasonnews.com/2012/08/pengertian-metode-kepustakaan-library.html> 9 Disember 2016.

dan sebagainya.<sup>18</sup> Kaedah ini digunakan oleh penulis melalui penyelidikan yang dijalankan dengan cara mengumpul data. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah dokumentasi untuk:

1. Memberi definisi terhadap beberapa perkataan bagi membincangkan cara pengurusan anak yatim dalam perspektif hadith di pondok markas al-Islah al-Aziziyah di Banda Aceh.
2. Mendapatkan fakta-fakta tentang kedudukan dan sejarah anak yatim dan pondok tersebut.
3. Mengumpulkan fakta-fakta tentang cara pengurusan anak yatim di pondok Markas al-Islah al-Aziziyah di Banda Aceh dan hadith-hadith hujjah mereka.

### **8.1.3 Metode Temubual**

Temubual merupakan cara yang digunakan oleh penulis untuk tujuan mendapatkan keterangan atau penceritaan secara lisan daripada seseorang responden melalui interaksi dengan individu tersebut.<sup>19</sup> Tujuannya ialah untuk mendapatkan data-data dan fakta penting, bertukar-tukar fikiran dan berkongsi pengalaman dengan mereka.<sup>20</sup> Kaedah ini digunakan sepenuhnya oleh penulis dalam Bab tiga untuk mendapatkan fakta dan data yang mempunyai hubungkait dengan kajian ini.

### **8.1.4 Metode Observasi**

Pengkaji juga menggunakan metode observasi yang dilakukan melalui pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian. Tujuan observasi untuk mendapatkan data tentang suatu masalah sehingga diperoleh pemahaman atau sebagai alat untuk

---

<sup>18</sup> <http://www.sarjanaku.com/2011/06/metode-dokumentasi.html> 26 Julai 2016

<sup>19</sup> Koentjaraningrat, *Metod-Metod Penulisan Masyarakat* (Jakarta : Penerbit PT Gramedia 1985), 129.

<sup>20</sup> Abu Hassan Othman, *Masalah Penyelidikan Di Kota: Suatu Analisa* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1980), 7.



menyemak semula atau pembuktian terhadap sesuatu data atau informasi yang diperoleh. Dalam proses ini, observasi adalah merujuk pengamatan, pemerhatian dan pencatatan oleh pengkaji terhadap fenomena-fenomena yang diselidiki atau dikaji secara sistematik.<sup>21</sup> Ini juga termasuk dengan pengalaman peneliti sendiri dengan masalah yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji. Metode yang digunakan ini menjadi pelengkap kepada metode-metode sebelum ini.

Metode observasi ini diguna oleh pengkaji dalam bab ketiga tujuan untuk mengamati kaedah dan pendekatan pengurusan yang dilakukan oleh pondok markas al-Islah al-Aziziyah di Banda Aceh. Metode ini penting kerana tidak ada sebarang penjelasan yang bertulis atau berbentuk dokumen berhubung dengan kaedah dan pendekatan dengan pengurusan di pondok MIA dan penggunaan borang soal selidik dalam mendapatkan data kajian adalah tidak secara menyeluruh melainkan keperluan kepada metode observasi untuk menampung segala kekurangan tersebut.

## **8.2 Metode Analisis Data**

Analisis data adalah satu proses menghuraikan masalah penyelidik berasaskan persoalan penyelidik dengan tujuan menjelaskan objektif yang dinyatakan melalui kaedah-kaedah tertentu. Data-data kualitatif dari segi literatur, temubual semi struktur akan dianalisa secara induktif dan deduktif untuk memahami dan merangka pelaksanaan penyelidikan.<sup>22</sup>

---

<sup>21</sup>Menurut Idris Awang, observasi selalunya disertakan dengan temubual tanpa struktur atau temubual tidak seragam bagi membolehkan penyelidik mengesahkan apa yang difahami daripada keadaan atau suasana ketika itu atau untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut. Oleh itu, dalam proses observasi, kemungkinan pengkaji akan menyelinap masuk dalam fonomena yang dikaji atau melibatkan diri secara langsung atau menjadi pemerhati dari luar yang disertakan dengan perancangan yang teliti. Lihat Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: suatu sorotan*, (Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Intel Multimedia and Publicasion, 2001), 60-61.

<sup>22</sup> Abu Hassan Othman, *Masalah Penyelidikan Di Kota: Suatu Analisa*, 101.

### 8.2.1 Metode Induktif

Metode induktif merupakan satu proses yang membuat kesimpulan daripada maklumat khusus atau spesifik kepada umum (daripada penemuan kepada teori).<sup>23</sup> Dalam kata lain, ia juga diertikan sebagai proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum-hukum daripada fakta-fakta atau maklumat-maklumat yang bersifat khusus.<sup>24</sup> Pengkaji menggunakan metode induktif ini dalam tiap-tiap bab. Setelah menganalisis segala data secara khusus, diakhir analisis pengkaji akan membuat kesimpulan yang menyeluruh terhadap kajian ini secara umum.

### 8.2.2 Metode Deduktif

Manakala metode deduktif pula bermaksud membuat kesimpulan daripada maklumat umum kepada khusus (daripada teori kepada penemuan).<sup>25</sup> Melalui proses deduktif, kesimpulan atau rumusan dibuat daripada maklumat atau fakta yang ada.<sup>26</sup> Pengkaji akan menggunakan metode deduktif ini dalam bab pertama, kedua, ketiga dan keempat. Dalam bab pertama menghendaki pengkaji menganalisis keseluruhan data-data daripada penulisan dan kajian awal dalam bidang pengurusan anak yatim untuk mencapai satu data dan maklumat yang khusus dan mencapai objektif yang ditetapkan.

Metode ini juga digunakan untuk menganalisis hadith-hadith tentang pengurusan anak yatim untuk mencari kesimpulan daripada hadith-hadith tersebut supaya dapat digarap metode dan pendekatan Nabi s.a.w dalam pengurusan anak yatim.

---

<sup>23</sup> Mohd Najib Abdul Ghafar, *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan* (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaya 2003), 12.

<sup>24</sup> Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Fasaiah*, (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia 2002), 6.

<sup>25</sup> Mohd Najib Abdul Ghafar, *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*, 12.

<sup>26</sup> Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Fasaiah, Tiori dan Praktis*, 5.

### 8.2.3 Metode Komparatif

Metode ini merupakan cara untuk menganalisis data dan membuat rumusan secara perbandingan terhadap pendapat, komen, fakta dan data yang diperolehi. Metode ini akan dibincangkan dalam bab empat sebagai hasilnya, suatu kesimpulan akan dikemukakan mengenai kajian ini. Pengkaji akan membuat perbandingan kepada keseluruhan data yang diperolehi untuk mendapatkan rumusan dan kesimpulan.

### 8.2.4 Metode Kualitatif

Metode kualitatif adalah penggunaan fakta, maklumat, pernyataan, ulasan, tanggapan, maksud, konsep, ciri-ciri symbol, persepsi, metafora, perasaan dan seumpamanya. Melalui kaedah kualitatif ini, penyelidik dapat mengkaji secara mendalam fenomena yang berlaku dalam kajian pengkaji tersebut secara realitinya.<sup>27</sup> Sumber data yang diperolehi dalam penyelidikan kualitatif ini adalah dalam bentuk buku, majalah, disertasi jurnal, kertas kerja, seminar, laman web rasmi kerajaan, pamflet, wawancara dan observasi. Pengkaji menggunakan metode ini untuk menganalisis data-data daripada soal selidik yang dijalankan, disamping itu juga pengkaji akan menganalisis hadith-hadith tentang pengurusan anak yatim dalam al-Kutub al-Sittah khususnya dalam bab kedua ketiga dan keempat.

## 9. SISTEMATIKA PENULISAN

Kajian ini didahului dengan penjelasan secara terperinci terhadap beberapa perkara utama yang menyentuh aspek-aspek permasalahan kajian, metodologi kajian,

---

<sup>27</sup>Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan*. (Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001), 6-7

kepentingan dan objektif kajian, serta lain-lain aspek yang menyentuh selok belok kajian ini. Penjelasan ini diletakkan dibawah satu bab khusus yang dinamakan sebagai “Bab Pendahuluan”. Bab ini penting untuk menjelaskan tentang tajuk dan permasalahan kajian, objektif kajian, bentuk dan fokus kajian serta metodologi yang digunakan untuk menjalankan kajian ini.

Kajian ini yang terdiri daripada lima bab tidak termasuk bab pendahuluan akan disusun dalam bentuk berstruktur di mana setiap bab akan dimulai dengan pengenalan dan diikuti dengan latarbelakang dan penerangan yang berkaitan dengan tajuk bab, serta di akhiri dengan kesimpulan.

Pada bab yang pertama mengandungi huraian tentang pengertian anak yatim secara umum, anak yatim dalam Islam, anak yatim di dalam al-Hadith, had pembatasan anak yatim, perbezaan pendapat ulama dalam mendefinisikan anak yatim. Manakala pada bab kedua, pengkaji menyenaraikan dan menganalisis hadith-hadith berkenaan dengan pengurusan anak yatim daripada kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dāwud*, *Jamī‘ Sunan al-Tirmīdhī*, *Sunan Ibn Mājah* dan *Sunan al-Nasā‘ī* yang dikenali sebagai *al-Kutub al-Sittah*. Pengkaji juga mentakhrij dan menilai status atau taraf hadith-hadith tersebut. Pengkaji akan merujuk kepada huraian dan penjelasan bagi setiap hadith-hadith tersebut dari pendapat para ulama muhaddith lainnya serta dibuat perbandingan dan kesimpulan daripada pandangan-pandangan mereka.

Pada bab yang ketiga menghuraikan dengan terperinci mengenai Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah yang merangkumi matlamat pertumbuhannya, struktur organisasinya, tugas-tugas dan biro-biro yang dipertanggungjawab untuk merancang aktiviti-aktiviti pada setiap tahun.

Manakala pada bab yang keempat memfokus kepada analisis perbandingan cara pengurusan anak yatim yang dilakukan oleh Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah

dengan cara pengurusan dalam perspektif fiqh al-Hadith, turut juga menganalisis terhadap pengurusan dan segala aktiviti yang telah dilakukan oleh pondok tersebut.

Manakala yang terakhir pada bab kelima ini mengandungi kesimpulan bagi kajian, ialah penulis membuat kesimpulan secara umum dan khusus dari hasil penyelidikan ini. Penulis juga akan menjelaskan langkah-langkah atau sebarang cadangan yang boleh dilakukan oleh para pihak pondok dimasa yang akan datang untuk meningkatkan kecemerlangan terutama dalam pengurusan anak yatim.

Universiti Malaya

## BAB I

# MENJELASKAN LATARBELAKANG ANAK YATIM DAN TANGGUNGJAWAB TERHADAP MEREKA DALAM PERSPEKTIF ISLAM.

### 1. 0. PENDAHULUAN

Perkataan yatim **يَتِيمٌ** berasal daripada **يَتِيمٌ** yang ertinya tersendiri, permata yang unik tiada tandingannya.<sup>28</sup> Istilah lain **من فقد أباه وهو دون البلوغ ذكرا كان أو أنث** iaitu seorang anak yang hilang orang tuanya (meninggal) ketika mereka belum baligh atau dewasa baik lelaki atau perempuan.<sup>29</sup> Perkataan ini merangkumi pengertian semua anak yang bapanya telah meninggal, ketika mereka belum menginjak usia baligh (dewasa), baik kaya atau miskin, lelaki atau perempuan, beragama Islam mahupun bukan Muslim. Ini kerana psikologi mereka dalam keadaan berbeza dengan anak-anak yang masih mempunyai kedua orang tua. Hilangnya *figure* ayah dalam kehidupan mereka menjadikan mereka lebih bebas, tidak terikat dengan peraturan dan selalu mencari sosok seorang ayah yang dapat menggantikan tempat orang tuanya yang telah meninggal dunia. Anak yatim juga mempunyai keperluan asas dalam kehidupannya, maka dalam hal ini pendidikan yang diberikan kepada mereka sudah selayaknya dapat memenuhi keperluan mereka.<sup>30</sup> Oleh demikian seseorang dikategorikan sebagai yatim apabila:

- i. Anak yang kematian bapa. Adapun anak yang kematian ibu atau bercerai kedua orang tuanya tidak dikatakan anak yatim.
- ii. Anak yang kematian bapa ketika masih dibawah umur atau belum baligh.

Dan apabila mereka sudah baligh tidak lagi dikategerikan sebagai anak yatim.

<sup>28</sup> Louis Ma'uf, *al-Munjid Fi al-Lughah*, (Beirut: Der el-Masyriq, t.t). 923

<sup>29</sup> Dahlan Addul Azizi, *Ensiklopedi Hukum Islam*, (Jakarta: PT Iktiar Baru Van Hoeve , 1997), 1962.

<sup>30</sup>Irfan Supandi dan Ummul Harits, *Keajaiban Mengasuh Anak Yatim* (Surakarta: Ziyat Visi Media, 2009), 15.

Islam datang membawa ajaran yang mulia. Komperihensif ajaran-ajaran Islam mampu menghantarkan umat manusia ke gerbang pintu kemanusiaan, jika diwujudkan dalam keadaan nyata. Salah satunya ialah Islam mengajarkan agar melayani anak yatim dan menjadikan mereka sebagai satu kewajiban umat. Mereka sangat memerlukan kasih sayang dari orang yang mengambil berat dengan keadaan mereka. Mereka memerlukan hak yang sepatutnya bagi keberlangsungan hidup normal sebagai seorang anak kecil.

Keluarga terdekat dari sebelah ayah (wali) yang bertanggungjawab untuk mengasuh mereka, menjadi wali sebagai penjaga harta warisan orang tuanya, namun jika mereka tidak mampu dan merelakan anak yatim tersebut dipelihara oleh kaum muslimin lainnya yang menawarkan diri untuk mengambil si yatim menjadi anak asuhannya.<sup>31</sup>

### **1. 1. Keutamaan Mengasuh Anak Yatim**

Pada dasarnya, jika merujuk kepada kehidupan Rasulullah s.a.w yang juga merupakan seorang yatim piatu. Hikmahnya, dapat mempelajari bahawa Allah mengajarkan tentang keutamaan memelihara anak yatim. Allah s.w.t berfirman

أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيمًا فَآوَىٰ  
Al-Duḥā 93: 6

Terjemahan: “Bukankah dia mendapatimu sebagai seorang yatim, lalu dia melindungimu”

Dengan keterangan ayat ini, Allah s.w.t menyatakan kepada Nabi s. a.w bahawa Allah telah mempunyai perancangan besar pada kehidupannya. Namun, Allah selalu bersama baginda dalam memberikan kurnia-Nya tanpa putus. Kehidupan Nabi s. a. w sebagai anak yatim piatu ini menjadi contoh dalam kehidupan anak yatim yang lain dan

---

<sup>31</sup>Ramlah Ismail, ed., *Keajaiban Mengasuh Anak Yatim* (Kuala Lumpur: S.A. Majeed &Com.Sdn Bhd, t.t), 17-18.

kemuliannya disisi Allah. Sebagaimana yang disebutkan dalam kitab Ṣaḥīḥ al-Bukhārī riwayat daripada Suhil bin Sa‘īd RA berkata: Rasulullah s. a. w bersabda:

أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا ، وَأَشَارَ بِالسَّبَّابَةِ وَالْوَسْطَى وَفَرَجَ بَيْنَهُمَا شَيْئًا

Terjemahan: “Aku dan penjaga anak yatim didalam syurga seperti ini dan baginda berkata dengan menunjukkan dua jari baginda iaitu jari telunjuk dan jari tengah”.<sup>32</sup>

Dari hadith di atas dapat diketahui bahawa betapa besar kemuliaan bagi orang yang menjaga anak yatim. Baginda sendiri memperlakukan anak yatim dengan mengusap kepala setiap kali bertemu dengannya, ini menunjukkan betapa belas kasihan dan kasih sayang baginda kepada anak yatim.

Sebagaimana diketahui, dalam sirah kehidupan Nabi SAW. baginda dilahirkan sebagai anak yatim. Pada usia enam tahun, ibunya Aminah binti Wahab pula meninggal dunia sehingga baginda telah menjadi yatim piatu. Mulai sejak dari itu, baginda dipelihara oleh datuknya yang bernama Abdul Mutalib sehingga baginda berusia lapan tahun. Pada usia muda itu, datuknya pula meninggal dunia, lalu baginda diasuh oleh bapa saudaranya Abu Talib bin Abdul Mutalib sehinggalah Nabi diangkat oleh Allah sebagai Rasul-Nya pada usia empat puluh tahun. Walaupun sehingga akhir hayatnya, Abu Talib tidak menyatakan kalimah syahadah. Tetapi beliau seorang bapa saudara yang mengasuh baginda dengan segala kemampuannya dan selalu melindungi Nabi dari kejahatan kaum Quraisy. Namun akhirnya tiada lagi orang yang melindungi baginda setelah Abu Talib meninggal dunia.

Adapun hikmah dari sirah tersebut adalah bahawa Allah mengajarkan dan memberitahukan kepada kaum muslimin agar mengambil berat tentang pengurusan

<sup>32</sup>Muḥammad bin Īsmā‘īl Abū Abd. Allah al-Bukhārī, dalam *Mawsūat al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin ,Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 508.



anak yatim dan kewajiban terhadap orang yang berhak menguruskannya. Secara psikologi, anak yatim akan mengalami tekanan kerana kehilangan bapanya. Oleh kerana itu, selain ibu yang mengasuh, tugas ayah dapat digantikan oleh datuknya. Jika datuknya tiada, tugas ayah dapat digantikan oleh bapa saudara. Dengan demikian, anak yatim tersebut dapat merasai kasih sayang seorang ayah dari datuk atau bapa saudaranya dari sebelah ayah. Namun dalam hal pengurusan diutamakan yang karekter serupa dengan ayahnya<sup>33</sup>. Hal ini mengingatkan Nabi s. a. w ramai sekali bapa saudaranya termasuk Abu Jahal, Abu Lahab, Abu Sufian dan lain-lainnya. Oleh kerana karekter mereka jauh berbeza dengan karekter Abdullah ayah kandung Nabi, maka dipilihlah Abu Talib yang karekternya lebih serupa dengan Abdullah untuk mengasuh Nabi ketika kecilnya, jika pihak penjaga tersebut tidak ada, barulah pemeliharaan anak yatim tersebut diberi hak pada pihak ketiga, seperti organisasi sosial, rumah asuhan dan organisasi lainya.

## **1. 2. Hak-Hak Anak Yatim**

Setiap anak yang dilahirkan didunia ini dalam keadaan “*fitrah*” dan mempunyai masa depan yang cerah, juga tidak terlepas dipengaruhi orang disekelilingnya.<sup>34</sup> Oleh kerana itu, anak yatim juga memiliki hak yang sama dengan anak-anak yang lainya. Mereka adalah generasi yang berkaliber untuk masa depan umat dan bangsa bagi membentuk diri menjadi manusia yang mampu dalam menghadapi tentangan pada era globalisasi serta mengurus informasi dan komunikasi pada masa akan datang. Dengan demikian, hak-hak mereka harus dipenuhi secara bertahap. Berbicara mengenai hak-hak anak yatim, dalam Islam secara umum dibicarakan tentang apa yang disebut sebagai

---

<sup>33</sup> Raizison Rujunaidi, ed., *Kelebihan Berbakti Kepada Anak Yatim* (Kuala Lumpur: Synergy Media, t.t), 24-26.

<sup>34</sup> Baharuddi Lopa, *al-Quran dan Hak-Hak Asasi Manusia* (Yogyakarta: Dana Bhakti Prima Yasa, 2001), 76.

*Dharūriyyāt kham* (lima keperluan pokok). Lima hal yang perlu dipelihara sebagai hak setiap orang:<sup>35</sup>

- i. Pemeliharaan hak beragama.
- ii. Pemeliharaan hak jiwa.
- iii. Pemeliharaan „akal.
- vi. Pemeliharaan harta dan keturunannya.

Setelah anak dilahirkan dalam dunia ini, mereka sudah memiliki hak asasi, yakni hak untuk memperoleh kasih sayang, pendidikan, moral atau akhlak dari kedua orang tuanya, hal ini sebagaimana Allah sebutkan dalam firman-Nya.

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنِيْمَ الرِّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ  
رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ وَالدَّةُ بِوَالِدِهَا وَلَا  
مَوْلُودٌ لَهُ بِوَالِدِهِ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ

al-Baqarah 2: 233

Terjemahan: Para ibu hendaklah menyusukan anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang mahu menyempurnakan penyusuan. Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang ma'ruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya. Janganlah seorang ibu menderita kesengsaraan kerana anaknya, dan waris pun berkewajiban demikian.

Ayat diatas menunjukkan bahawa seorang anak berhak mendapat berbagai perawatan dan pendidikan sejak kecil hingga dewasa, menjadi generasi penerus kedua orang tua dan akhirnya menjadi pewaris langsung sifat-sifat utama kedua orang tuanya.<sup>36</sup> Hak anak juga harus diperhatikan tentang perawatan dirinya yang tentu tidak hanya sekadar keperluan sahaja, tetapi juga harus memenuhi keperluan hidup lainnya,

<sup>35</sup> Siti Aisya Nurman Bakhtiar, *Hak Anak Dalam Komvensi dan Realita* (Jakarta: Majalah Hidayatullah, 2001), 3.

<sup>36</sup> Baharuddi Lopa, "al-Quran dan Hak-Hak Asasi Manusia," 77.

seperti keperluan tempat tinggal, ubat-ubatan, hiburan dan lain-lainnya termasuk juga keperluan jasmani dan rohani harus dipenuhi sehingga anak dapat membesar dan berkembang, baik dari segi mental dan fizikal.<sup>37</sup>

### 1. 2. 1. Hak Dalam Bentuk Harta Benda

Harta adalah bekalan untuk mengharungi kehidupan. Seseorang yang mempunyai harta tentu akan boleh bertahan hidup dengan mudah dan selesa. Sebaliknya orang yang miskin harta, hidupnya terlantar dan seringkali disisihkan. Di antara anak-anak yatim, hanya terdapat segelintir sahaja dari mereka yang mewarisi kekayaan dari kedua orang tuanya. Hal ini menjadi kewajipan bagi wali menjaga dan memelihara harta anak yatim dan keamanan harta warisan sehingga mereka dewasa,<sup>38</sup> sebagaimana yang telah disebutkan dalam al-Quran:

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ  
كَانَ مَسْئُولًا

Al-Isrā“ 17: 34

Terjemahan: Dan janganlah kamu mendekati harta anak yatim, kecuali dengan cara yang lebih baik (bermanfaat) sampai ia dewasa dan penuhilah janji-janji: sesungguhnya janji itu pasti diminta pertanggungjawabkan.

Dengan ketentuan ayat ini, selama anak yatim belum mencapai akil baligh, wali wajib menunaikan hak-hak harta anak yatim tersebut. Bahkan, wali boleh menggunakan dan mengembangkan harta tersebut hingga bertambah banyak. Tetapi tidak boleh memakan harta anak yatim itu selagi dia mampu berusaha untuk mencukupi

<sup>37</sup> Siti Aisya Nurman Bakhtiar, “Hak Anak Dalam Komvensi dan Realita,” 3.

<sup>38</sup> Ramlah Ismail, ed., *Keajaiban Mengasuh Anak Yatim* (Kuala Lumpur: S.A. Majeed &Com. Sdn Bhd, t.t), 76-77.

keperluan hidupnya sendiri. Tidak boleh mencampurkan harta anak yatim dengan harta sendiri, kerana dikhuatiri termakan harta anak yatim dengan tidak sengaja.

Dalam satu riwayat, diceritakan bahawa pada suatu hari datang seorang sahabat dan bertanya kepada Rasulullah s. a. w “Ya Rasulullah, aku ini orang miskin, tetapi aku memelihara anak yatim dan menjaga hartanya, bolehkah aku makan dari harta anak yatim ini?” Rasulullah menjawab: “Makanlah dari harta anak yatim sekadar sahaja, jangan berlebih-lebihan, jangan membazir, dan jangan dicampur adukkan hartamu dengan harta anak yatim itu.”<sup>39</sup>

### 1. 2. 2 Kasih Sayang

Untuk berbuat baik kepada anak yatim adalah dengan memberikan kasih sayang dan memperlakukan mereka dengan baik, bahkan perintah tersebut juga disampaikan kepada Bani Israil iaitu umat terdahulu sebelum ini. Dengan demikian syari‘at untuk melayani anak yatim bukanlah syari‘at baru, ia adalah merupakan sejak sebelum Rasulullah s. a. w diutuskan, sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ  
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا  
مِّنْكُمْ وَأَنتُمْ مُّعْرِضُونَ  
Al-Baqarah 2:83

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika kami mengambil janji dari bani Israil (iaitu): janganlah kamu menyembah selain Allah, dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta ucapilah kata-kata yang baik kepada manusia, dirikanlah solat dan tunaikan zakat, kemudian kamu tidak memenuhi janji itu, kecuali sebahagian kecil daripada kamu, dan kamu selalu berpaling.

<sup>39</sup>Sulāīman bin al-‘Ash‘āth bin Ishāq, Sunan Abū Dawūd: [Kitāb al-Wasāyān, Bāb Ma Jā‘a fi Ma Liwalī al-Yatīmā A‘n Yunāla Min Māli al-Yatīm, No. Hadīth, 2488]. Lihat *Mawsūat al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Šālih bin ‘Abd al-Azīz ‘Al al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 1602.

Dalam ayat ini Allah menegaskan tentang bergaul, berbuat baik kepada anak yatim agar mereka dapat hidup dengan anak-anak lainnya. Umur mereka yang masih kecil belum memungkinkan mereka untuk mampu menghadapi sendiri liku-liku kehidupan ini dengan seimbang. Mereka belum mampu untuk memenuhi keperluan mereka sendiri. Pemikiran dan nalurnya masih perlu diajar dan dibantu oleh mereka yang sudah dewasa dan telah mengetahui lebih banyak asam garam kehidupan. Menjadi yatim bukanlah sesuatu yang dikehendaki. Ia juga bukan pilihan melainkan sebuah ketentuan yang wajib di terima. Inilah *iradah* Allah semesta alam untuk menunjukkan sebahagian dari ayat-ayat-Nya. Bila Allah telah menetapkan seseorang itu yatim, siapa pun tidak ada yang mampu dapat menolaknya melainkan dengan kesabaran.<sup>40</sup> Dalam riwayat Jāmi‘ al-Tirmidhī daripada:

حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ يَعْقُوبَ الطَّلَقَانِيُّ حَدَّثَنَا الْمُعْتَمِرُ بْنُ سُلَيْمَانَ قَالَ سَمِعْتُ أَبِي يُحَدِّثُ عَنْ حَنْشٍ عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ قَبِضَ يَتِيمًا مِنْ بَيْنِ الْمُسْلِمِينَ إِلَى طَعَامِهِ وَشَرَابِهِ أَدْخَلَهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ إِلَّا أَنْ يَعْمَلَ ذَنْبًا لَا يُغْفَرُ لَهُ قَالَ وَفِي الْبَابِ عَنْ مَرْثَةَ الْفَهْرِيِّ وَأَبِي هُرَيْرَةَ وَأَبِي أُمَامَةَ وَسَهْلِ بْنِ سَعْدٍ قَالَ أَبُو عَيْسَى وَحَنْشٌ هُوَ حُسَيْنُ بْنُ قَيْسٍ وَهُوَ أَبُو عَلِيِّ الرَّحِيِّ وَسُلَيْمَانَ التَّيْمِيُّ يَقُولُ حَنْشٌ وَهُوَ ضَعِيفٌ عِنْدَ أَهْلِ الْحَدِيثِ

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Sa'id bin Ya'qub Ath- Thayalisi telah menceritakan kepada kami al-Mu'tamir bin Sulaiman berkata; saya mendengar Bapaku menceritakan dari Hanasy dari Ikrimah dari Ibn „Abbās berkata: Sesiapa yang memelihara anak yatim dan memberinya makan dan minum niscaya Allah akan memasukkannya ke dalam syurga kecuali jika dia melakukan dosa yang tidak dapat diampuni.<sup>41</sup>

<sup>40</sup>Ramlah Ismail et al., “ *Keajaiban Mengasuh Anak Yatim*,” 87-89.

<sup>41</sup>Sunan al-Tirmidhī [Kitāb al-Birru al-Wasilah „An Rasulullah, Bāb Ma Jā`a Fi Rahmatan al-Yatīm wa Kifālatih], No. Hadith, 1917. Lihat: Muhammad bin „Isa bin Sūrah bin Mūsa, Sunan al-Tirmidhī, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Şālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyādh: Dār al-Salām, 2000), 1845. Hadith semakna diriwayatkan dari Murrah al-Fihri, Abū Hurairah, Abū Umāmah dan Sahl bin Sa'ad. Berkata Abū „Isa: Ḥanashu bernama Ḥanashu bin Qais dan dia adalah Abū „Ali ar-Ruhaili, berkata Sulāimān al-Taimi berkata ia: Ḥanashu ialah seorang yang ḍa'īf menurut ahli hadith. Lihat: Sunan al-Tirmidhī [ Kitāb al-Birru al-Wasilah „An Rasulullah, Bāb Ma Jā`a Fi Rahmatan al-Yatīm wa Kifālatih], No. Hadith, 1917.

Amnya, kasih sayang merupakan faktor utama dalam pembentukan peribadi seorang kanak-kanak dan anak yatim khususnya. Perhatian melalui kasih sayang akan dapat mewujudkan perasaan bahawa kehadiran mereka dalam keluarga baru diterima dan dilindungi.

### 1. 2. 3. Penyusuan

Penyusuan merupakan hak dan perlindungan bagi setiap kanak-kanak yang masih kecil. Ia merupakan satu bentuk jaminan bagi pembesaran kerana susu adalah bahan makanan yang sesuai dengan umurnya pada peringkat awal kelahirannya. Ini adalah bentuk perlindungan yang pertama, dan ini termasuk didalam nafkah yang wajib diberikan oleh para wali anak yatim. Jika anak yatim tersebut mempunyai ibunya, maka ibu adalah orang yang paling berhak ke atas anaknya dari segi penyusuan. Seperti firman Allah s.w.t.

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنِيْمَ الرِّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ  
رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ وَالدَّةُ بِوَلَدِهَا وَلَا  
مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ

al-Baqarah 2: 233

Terjemahan: Para ibu hendaklah menyusukan anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang mahu menyempurnakan penyusuan. Dan kewajipan ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang ma'ruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya. Janganlah seorang ibu dan ayah menderita kesengsaraan kerana anaknya dan warispun berkewajipan demikian.

#### 1.2. 4. Pendidikan

D. Marimba mengatakan pendidikan adalah bimbingan atau tunjuk ajar yang dilakukan sepenuh hati oleh si pendidik terhadap perkembangan jasmani dan rohani yang di didik menuju terbentuknya keperibadian yang utama.<sup>42</sup>

Menurut Ki Hajar Dewantara pendidikan ialah tuntutan di dalam tubuh anak-anak, agar mereka menjadi manusia dan masyarakat yang mencapai keselamatan dan kebahagiaan yang sebenar-benarnya.<sup>43</sup> Selain daripada penyusuan, para wali dan pengurusan anak yatim bertanggungjawab memastikan setiap anak mendapatkan pendidikan yang sewajarnya. Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seorang anak pada masa yang akan datang. Pendidikan yang diterima sejak kecil akan menjamin kejayaan dalam kehidupan mereka. Jika salah didikan, maka akan menjadi generasi yang merosakkan ummah. Namun demikian, pendidikan yang berkesan ialah pendidikan yang membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat. Pendidikan adalah bimbingan atau pimpinan yang diberikan secara langsung atau tidak langsung didalam menentukan jasmani dan rohani untuk membentuk peribadi yang mulia.<sup>44</sup>

Pengertian yang lebih luas, pendidikan bukanlah sekadar memberikan pelajaran, makan minum dan pakaian bahkan ia sebenarnya meliputi semua perkara yang berkaitan dengan keperluan anak-anak, sama ada secara formal ataupun tidak formal, sebagaimana tuntutan Rasulullah dalam mempelajari ilmu. Dalam hadith riwayat daripada Anas bin Mālik berkata, Rasulullah S.A.W. bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

<sup>42</sup>Ahmad D. Marimba, *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*, (Bandung: al-Mā'arif, 1981), 19.

<sup>43</sup> Hasbullah, *Dasar-Dasar Ilmu Pendidikan*, (Jakarta: Pt. Raja Grafindo Parsada, 2005), 4.

<sup>44</sup>Hanida Binti Abdullah Samat, "Pengurusan Kebajikan Anak Yatim Di Pertumbuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (Peyatim Satu Kajian Menurut Perspektif Al-Qur'an)", (Ijazah Sarjana Muda, Akademik Pengajain Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004.

Terjemahan: “Menuntut ilmu itu wajib ke atas tiap-tiap orang muslim”<sup>45</sup>

Dari dalil hadith di atas, ketentuan mempelajari ilmu adalah suatu perkara yang wajib. Maka bagi para wali dan pengurusan anak yatim harus mengambil berat dalam pendidikan anak yatim dan memastikan ilmu yang diberikan kepada mereka, tidak boleh membezakan pendidikan antara anak-anak lelaki dan perempuan. Pendidikan anak yatim adalah satu proses untuk membimbing dan mendidik mereka agar memiliki kekuatan akal, rohani, jasmani, akhlak dan lainnya yang merangkumi pendidikan.

#### 1.2.5. Pendidikan Akhlak dan Moral

Kata akhlak berasal dari bahasa Arab yang bermaksud tabiat, budi pekerti, kebiasaan atau adab dan perilaku.<sup>46</sup> Menurut Soegarda akhlak ialah budi pekerti, watak, kesusilaan. Moral adalah kelakuan baik yang merupakan dari sikap jiwa yang benar terhadap Allah dan terhadap sesama manusia.<sup>47</sup> Berdasarkan pengertian di atas, Yunahar menyimpulkan bahawa akhlak ialah sifat yang tertanam dalam jiwa manusia yang akan muncul secara tiba-tiba bila mana diperlukan pemikiran atau pertimbangan lebih dahulu yang tidak memerlukan dorongan dari luar.<sup>48</sup>

Dalam ajaran Islam, pemeliharaan seorang anak tidak hanya dengan nafkah lahirnya sahaja, akan tetapi memerhatikan juga aspek pendidikan dan moral anak tersebut. Terutama bagi anak yatim yang tidak memiliki kedua orang tua untuk memberikan pendidikan formal dan tidak formal. Yang dimaksudkan dengan

---

<sup>45</sup> Ali bin Abi Bakr al-Haythāmi, *al-Majmu' al-Zawā'id, wa Manba' Fawa'id*, Kitāb al-Ilm, Bāb fi Talab al-Ilm, (Lubnan: Dār-al-Kitāb, 1967), 1: 119.

<sup>46</sup> Dewan Redaksi Ensiklopedi Hukum Islam, *Ensiklopedi Hukum Islam*, (Jakarta: Ikhtiar Baru Van Hoeve, 1994), 102.

<sup>47</sup> Poerwadarmita, *Kamus Umum Bahasa Indonesia*, (Jakarta: Balai Pustaka, 1991), 8.

<sup>48</sup> Soegarda Poerbakawatja, *Ensiklopedi Pendidikan*, (Jakarta: Gunung Agung, 1979), 9.



pendidikan akhlak ialah anak-anak perlu dididik dan membiasakan diri dengan prinsip-prinsip akhlak yang mulia sejak mumayyiz lagi sehingga mereka bertanggungjawab terhadap diri mereka sendiri.<sup>49</sup>

Al-Marāghiy menjelaskan bahawa perintah berbuat baik pada anak yatim adalah dengan cara memperbaiki pendidikan dan menjaga hak miliknya supaya tidak disia-siakan. Oleh kerana itu, para wali anak yatim bertanggungjawab dalam hal pendidikan anak yatim dengan akhlak yang mulia, menjauhkan mereka daripada menyebut perkataan maki, membiasakan mereka dengan perikemanusiaan yang tinggi seperti berbuat baik kepada golongan fakir miskin, orang yang lebih tua dari mereka dan lain-lainnya.<sup>50</sup>

### 1.2.6 Pendidikan Jasmani

Memberi pendidikan jasmani kepada anak yatim juga merupakan tanggungjawab wali agar mereka dapat membesar dalam keadaan yang sihat dan kuat. Dalam agama Islam mengajar umatnya untuk menjaga kesihatan jasmani. Allah s.w.t. mengetahui tabiat manusia yang ingin menunaikan hak jasmani untuk menikmati apa yang sudah dihalalkan oleh Allah. Menjaga jasmani dengan akhlak yang kukuh dan dengan tarbiah *jasadīyyah*.<sup>51</sup>

Dalam menjaga kesihatan jasmani, wali anak yatim perlu menjaga beberapa perkara, iaitu wajib memberikan nafkah kepada anak yatim yang berada dibawah jagaannya dengan demikian akan memperoleh ganjaran pahala. Sebaliknya jika tidak melaksanakan tanggungjawab yang sepatutnya akan mendapat dosa dan balasan dari

---

<sup>49</sup> „Abd Allāh Nasih „*Ulwan Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islām*, c. 17, (Kaherah: Dār al-Salām li al-Tibā‘ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi, 1990), 1: 203.

<sup>50</sup> Dr. „Alī „Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *Tarbiyyah al-Nasyi‘ al-Muslim*, (Manṣūrah: Dār al-Wafā‘, 1992), 216.

<sup>51</sup> *Ibid.*, 292.

Allah s.w.t. Di antara nafkah itu ialah dengan memberi makanan yang seimbang, tempat tinggal dan pakaian yang baik. Ini bertujuan agar jasmani anak yatim tersebut sihat dan tidak terdedah kepada penyakit.<sup>52</sup>

### 1.2.7. Pendidikan Rohani dan Keimanan

Pendidikan keimanan ialah mengikat hati si anak dengan keimanan kepada Allah s.w.t., malaikat, kitab-kitab, para Rasul, hari kiamat dan qadac dan qadar. Mereka juga diajar agar beriman dengan perkara ghaib seperti azab kubur, hari kebangkitan, hisab, syurga, neraka dan sebagainya.<sup>53</sup>

Tanggung jawab seorang wali dalam penegurusan anak yati, mengajar dan menyuruh melakukan ibadah semasa ia sampai umur tujuh tahun. ini sebagai mana yang di sebutkan dalam riwayat dari pada `Amru bin Shu`ib dari ayahnya dari datuknya Rasulullah s.a.w. bersabda:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاصْرِبْهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرٍ وَفَرِّقُوا  
بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Terjemahan: “Perintahlah anak kamu untuk sembahyang semasa mereka berusia tujuh tahun dan pukullah mereka ketika mereka berumur sepuluh tahun dan pisahkanlah tempat tidur di antara mereka”.<sup>54</sup>

Setelah mereka *mumaiyyiz*, penjaga mestilah mengajarkan mereka mengenai hukum halal dan haram. Didikan ini bertujuan untuk membuka hati seseorang itu dengan mengajarkan perintah Allah sejak kecil lagi disamping menjauhi larangan-larangan-Nya, sebagaimana yang di sebutkan dalam hadith riwayat dari pada Abi Hurā'irah Rasulullah s.a.w bersabda:

<sup>52</sup> „Abd Allāh Nasih „*Utwan, Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islām*,”292.

<sup>53</sup> *Ibid.*, 489-494.

<sup>54</sup> Abū Muhammad bin Ahmad bin Mūsa, *Sharah Sunan Abi Dāwud*, terj. Abu al-Munzir Khalidi bin Ibrāhim (al-Riyad: Maktabah al-Rashid, 1999), 2: 415.

فَإِذَا نَهَيْتُكُمْ عَنْ شَيْءٍ فَاجْتَنِبُوهُ وَإِذَا أَمَرْتُكُمْ بِأَمْرٍ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Terjemahan: “Maka bila aku melarang kalian dari sesuatu hindarilah, dan bila aku perintahkan kalian dengan suatu perintah maka datangilah/laksanakanlah semampu kalian.<sup>55</sup>

Pendidikan moral dan agama atas anak yatim ini termasuk perkara yang wajib mendapat perhatian khusus dari wali dan *ulil amri*. Diharapkan mereka tidak menjadi unsur perusak atau akar kesengsaraan dalam umat dengan menularkan benih-benih kerusakan akhlak mereka dalam pergaulan dengan yang lainnya.<sup>56</sup>

Pada zaman jahiliah, anak-anak yatim diperlakukan seperti hamba. Mereka tidak memiliki hak apapun, tidak mendapat perlindungan dan tidak mendapat harta warisan. Namun ketika Islam datang, agama memberi peraturan yang terbaik terhadap masa depan anak yatim. Jika seorang anak yang sudah meninggal orang tuanya, maka ahli keluarga yang mengurus kehidupannya. Akan tetapi jika mereka tidak mempunyai keluarga, maka kerajaan dan umat Islamlah yang mengambil alih tugas ini. Mereka tidak hanya bertanggungjawab untuk merawatnya, namun juga mengurus hartanya. Jika sang anak yatim sudah dewasa dan pandai mengurus hartanya. Maka hartanya diserahkan sepenuh kepadanya. Dalam hal ini, penjaga tidak boleh memakan sedikit pun dari harta anak yatim secara zalim.<sup>57</sup>

<sup>55</sup> Muhammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Beirūt: Dār Ihyā‘, 1392 H), 22: 255.

<sup>56</sup> Muhmud Syaltut, *Tafsir al-Quran al-Karim Pendekatan Syaltut Dalam Menggali Esensi al-Quran*, terj. Herry Noer Ali (Bandung: Diponogoro, 1990), 358.

<sup>57</sup> Muhammad Faiz al-Math, *Keistimewaan Islam*, terj. Masykur Halim (Jakarta: Gema Insane Press, 1994), 89.

### **1. 3. Isu-Isu Semasa Terhadap Anak Yatim**

#### **1. 3. 1. Had Umur Anak Yatim**

Setiap umat Islam terutamanya wali anak yatim hendaklah mengetahui dengan jelas hak umur anak yatim sebelum melaksanakan kewajipan dalam hal yang telah di tentukan dalam syariat kepada mereka. Agar tidak berlaku penyelewengan terhadap mereka yang benar-benar berhak menerima bantuan. Lebih jelas lagi sampai bilakah wali wajib memberikan hak mereka sebagai anak yatim.

Perkara yang menentukan apakah seorang anak masih dianggap yatim ataupun tidak ialah had umur baligh mereka. Didalam Islam terdapat dua cara untuk menentukan bahawa seseorang itu sudah baligh iaitu secara *tabi''iy* dan penentuan mengikut umur berdasarkan tahun *qamariyyah* iaitu tahun Hijrah.

#### **1. 3. 2. Cara Tabi'i**

Cara ini adalah berkaitan dengan perubahan fizikal dan perkembangan emosi serta tanda-tanda yang disepakati oleh para fuqaha seperti keluar haid bagi perempuan dan bermimpi bagi lelaki.<sup>58</sup>

#### **1. 3. 3. Penentuan Mengikut Umur**

Selain daripada cara di atas, terdapat juga cara lain bagi menentukan tahap baligh bagi seseorang anak sekiranya ia tidak mengalami tanda-tanda tersebut. Para fuqaha telah berselisih pendapat dalam menentukan jangka masa kanak-kanak menjadi baligh. Sebahagian daripada mereka menentukan umur baligh bagi kanak-kanak lelaki ialah 12

---

<sup>58</sup>Muhammad Abū Zahrah, *al-Wilayah ,ala al-Nafs*, (Beirut : Dār al-Ra'īd al-,Arabī, 1970), 552.

tahun dan ada yang mengatakan 10 tahun. Manakala kanak-kanak perempuan ialah 9 tahun.<sup>59</sup>

Menurut Imam al-Shāfi'ī, al-Awzā'ī, Abū Yūsuf dan Muhammad dari mazhab Ḥanbali dan Ḥanafī bersepakat mengatakan had umur maksimum bagi kanak-kanak itu mencapai usia baligh ialah 15 tahun, yang mana dengan berakal maka tertegahnya sesuatu hukum keatas mereka.<sup>60</sup>

#### 1.3.4. Perwalian ke Atas Diri Anak Yatim

Perwalian ke atas diri adalah tanggungjawab menjaga, memelihara dan mendidik anak yang belum dewasa sama ada dari segi fizikal, mental atau kerohanian.<sup>61</sup> Islam telah menentukan tugas perwalian ini hendaklah diserahkan kepada orang yang benar-benar dapat memberikan kebahagiaan dan kesejahteraan kepada anak yatim tersebut. Namun, orang yang paling berhak dalam perwalian terhadap diri anak ialah bapa, sekiranya bapa sudah meninggal dunia maka yang berhak perwalian berpindah kepada datuk sebelah bapa. Rasulullah s. a. w sendiri pernah dipelihara oleh datuknya yang bernama „Abd al-Mutālib dan beliau menganggap Rasulullah seperti anaknya sendiri.<sup>62</sup>

Berlakunya perwalian ke atas diri mereka ialah kerana kelemahan seseorang untuk menguruskan dirinya seperti kanak-kanak, orang gila dan perempuan serta keperluan seseorang terhadap pendidikan, pengajaran dan pengasuhan. Sekiranya anak tersebut tidak mempunyai bapa atau datuk maka perwalian tersebut berpindah kepada yang mengikuti keutamaan ialah:<sup>63</sup>

##### i) Saudara kandung lelaki

---

<sup>59</sup>*Ibid*

<sup>60</sup>Muhammad al-Sharbini al-Khatib, *al-Mughni al-Muhtaj*, (Kaherah: Matba'ah al-Bāb al-Ḥalabī, 1958), 2: 167.

<sup>61</sup>Muhammad Abū Zahrah, *al-Wilayah ,ala al-Nafs*,. 29.

<sup>62</sup>Dr. Inas „Abbas Ibrahim, *Ri'ayah al-Tufulah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, (Kaherah: Dār al-Buhūth al-„Ilmiyyah, 1985), 310.

<sup>63</sup>*Ibid*, 311.

- ii) Saudara lelaki sebapa
- iii) Anak-anak kepada saudara lelaki seibu dan sebapa
- iv) Bapa saudara sebelah bapa
- v) Sepupu lelaki sebelah bapa
- vi) Qadi yang telah menentukan anak itu dijaga oleh ahli keluarga atau orang lain yang diketahui tentang amanahnya atau bergantung kepada kebijaksanaan qadi.

Berdasarkan susunan wali yang di atas, jelaslah bahawa wali adalah terdiri dari ahli keluarga terdekat yang mempunyai hubungan darah dengan anak tersebut. Wali tersebut mempunyai hubungkait dengan kedudukan anak itu dalam menerima harta warisan.

#### **1. 4. KESIMPULAN**

Anak yatim ialah seorang anak yang hilang orang tuanya (meninggal) ketika mereka belum baligh atau dewasa baik lelaki atau perempuan. Perkataan ini merangkumi pengertian semua anak yang bapanya telah meninggal, ketika mereka belum menginjak usia baligh (dewasa), baik kaya atau miskin, lelaki atau perempuan, beragama Islam mahupun bukan Muslim.

Dari uraian di atas pengkaji dapat menyimpulkan bahawa anak-anak yatim korban konflik dan tsunami terjebak dengan gejala sosial sangat rendah, kerana banyak faktor yang mempengaruhi psikologi mereka, hal ini boleh terjadi kerana semenjak dari kecil mereka tidak mendapat bimbingan, perhatian dan kasih sayang orang tua.

Akibat konflik bersenjata dan tsunami yang berlaku di bumi Aceh serambi Makkah mengakibatkan ramai masyarakat mengalami trauma psikologi, terutama dalam kalangan anak-anak dan remaja yang mengalami langsung peristiwa yang berlaku atas

keluarga mereka maupun di sekitarnya. Mereka memerlukan kepada didikan dan bimbingan yang betul-betul supaya psikologi mereka boleh pulih semula.

Syari'ah dan sunnah Nabi s.a.w menegaskan satu perkara hukum mengurus dan mendidik anak yatim adalah tanggung jawab bersama, Nabi s.a.w melarang keras bagi umatnya yang mensia-siakan anak yatim. Disamping kewajiban mengurus anak yatim, Allah s.w.t memberikan ganjaran pahala yang luar biasa bagi sesiapa yang mengurus anak yati dengan cara yang benar, iaitu mereka akan di kumpulkan dalam shurga bersama-sama para Ambia.

Universiti Malaysia

## BAB II

### HADITH-HADITH TENTANG CARA PENGURUSAN ANAK YATIM DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH* DAN PERBINCANGAN DALAM *FIQH AL-HADITH*.

#### 2. 0. PENDAHULUAN

Dalam kajian bab ini, pengkaji akan memilih, menyenarai, memilih dan menganalisis hadith-hadith yang berkaitan dengan pengurusan anak yatim dalam *al-Kutub al-Sittah*. Adapun hadith-hadith yang dipilih melibatkan hadith-hadith yang menjelaskan cara pengurusan anak yatim, hak anak yatim, memuliakan anak yatim, berbuat ihsan, pengurusan harta, wali anak yatim serta beberapa hadith lain yang berkaitan dengan anak yatim.

#### 2. 1. Pendekatan, Metode Dalam Pemilihan dan Analisis Hadith

Dalam menganalisis hadith-hadith yang berkaitan dengan pengurusan anak yatim, pengkaji telah memilih untuk membuat kajian hadith-hadith yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* sahaja, pengkaji juga akan menetapkan beberapa aspek pemilihan iaitu:

Mengutamakan hadith-hadith berdasarkan bentuk dan jenis hadith yang berkaitan pengurusan anak yatim. Hal ini supaya skop dapat difokuskan dan tidak tersasar dari objektif yang ditetapkan.

Mendahulukan matan-matan hadith riwayat Imam al-Bukhārī dan Imam Muslim berbanding hadith-hadith riwayat baki empat imam yang lain (Abū Dawūd, al-Tirmidhī, al-Nasā'ī dan Ibn Mājah). Jika terdapat matan yang sama, pengkaji akan mendahulukan matan daripada al-Bukhārī dan Muslim. Namun, jika terdapat hadith-hadith yang bukan diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim, maka hadith-hadith tersebut akan dilakukan



penelitian taraf hadith agar kenyataan dan hujah yang dikemukakan dapat diketahui kesahihannya sama ada diterima atau ditolak.<sup>64</sup>

Keseluruhan hadith yang dikenalpasti akan dikumpul dan disenarai berdasarkan tajuk-tajuk khusus yang berkaitan dengan pengurusan, perbincangan dan pendapat para ulama tentang anak yatim. Namun terdapat beberapa aspek yang diberi penekanan oleh pengkaji untuk memahami hadith-hadith tersebut. Antara aspek-aspek yang diberikan penekanan dengan cara membentangkan matan teks hadith berserta nama perawi *al-A'la* (iaitu dari kalangan para sahabat ) yang dipilih, terjemahan hadith, sumber hadith dari *al-Kutub al-Sittah*, ulasan riwayat hadith dan pembahasannya.

Dalam perkara ulasan riwayat hadith, pengkaji akan menjelaskan riwayat-riwayat yang mempunyai perbezaan makna kalimah yang *gharibah*, serta hukumnya yang bukan dari riwayat al-Bukhārī dan Muslim. Penjelasan ulasan riwayat hadith dicatat oleh pengkaji pada bahagian nota kaki (*footnote*) sahaja.

Dalam perbincangan hadith, pengkaji akan merujuk kepada kitab-kitab syarah hadith untuk menjelaskan topik-topik pembahasan berkaitan. Dalam hal ini, pengkaji menggunakan pendekatan yang berbeza ketika membahas hadith-hadith. Sesuatu hadith tidak akan dijelaskan secara panjang lebar melainkan hanya menghuraikan kepada topik-topik utama, disandarkan kepada hadith pilihan sahaja.

---

<sup>64</sup>Metode penelitian bagi menetapkan sesuatu hukum atau taraf bagi sesuatu hadith adalah dengan merujuk dan mengumpulkan kepada beberapa pendapat ulama terhadap hadith sama ada diterima atau ditolak serta penelitian pengkaji terhadap aspek sanad dan matan hadith. Penelitian sanad hadith akan merujuk kepada aspek al-Jarh wa al-Ta'dil terhadap perawi hadith. Manakala peneliti matan hadith adalah dengan penelitian daripada berbagai aspek yang berkaitan dengan matan iaitu hillah (kecacatan), syadh (keganjilan), atau ta'arad (percanggahan) dari aspek matan dan fiqh al-Hadith dan lain-lainya.

## **2. 2. Himpunan Dan Takhrij Ringkas Hadith-Hadith Mengenai Anak Yatim Dalam *Al-Kutub Al-Sittah*.**

Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati banyak hadith-hadith mengenai anak yatim dalam *al-Kutub al-Sittah*. Namun demikian, pengkaji hanya memilih hadith-hadith berkenaan dengan metode pengurusan anak yatim, serta diiringin dengan pendapat-pendapat Ulama.

## **2. 3. Analisis Hadith-Hadith Mengenai Pengurusan Anak Yatim Dalam *Al-Kutub Al-Sittah*.**

Pembahasan dalam tajuk ini dikhususkan terhadap hadith-hadith yang menjelaskan mengenai pengurusan anak yatim dan beberapa aspek yang berkaitan dengannya. Pada tajuk ini pengkaji akan memaparkan senarai berhubung dengan pengurusan anak yatim dalam *al-Kutub al-Sittah*. Selepas itu, perincian pembahasan ditumpukan kepada senarai hadith-hadith umum yang berkaitan dengannya.

### **2. 3. 1. Taburan dan Jumlah Hadith-Hadith Tentang Pengurusan Anak Yatim Dalam *al-Kutub al-Sittah* (Termasuk Jumlah Hadith Berulang).**

Dari hasil penelitian, pengkaji telah menemukan sebanyak 113 [seratus tiga belas] hadith dalam *al-Kutub al-Sittah*. Dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* terdapat 31 [tiga puluh satu] hadith, *Ṣaḥīḥ Muslim* 19 [Sembilan belas] hadith, *Sunan Abū Dawūd* 15 [lima belas] hadith, *Sunan al-Tirmidhī* 10 [sepuluh] hadith, *Sunan al-Nasā'ī* 19 [Sembilan belas] hadith, dan *Sunan Ibn Mājah* 9 [Sembilan] hadith, yang terdiri dari beberapa hadith yang berbeza sanad, riwayat dan menjelaskan mengenai kewajipan dalam pengurusan anak yatim, wali dalam perkahwinan, memuliakan, ancaman serta lain-

lainnya. Pengkaji hanya memaparkan atraf<sup>65</sup> hadith yang bertaburan dalam *al-Kitab al-Sittah* sahaja, seperti jadual dibawah ini:

### 2. 3. 2. Ulasan Hadith-Hadith Mengenai Anak Yatim dalam Kitab *al-Kutub al-Sittah*.

**Jadual 2.0.** Taburan Hadith-Hadith Mengenai Anak Yatim serta Pengurusan dalam Kitab *al-Kutub al-Sittah* (Termasuk Jumlah Hadith Burulang)

Bil	MATAN HADITH	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>					
		B	M	AD	T	N	IM
1	أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا ، وَأَشَارَ بِالسَّبَابَةِ وَالْوُسْطَى وَفَرَّجَ بَيْنَهُمَا شَيْئًا	2	4	1	4	1	1
2	أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنِّي فَقِيرٌ لَيْسَ لِي شَيْءٌ وَلِي يَتِيمٌ قَالَ فَقَالَ كُلُّ مِنْ مَالِ يَتِيمِكَ غَيْرِ مُسْرَفٍ وَلَا مُبَادِرٍ وَلَا مُتَأَنِّلٍ	3	2	2	-	2	1
3	اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشَّرُّكَ بِاللَّهِ وَالسَّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ	3	1	1	-	1	-
4	لَمَّا أَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ { وَلَا تَقْرُبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ } وَ { إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَى ظُلْمًا } الْآيَةَ انْطَلَقَ مَنْ كَانَ عِنْدَهُ يَتِيمٌ فَعَزَلَ طَعَامَهُ مِنْ طَعَامِهِ وَشَرَابَهُ مِنْ شَرَابِهِ فَجَعَلَ يُفْضِلُ مِنْ طَعَامِهِ فَيَحْبِسُ لَهُ حَتَّى يَأْكُلَهُ أَوْ يَفْسُدَ فَاشْتَدَّ ذَلِكَ عَلَيْهِمْ فَذَكَرُوا ذَلِكَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ { وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَى قُلْ إِصْلَاحٌ لَهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ تُخَالِطُوهُمْ فَإِخْوَانُكُمْ } فَخَلَطُوا طَعَامَهُمْ بِطَعَامِهِ وَشَرَابَهُمْ بِشَرَابِهِ	2	-	1	-	-	-
5	أَجْرِي عَنِّي أَنْ أَنْفِقَ عَلَيْكَ وَعَلَى أَيْتَامٍ فِي حَجْرِي مِنْ الصَّدَقَةِ فَقَالَ سَلِي أَنْتِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَانْطَلَقْتُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَجَدْتُ امْرَأَةً مِنَ الْأَنْصَارِ عَلَى الْبَابِ حَاجَتُهَا مِثْلُ	4	2	-	-	2	3

<sup>65</sup>Metode penulisan secara atraf adalah hadith-hadith yang disusun mengikuti susunan huruf *hija'iyah* (iaitu bermula dari huruf alif hingga ya). Melalui kaedah atraf ini ia akan memberi kemudahan kepada pembaca untuk merujuk kepada hadith-hadith seterusnya mencari sumbernya. Namun, pengkaji hanya mencatatkan pangkal hadith tanpa susunan huruf *hija'iyah*. Tetapi menekankan kepada aspek periwayatan yang bermula daripada al-Bukhārī, Muslim dan Sunan-sunan lainnya.

	حَاجَتِي فَمَرَّ عَلَيْنَا بِاللَّيْلِ فَقُلْنَا سَلْ.....						
6	خَيْرُ بَيْتٍ فِي الْمُسْلِمِينَ بَيْتٌ فِيهِ يَتِيمٌ يُحْسِنُ إِلَيْهِ وَشَرُّ بَيْتٍ فِي الْمُسْلِمِينَ بَيْتٌ فِيهِ يَتِيمٌ يُسَاءُ إِلَيْهِ	-	1	-	-	-	3
7	يَا أَبَا ذَرٍّ إِيَّيَّكَ ضَعِيفًا وَإِيَّيَّكَ أَحَبُّ لَكَ مَا أَحَبُّ لِنَفْسِي فَلَا تَأْمُرَنَّ عَلِيَّ ابْنَيْنِ وَلَا تَوَلِّينِ مَالَ يَتِيمٍ قَالَ أَبُو دَاوُدَ تَفَرَّدَ بِهِ أَهْلُ مِصْرَ	1	-	1	-	-	-
8	إِيَّيَّكَ أَحْرَجَ حَقُّ الضَّعِيفِينَ الْيَتِيمِ وَالْمَرْأَةِ	-	-	3	1	2	1
9	لَا يُتَمَّ بَعْدَ اخْتِلَامٍ وَلَا صُمَاتٍ يَوْمَ إِلَى اللَّيْلِ	-	2	1	-	-	-
10	لِطَعَامٍ صَنَعْتَهُ فَأَكَلَ مِنْهُ ثُمَّ قَالَ قَوْمُوا فَلْنُصَلِّ بِكُمْ قَالَ أَنْسَ فَقُمْتُ إِلَى حَصِيرٍ لَنَا قَدْ اسْوَدَّ مِنْ طُولِ مَا لَيْسَ فَنَضَخْتُهُ بِالْمَاءِ فَقَامَ عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَصَفَقْتُ عَلَيْهِ أَنَا وَالْيَتِيمُ وَرَأَاهُ وَالْعَجُوزُ مِنْ وَرَائِنَا فَصَلَّى بِنَا رَكَعَتَيْنِ ثُمَّ انْصَرَفَ.....	4	2	1	1	3	-
11	تُسْتَأْمَرُ الْيَتِيمَةُ فِي نَفْسِهَا فَإِنْ سَكَتَتْ فَهُوَ إِذْنُهَا وَإِنْ أَبَتْ فَلَا جَوَازَ عَلَيْهَا.....	-	-	2	-	4	-
12	وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُفْسِدُوا فِي الْيَتَامَى فَانكِسُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبَاعًا.....	11	4	1	1	1	-
13	مَالِ الْيَتِيمِ زَكَاةٌ مِنْهُمْ عُمَرُ وَعَلِيٌّ وَعَائِشَةُ وَابْنُ عُمَرَ وَبِهِ يَقُولُ مَالِكٌ وَالشَّافِعِيُّ وَأَحْمَدُ وَإِسْحَاقُ وَقَالَتْ طَائِفَةٌ مِنْ أَهْلِ الْعِلْمِ لَيْسَ فِي مَالِ الْيَتِيمِ زَكَاةٌ وَبِهِ.....	-	-	-	1	1	-
14	فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِيَّيَّ أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْرٍ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ أَنْفَسَ عِنْدِي مِنْهُ فَمَا تَأْمُرُ بِهِ.....	1	1	-	-	-	-
15	عَنْ أَبِي تَامٍ وَرَبُّنَا حَمْرًا قَالَ أَهْرِفُهَا قَالَ أَفَلَا أَجْعَلُهَا.....	-	-	1	1	-	-
16	فَأَخَذَ الصَّدَقَةَ مِنْ أَعْيَانِنَا فَجَعَلَهَا فِي فُقَرَائِنَا وَكُنْتُ غُلَامًا يَتِيمًا فَأَعْطَانِي مِنْهَا قَلُوصًا.....	-	-	-	1	-	-


B: al-Bukhārī. M: Muslim. AD: Abū Dawūd. T: al-Tirmidhī. N: al-Nasa'ī. IM: Ibn Mājah

Sumber : Hasil Analisis

Berdasarkan penelitian, pengkaji telah menyenaraikan sebanyak **113** hadith di dalam *al-Kutub al-Sittah* yang berkaitan dengan anak yatim. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menumpukan kepada dua bahagian utama sahaja: **Pertama** pengurusan diri anak yatim, keperluan asas dan akhlak. **Kedua** pengurusan harta anak yatim. Dua bahagian utama ini yang menjadi pembahasan dalam kajian ini, beserta dikaitkan dengan

pelaksanaan pengurusan anak yatim dan harta anak yatim yang dilakukan oleh Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziya di Banda Aceh.

**Rajah 2.0.** Taburan Hadith-Hadith Mengenai Anak Yatim Dalam *al-Kutub al-Sittah*



**Sumber:** Hasil Analisis Pengkaji

Dari rajah di atas, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa, dari enam perawi yang banyak meriwayatkan hadith berkenaan anak yatim dalam *al-Kutub al-Sittah* ialah yang pertama al-Bukhārī, yang kedua Muslim, yang ketiga al-Nasa’ī, yang keempat al-Tirmidhī, Abū Dawūd dan ke lima Ibn Mājah.

**Jadual 2.1:** Taburan hadith-hadith pengurusan anak yatim dalam *al-Kutub al-Sittah*.

Bil	MATAN HADITH	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>					
		B	M	AD	T	N	IM
1	أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا ، وَأَشَارَ بِالسَّبَّابَةِ وَالْوُسْطَى وَفَرَّجَ بَيْنَهُمَا شَيْئًا	2	1	1	1	-	-
2	مَنْ قَبِضَ يَتِيمًا مِنْ بَيْنِ الْمُسْلِمِينَ إِلَى طَعَامِهِ وَشَرَابِهِ أَدْخَلَهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ إِلَّا أَنْ يَعْمَلَ ذَنْبًا لَا يُغْفَرُ لَهُ	-	-	-	1	-	-
3	خَيْرُ بَيْتٍ فِي الْمُسْلِمِينَ بَيْتٌ فِيهِ يَتِيمٌ يُحْسَنُ إِلَيْهِ وَشَرُّ بَيْتٍ فِي الْمُسْلِمِينَ بَيْتٌ فِيهِ يَتِيمٌ يُسَاءُ إِلَيْهِ	-	-	-	-	-	1

B: al-Bukhārī. M: Muslim. AD: Abū Dawūd. T: al-Tirmidhī. N: al-Nasa'ī. IM: Ibn Mājah

**Sumber:** Hasil Analisis

### 2. 3. 3. Senarai dan Ulasan Hadith-Hadith Mengenai Pengurusan Anak Yatim Dalam *al-Kutub al-Sittah*.

**Hadith pertama:** Hadith tentang pengurusan diri anak yatim.

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ الْوَهَّابِ قَالَ حَدَّثَنِي عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ أَبِي حَازِمٍ قَالَ حَدَّثَنِي أَبِي  
قَالَ سَمِعْتُ سَهْلَ بْنَ سَعْدٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي  
الْجَنَّةِ هَكَذَا وَقَالَ بِإِصْبَعَيْهِ السَّبَّابَةِ وَالْوُسْطَى

Terjemahan: “Telah menceritakan kepada kami „Abdullah bin „Abd al-Wahāb dia berkata; telah menceritakan kepadaku „Abd al-„Azīz bin Abū Hāzim dia berkata; telah menceritakan kepadaku ayahku dia berkata; aku mendengar Sahl bin Sa'd dari Nabi s.a.w bersabda: "Aku dan orang yang menanggung anak yatim berada di syurga seperti ini." Baginda mengisyaratkan dengan kedua jarinya iaitu telunjuk dan jari tengah."

### Sumber Hadith:

1. Ṣaḥīḥ Bukhārī, [Kitāb al-Adad, Bāb Faḍl Man Yaʿul Yatim, No. Hadith, 6005],<sup>66</sup>. [Kitāb al-Ṭalāq, Bāb al-Liʿān, No. Hadith, 5304]<sup>67</sup>.
2. Ṣaḥīḥ Muslim, [Kitāb al-Zuhud wa al-Riqāʿ, Bāb al-Iḥsān Ilā al-Armilah wa al-Miskīn wa al-Yatīm, No. Hadith, 2983].<sup>68</sup>
3. Sunan al-Tirmidhī [ Kitāb al-Birr al-Wasilah „An Rasulullah, Bāb Mā Jā`a fī Rahmatan al-Yatim wa Kāllatih, No. Hadith, 1918].<sup>69</sup>
4. Sunan Abū Dawūd: [Kitāb al-Adab, Bāb fī Man Ḍammu al-Yatīm, No. Hadith, 5150].<sup>70</sup>

### Pembahasan Hadith:

Hadith yang agung ini menunjukkan besarnya keutamaan dan pahala orang yang mengasuh anak yatim, sehingga Imam al-Bukhārī mencantumkan hadith ini dalam bab keutamaan orang yang mengasuh anak yatim.

Ibn Baṭṭāl mengatakan hak bagi tiap-tiap orang mukmin yang mendengar seperti hadith di atas supaya menunaikan hak-hak kewajipan anak yatim dalam semua perkara, kerana orang yang memelihara anak yatim akan dikumpulkan oleh Allah pada hari akhirat dalam syurga bersama para Nabi dan Rasul. Pada hadith di atas, Rasulullah s.a.w menunjukkan dua jari, iaitu jari tengah dan jari telunjuk menunjukkan bahawa kedekatan Rasulullah s.a.w dalam syurga bersama orang-orang yang memelihara anak

---

<sup>66</sup>Muḥammad bin Iṣmāʿīl Abu Abd. Allah al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Bukhārī, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 508.

<sup>67</sup>*Ibid.*, 458.

<sup>68</sup>Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, Ṣaḥīḥ Muslim, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 1194.

<sup>69</sup>Muhammad bin „Īsa bin Sūrah bin Mūsa, Sunan al-Tirmidhī, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 1845.

<sup>70</sup>Sulaymān bin al-Ashʿāth al-Sajistānī, “Sunan Abū Dawūd”, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 1600.

yatim.<sup>71</sup> Pada potongan hadits “ orang yang menguruskan anak yatim ” maksudnya ialah orang yang menguruskan anak yatim dalam bentuk masalah rohani dan jasmani.<sup>72</sup>

Kedatangan Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. sebagai agama kesejahteraan telah membebaskan masyarakat jahiliah yang hidup dalam kesesatan dan dosa. Dalam agama Islam tidak boleh diperlakukan sewenang-wenangnya terhadap diri dan harta anak yatim. Pernah berlaku kepada seorang wanita yang datang mengadu kepada Rasulullah s.a.w. mengenai penganiayaan yang dilakukan oleh saudara suaminya kepada beliau dan anaknya. Saudara suami tersebut telah mengambil harta yang ditinggalkan oleh suaminya tanpa membelanjakan harta tersebut untuk kemaslahatan anak yatim tersebut.<sup>73</sup> Dalam Islam, sudah tercatat undang-undang dan peraturan yang melarang menyakiti anak yatim.

Pada zaman Rasulullah s.a.w, baginda sangat memuliakan anak yatim bahkan baginda sendiri merupakan penghulu anak yatim apabila bapa baginda „Abd Allāh meninggal dunia semasa masih dalam kandungan ibunya Aminah. Kelahiran baginda dalam keadaan yatim ini bukanlah satu kebetulan. Sebaliknya adalah bertujuan untuk menolak keraguan yang akan dicetuskan oleh orang yang benci kepada agama Islam dengan mengatakan bahawa baginda dididik oleh ibu, ayah atau atuknya. Dari kecil lagi Rasulullah s.a.w dibesarkan jauh daripada ibu dan datuknya. Hikmahnya ialah baginda hanya menerima perlindungan dan didikan Allah s.w.t. sahaja sehingga baginda tidak mempunyai kecenderungan terhadap harta dan pangkat.<sup>74</sup>

---

<sup>71</sup> Abū al-Ḥasan „Alī Khalaf bin „Abd al-Malik bin Baṭṭāl, *Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*, (al-Riyād: al-Su`udiah, 2003), 9: 217.

<sup>72</sup> Badr al-Din al-„Ain al-Ḥanafī, „*Umdah al-Qārī Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (t.p, Dār al-Kitab al-Ilmiyah, 2006), 32: 187.

<sup>73</sup> Dr. Jawad „Ali, *al-Mufassar fi Tarikh al-„Arab Qubla al-Islām*,(Beirūt: t.p, 1970), 5: 575.

<sup>74</sup> Dr. Muhammad Sa‘id Ramadan al-Buti, *Fiq al-Sirah*, c. 9,( Beirut: Dār al-Fikr, 1980 ), 59-62.



Dalam sirah Rasulullah s.a.w. terdapat beberapa kisah anak yatim yang berlaku selepas Islam mensyariatkan jihad menentang kaum musyrikin. Jihad disyariatkan selepas hijrah dengan turunnya ayat:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلِمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ

Surah al-Hajj (22): 39

Terjemahan: Diizinkan berperang bagi orang Islam yang diperangi (oleh golongan pencoroboh), kerana sesungguhnya mereka itu dianiaya: dan sesungguhnya Allah amat berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan).<sup>75</sup>

Dalam peperangan jihad ini, terdapat para sahabat Nabi s.a.w. yang sudah memiliki anak yang gugur syahid di medan peperangan. Antaranya ialah:

#### **i) Ja'far bin Abi Tālib**

Dalam peperangan Mu'tah,<sup>76</sup> Ja'far bin „Abi Tālib telah gugur syahid, setelah tiga hari syahidnya Rasulullah s.a.w. pun datang menziarahi anak-anak Ja'far yang sudah menjadi yatim lalu baginda berkata: “Jangan kamu menangis dan mengingati saudaraku Ja'far mulai hari ini.”<sup>77</sup>

Ja'far mempunyai dua orang anak yang masih kecil iaitu Muhammad dan `Abdullah, seorang didukung dan seorang lagi dipimpin ibunya. Kemudian Rasulullah s.a.w memanggil tukang cukur untuk mencukur kedua kepala anaknya tersebut. Setelah bercukur baginda memeluk kedua-duanya dan berkata “Muhammad ini menyerupai

<sup>75</sup> Nabi Muhammad s.a.w. dan orang-orang Islam yang bertanya tentang ditindas dengan kejam oleh kaum kafir musyrik di Makkah sehingga baginda dan pengikut-pengikutnya terpaksa berhijrah ke Madinah. Oleh kerana kaum kafir musyrik tidak putus-putus mengancam dan mencoroboh, maka baginda dan orang-orang Islam yang telah lama sabar diizinkan oleh Allah menghunus senjata menentang pencerobohan itu. Lihat Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmein, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada pengertian al-Quran*, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwan Islam Jabatan perdana Menteri, c. 13, 1996), 700.

<sup>76</sup> Perang Mu'tah berlaku pada bulan Jamadil Awal 8H Lihat: „Abd al-Salām Hārūn, *Tahdhīb Sirāh Ibn Hisyam*, (Beirut: Dār Ihya' al-Turath al-„Arabi), 271

<sup>77</sup> Abū al-Fida' al-Hāfīz ibn Kathīr et. al, *al-Bidayah wa al-Nihayah*,. 247-249.

bapa saudara kami Abi Talib, manakala `Abdullah yang kecil menyerupaiku pada rupa dan akhlaknya. Kemudian baginda berdoa sebanyak tiga kali: “Ya Allah turunkanlah pengganti Ja`far dari kalangan putera-puteranya dan berkatilah `Abdullah dalam usahanya. Setelah itu baginda berkata kepada ibu mereka yang sedih memikirkan keadaan anak-anaknya dan berkata: “Janganlah engkau takut dan cemas dengan keadaan mereka, aku akan menjadi pengasuh mereka didunia dan diakhirat.”<sup>78</sup>

## ii) Abū Salamah

Apabila Abū Salamah meninggal dunia,<sup>79</sup> beliau telah meninggalkan isterinya Ummu Salamah dan empat orang anak iaitu: Umar, Salamah, Zainab dan Durrah.<sup>80</sup> Rasulullah s.a.w. berasa kasihan kepada Ummu Salamah dan anak-anaknya yang sudah yatim, lalu baginda mengambil keputusan untuk mengahwini Ummu Salamah sebagai memuliakan dan juga untuk menjaga anak-anaknya.<sup>81</sup>

Selepas tamat `iddahnya baginda telah mengutuskan Umar bin al-Khattab untuk meminang Ummu Salamah. Akan tetapi Ummu Salamah menolak lamaran itu dengan alasan bahawa dia seorang wanita yang kuat cemburu kepada suaminya dan mempunyai anak yang ramai. Umar pun menyampaikan kepada Rasulullah s.a.w. tentang apa yang telah diperkatakan oleh Ummu Salamah lalu baginda pun bersabda :

أَمَّا مَا دَكَرْتِ مِنَ الْعَيْرَةِ فَسَوْفَ يُذْهِبُهَا اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ مِنْكَ وَأَمَّا مَا دَكَرْتِ مِنَ  
السِّنِّ فَقَدْ أَصَابَنِي مِثْلُ الَّذِي أَصَابَكَ وَأَمَّا مَا دَكَرْتِ

<sup>78</sup> *Ibid*

<sup>79</sup> Nama sebenar Abū Salamah ialah „Abd Allah bin „Abd al-Asad bin Hilāl bin „Abd Allah bin „Umar bin Makhzūm. Beliau telah berhijrah bersama istrinya ke habsyah kemudian mereka berdua kembali ke madinah. Dalam peperangan Uhud Abu Salamah telah mendapat kecederaan dan beliau meninggal dunia akibat kecederaan tersebut. Lihat: Khālīd „Abd al-Rahman. 74.

<sup>80</sup> Ibrāhīm Muhammad Khalīl, *Qasas al-Yatama.*, 7.

<sup>81</sup> *ibid*

Terjemahan: “Adapun jika apa yang kamu katakan tentang cemburu maka Allah akan menghilangkan perasaan cemburu itu manakala apa yang engkau katakan tentang umur sesungguhnya aku seperti kamu dan berkenaan apa yang engkau katakan bahawa engkau mempunyai ramai anak maka sesungguhnya tanggungan kamu adalah juga tanggunganku”.<sup>82</sup>

Setelah mendengar kata-kata Rasulullah s.a.w. Ummu Salamah bersetuju untuk berkahwin dengan baginda. Baginda telah menunaikan janjinya untuk menjaga dan mendidik anak-anak Ummu Salamah dengan baik. Dari huraian di atas, dapatlah dirumuskan bahawa anak yatim mempunyai kedudukan yang tinggi dan mulia dalam Islam. Orang yang menjaga mereka sangat hampir dengan Rasulullah s.a.w di akhirat kelak.<sup>83</sup>

**Hadith Kedua:** Hadith faḍilah dan kelebihan bagi orang yang mengurus anak yatim.

حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ يَعْقُوبَ الطَّلَقَانِيُّ حَدَّثَنَا الْمُعْتَمِرُ بْنُ سُلَيْمَانَ قَالَ سَمِعْتُ أَبِي يُحَدِّثُ عَنْ  
حَنْشٍ عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ قَبَضَ يَتِيمًا مِنْ بَيْنِ  
الْمُسْلِمِينَ إِلَى طَعَامِهِ وَشَرَابِهِ أَدْخَلَهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ إِلَّا أَنْ يَعْمَلَ ذَنْبًا لَا يُعْفَرُ لَهُ

Terjemahan: Telah diceritakan kepada kami Sa'īd bin Ya'qūb al-Ṭālaqānī telah menceritakan kepada kami al-Mu'tamir bin Sulāimān berkata; saya mendengar bapakku menceritakan dari Ḥanashi dari Ikrimah dari „Ibnu „Abbās r.a bahawa sungguh Nabi s.a.w. bersabda: sesiapa yang memelihara anak yatim dan memberinya makan dan minum niscaya Allah akan memasukkannya ke dalam syurga kecuali jika dia melakukan dosa yang tidak dapat diampuni.

### Sumber Hadith:

1. Sunan al-Tirmidhī, [Kitāb al-Birr Wāṣilah „An Rasulillah, Bāb Mā Jā`a fī Raḥmah al-Yatīm Wakafālatih], No. Hadith 1840<sup>84</sup>

<sup>82</sup> Ahmad bin Ḥanbal Abū „Abdu Allah al-Shaybānī, *Awwal Musnad al-Madaniyyīn*, Hadith Abī Salamah bin „Abd al-Asad r.a, No. Hadith 15751

<sup>83</sup> Ibrāhīm Muhammad Khalīl, *Qasas al-Yatama.*, 7

<sup>84</sup> Hadith semakna diriwayatkan dari Murrah al-Fihri, Abī Hurāirah, Abī Umamah dan Sahl bin Sa'ad. Berkata Abū „Isa, Ḥanash bernama Ḥusān bin Qāis dan dia adalah Abū Ali ar-Ruhaili, berkata Sulāimān

**Pembahasan Hadith Kedua:** Faḍilah atau kelebihan bagi orang yang menguruskan anak yatim.

Dari keterangan hadith di atas, menunjukkan betapa besarnya kemuliaan anak yatim dan kelebihan bagi orang yang memberi makan, minum dan menjaganya semata-mata kerana Allah balasannya adalah syurga. Sehingga para sahabat berlumba-lumba dalam memberi makan, minum dan menjaga anak yatim. Hal ini dapat dijadikan contoh agar mengambil berat dalam memberikan didikan jasmani dan juga rohani.

Berdasarkan hadith riwayat yang di atas, Muḥammad Idrīs „Abdul al-Raūf al-Marbawī mengatakan, sangat besar pahala dan kemuliaan di sisi Allah bagi orang yang memelihara dan memberi makan dan minum kepada anak yatim. Sama ada anak saudara kerabatnya atau anak orang lain. Mengurus mereka seperti anak sendiri dan sampai anak itu dewasa maka syurga balasan bagi orang tersebut, kecuali dia melakukan dosa-dosa yang tidak di ampuni oleh Allah seperti seseorang melakukan kekufuran, menyekutukan Allah dengan sesuatu atau tidak mempercayai Nabi Muhammad s.a.w. itu utusan Allah. Maka orang tersebut sudah melakukan dosa besar yang tidak diampuni oleh Allah.<sup>85</sup> Hal ini sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah al-Nisā’:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ  
Al-Nisā’<sup>4</sup>: 48

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik, dan Dia mengampuni segala dosa yang selain dari (syirik) itu, bagi siapa yang dikehendaki-Nya.

---

al-Tāimi: Ḥanash ialah seorang yang ḍa’if menurut ahli hadith . Lihat Muhammad bin „Isa bin Sūrah bin Mūsa, Sunan al-Tirmidhi, Kitāb: dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 1845

<sup>85</sup>Muḥammad Idrīs „Abdul al-Raūf, *Bahru al-Madhī Sharaḥ Muhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Turmidhī*, (Mesir: Maṭbaah Muṣṭafa al-Bāb al-Ḥalabī Wa Auladuhu, 1935), 92-93.

Dari keterangan ayat ini, bagi orang yang tidak mempercayai Allah dan firmanNya dan tidak mempercayai Nabi Muhammad s.a.w. dan sabdanya, maka orang tersebut telah melakukan kekufuran yang tidak diampuni oleh Allah.

Imam al-Nawawī berkata maksud memelihara anak yatim dalam hadith di atas ialah dengan memberi makan secukupnya, pakaian, mengajarkan adab dan mengajar perkara-perkara yang berhubungan dengan dunia dan akhirat hingga mereka membesar dan boleh melakukannya sendiri, maka barulah memperoleh pahala dan di tempatkan dalam syurga dan berhimpun dengan Nabi s.a.w.<sup>86</sup> Dalam kitab syarah *al-Targhīb wa al-Tarhīb*, Ibn Baṭṭāl mengatakan sesiapa yang mendengar isi kandungan hadith ini supaya beramal dengannya agar menjadi kawan Nabi s.a.w. di dalam syurga tiada darjat di negeri akhirat yang mulia melainkan dihimpun bersama Nabi s.a.w.<sup>87</sup>

Imam al-Nawawī mengatakan seseorang akan mendapat pahala dalam menguruskan anak yatim sama ada menjaga harta kepunyaan sendiri atau harta kepunyaan anak yatim. Tetapi memelihara anak yatim dengan harta anak yatim sendiri perlu mengikuti aturan syara', seperti nenek atau saudara atau bapa saudaranya dan orang lain yang diwasiatkan oleh si mati. Harta anak yatim tidak boleh di campur dengan harta sendiri sekalipun dalam pembelanjannya sebagaimana yang tersebut dalam kitab fiqh.<sup>88</sup>

Sheikh „Abdu mengatakan dalam kitab musnadnya, orang yang memberi makanan dan minuman kepada anak yatim yang muslim, Allah akan memberikan kekayaan dan keberkatan pada hartanya, dan Allah akan memasukkan dia ke dalam

---

<sup>86</sup> *Ibid*,94

<sup>87</sup> *Ibid*,95.

<sup>88</sup> *Ibid*,94.

syurganya yang tinggi, kecuali orang-orang melakukan dosa yang tidak diampuni-Nya.<sup>89</sup>

**Hadith ketiga:** Hadith kemuliaan rumah dan tempat yang ada anak yatim.

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ مُحَمَّدٍ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ آدَمَ حَدَّثَنَا ابْنُ الْمُبَارَكِ عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي أَيُّوبَ  
عَنْ يَحْيَى بْنِ سُلَيْمَانَ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَبِي عَتَّابٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ قَالَ خَيْرُ بَيْتٍ فِي الْمُسْلِمِينَ بَيْتٌ فِيهِ يَتِيمٌ يُحْسَنُ إِلَيْهِ وَشَرُّ بَيْتٍ فِي الْمُسْلِمِينَ  
بَيْتٌ فِيهِ يَتِيمٌ يُسَاءُ إِلَيْهِ

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami „Alī bin Muhammad telah menceritakan kepada kami Yaḥyā bin „Adam telah menceritakan kepada kami Ibn al-Mubārak dari Sa‘īd bin Abī Ayyub dari Yaḥyā bin Sulaimān dari Zāid bin Abū 'Attāb dari Abū Hurāirah dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sebaik-baik rumah dalam kalangan kaum muslimin adalah rumah yang terdapat anak yatim yang diperlakukan dengan baik. Dan seburuk-buruk rumah dalam kalangan kaum muslimin adalah “rumah yang terdapat anak yatim dan dia diperlakukan dengan buruk.

#### Sumber Hadith:

1. Sunan Ibn Mājah, [Kitāb, al-Adab, Bāb Ḥaqq al-Yatīm, No. Ḥadith 3669<sup>90</sup>].

#### Pembahasan Hadith:

Hadith di atas menunjukkan betapa mulianya di sisi Allah dan kecintaan Rasulullah s.a.w bagi orang yang memelihara anak yatim di rumahnya, ini merupakan sikap dan kriteria Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Mereka berlumba-lumba mengasuh dan

<sup>89</sup> „Abdu bin Ḥamid bin Nasir, *al-Muntakhib min Musnad „Abdu bin Ḥamid*, (Maktabah al-Sunnah: al-Qāhir, 1988), 1: 201

<sup>90</sup> Abū „Abd Allah Muhammad bin Yazīd al-Quzwaynī, *Sunan Ibn Majah*, Kitāb, al-Adab, Bāb Ḥaqq al-Yatīm, no. Ḥadith 3669, (Istanbul: Dār Saḥnūn, 1992), 75

memelihara anak yatim di rumah, kerana Allah mencurahkan rahmat dan keberkatan pada tempat yang terdapat anak yatim.

Dalam perang Uḥud pada tahun 3 Hijrah, Hamzah bin „Abd al-Muṭālib r.a. telah gugur syahid.<sup>91</sup> Beliau meninggalkan seorang anak bernama Umāmah, Rasulullah s.a.w. telah pergi ke Mekah untuk menunaikan Umrah Qaḍā'. Apabila baginda selesai mengerjakan umrah, baginda hendak pulang ke Mekah, Umāmah yang masih kecil telah mengikuti baginda pulang ke Madinah.<sup>92</sup>

Setibanya baginda dan Umāmah ke Madinah, telah berlaku perebutan antara „Alī bin Abi Ṭālib dengan saudaranya Ja“far bin Abi Ṭālib dan juga Zāyd bin Ḥārithah r.a. „Alī bin Abi Ṭālib telah mengambil Umāmah dan memberikan kepada isterinya Fāṭimah binti Rasulullah s.a.w. seraya berkata: “Dia adalah anak bapa saudaraku dan disisiku ada anak Rasulullah s.a.w. dan dia lebih berhak mendapatkannya.<sup>93</sup>

Ja“far bin Abi Ṭālib r.a pula membantah dengan mengatakan bahawa dia yang lebih berhak terhadap Umāmah daripada „Alī kerana dia suami kepada emak saudara sebelah ibu<sup>94</sup> „Umāmah iaitu Asmā, „Umāys berkata: “Dia adalah anak bapa saudaraku (Hamzah) dan ibu saudaranya ialah isteriku.<sup>95</sup>

Zayd bin Ḥārithah r.a. pula mengatakan bahawa Umamah adalah anak kepada saudaranya Ḥamzah kerana Rasulullah s.a.w. telah mempersaudarakan antara golongan Muhājirīn dan Ansār.<sup>96</sup> Rasulullah s.a.w. merasa gembira dengan sikap para sahabatnya yang berlumba-lumba untuk memelihara Umāmah dengan hati yang penuh sifat

---

<sup>91</sup>Abū al-Fida“ al-Hāfiẓ ibn Kathīr et. al, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, (Kaherah: Dār al-Hadith, 1992), 4: 19.

<sup>92</sup> Ibrāhīm Muhammad Khalil, *Qasas al-Yatama*, (Arab Saudi: al-Hay“ah al-Ighathah al-Ismiyyah al-„Alamiyyah, 1994), 5.

<sup>93</sup>Khālīd „Abd al-Rahmān, *Ḥayāh al-Ṣaḥābiyyāt*, (Damshiq: Dār al-Hikmah li al-Tibā“ah wa al-Nasyr, 1990), 7: 206.

<sup>94</sup>Nama Ibu „Umāmah binti Ḥamzah ialah Salmā binti „Umāys.

<sup>95</sup>*Ibid*

<sup>96</sup>Ibrāhīm Muhammad Khalil, *Qasas al-Yatama*., 5.

*rahmah*. Lalu baginda memutuskan bahawa Ja'far r.a. yang akan memelihara Umamah kerana ibu saudara (sebelah ibu) mengambil tempat ibu kandung.<sup>97</sup>

**Jadual 2.2:** Taburan hadith-hadith **Pengurusan Harta Anak Yatim** dalam *al-Kutub al-Sittah* (termasuk jumlah hadith yang berulang)

Bil	MATAN HADITH	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>					
		B	M	AD	T	N	IM
1	اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشَّرْكَ بِاللَّهِ وَالسَّخْرِ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّخْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ	2	1	1		1	
2	[وَمَنْ كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَغْفِرْ وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ] قَالَتْ أَنْزَلَتْ فِي وَايِ الْيَتِيمِ أَنْ يُصِيبَ مِنْ مَالِهِ إِذَا كَانَ مُحْتَاجًا بِقَدْرِ مَالِهِ بِالْمَعْرُوفِ	2	1	2		1	1
3	فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ وَبَسَّالُونَكَ عَنِ الْيَتَامَى قُلْ إِصْلَاحٌ لَهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ تُخَالِطُوهُمْ فَإِخْوَانُكُمْ } فَخَالَطُوا طَعَامَهُمْ بِطَعَامِهِ وَسَرَابَهُمْ بِسَرَابِهِ	1		1		1	
4	خَطَبَ النَّاسَ فَقَالَ أَلَا مَنْ وَلِيَ يَتِيمًا لَهُ مَالٌ فَلْيَبْتَغِ فِيهِ وَلَا يَبْتَغِهِ حَتَّى تَأْكُلَهُ الصَّدَقَةُ				1		
B: al-Bukhārī. M: Muslim. AD: Abū Dawūd. T: al-Tirmidhī. N: al-Nasa'ī. IM: Ibn Mājah							

**Sumber:** Hasil Analisis

### 2. 3. 4. Senarai Dan Ulasan Hadith-Hadith Pengurusan Harta Anak Yatim Dalam *Al-Kutub Al-Sittah*.

**Hadith Pertama:** Dosa besar bagi orang yang memakan harta anak yatim secara berlebihan (zalim). Daripada Abī Hurāirah r.a berkata: Nabi s.a.w bersabda:

حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ عَنْ ثَوْرِ بْنِ زَيْدٍ عَنْ أَبِي الْعَيْثِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشَّرْكَ بِاللَّهِ وَالسَّخْرِ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّخْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami 'Abdul 'Aziz bin 'Abdillah telah menceritakan kepada kami Sulaiman dari Thaur bin Zaid dari Abi Ghaihi dari Abi Hurairah dari Nabi s.a.w "Jauhilah

<sup>97</sup> Khālid „Abd al-Rahmān., *Hayah al-Sahabiyyat*, 206



tujuh dosa besar yang membinasakan." Para sahabat bertanya; 'Ya Rasulullah, apa saja tujuh dosa besar yang membinasakan itu? ' Nabi menjawab; "menyekutukan Allah, sihir, membunuh jiwa yang Allah haramkan tanpa alasan yang benar, makan riba, makan harta anak yatim, lari dari medan perang, dan menuduh wanita mukmin baik-baik melakukan perzinahan.

### Sumber Hadith:

1. Sahih Bukhārī, [Kitāb Hudūd, Bāb Ramī al-Mukhṣinān, No. Hadith, 6351].<sup>98</sup>  
[Kitāb, al-Waṣāyān. Bāb, Qaulu Allah Ta'āla Inna al-Ladhīna Yakkulūna Amwālu al-Yatāmi Zūlmān, No Hadith. 2766].<sup>99</sup>
2. Ṣaḥīḥ Muslim, [Kitāb al-Imān, Bāb Akbāir wa Akbarahā, No, Hadith. 262].<sup>100</sup>
3. Sunan Abū Dāwud, [Kitāb al-Waṣāyān, Bāb Mā Jā'a Fi al-Tashdīdi Fi Akalli Māli al-Yatīm, No Hadith. 2873].<sup>101</sup>
4. Sunan al-Nasā'ī, [Kitāb Wasāyān, Bāb Ijtinabān Akallu Māla al-Yatīm, No Hadith. 3701].<sup>102</sup>

### Pembahasan Hadith:

**Hadith Pertama:** Dosa besar bagi orang yang memakan harta anak yatim secara berlebihan (zalim).

<sup>98</sup> Mūḥammad bin Īsmā'īl Abu Abd. Allah al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Bukhārī, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 565.

<sup>99</sup> *Ibid*, 222

<sup>100</sup> Didalam riwayat Muslim terdapat penambahan lafaz iaitu ( أَنْ رَجُلًا سَأَلَهُ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْكَبَائِرُ فَقَالَ هُنَّ تِسْعٌ فَذَكَرَ (مَعْنَاهُ زَادَ وَعَفَوْهُ الْوَالِدِينَ الْمُسْلِمِينَ وَاسْتِخْلَالَ الْبَيْتِ الْحَرَامَ قَتَلَتِكُمْ أَخْيَاءَ وَأَمْوَانًا). Bahawa seorang lelaki pernah bertanya kepada Nabi s.a.w. ia berkata; wahai Rasulullah, apakah dosa-dosa besar itu? Kemudian baginda berkata: "Dosa-dosa besar tersebut ada sembilan." Kemudian ia menyebutkan maknanya, dan ia tambahkan; dan durhaka kepada kedua orang tua muslim, dan menghalalkan hal-hal yang haram dilakukan di Baitul Haram kiblat kalian (seperti berburu, memotok pepohonan), baik yang hidup maupun yang mati. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, Ṣaḥīḥ Muslim, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 693.

<sup>101</sup> Sulaymān bin al-Ash'āth al-Sajistānī, "Sunan Abū Dawūd", dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 1437.

<sup>102</sup> Abu „Addur al-Rahman Ahmad bin Shūib bin „Alī al-Khurāsānī, "Sunan Nasā'ī" dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 2330

Pada hadith di atas yang di riwayatkan oleh Abu Hurairah tentang tujuh perkara dosa besar, diantaranya Rasulullah s.a.w. menyebutkan dosa besar bagi orang yang memakan harta anak yatim, maka dapat di ketahui bahawa betapa berat tanggungjawab bagi orang yang memelihara anak yatim dan tidak berhati- hati dalam menjaga hartanya. Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Nis`ā:

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا  
Surah al-Nisā“ 4: 10

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka, dan mereka pula akan masuk ke dalam api Neraka yang menyala-nyala.

„Abdul bin Humaid berkata ketika turun ayat “ Janganlah kamu mendekati harta anak yatim kecuali dengan cara yang baik” maka mereka tidak boleh mencampurkan harta anak-anak yatim dalam hal makanan mahupun yang lainnya sehingga merasa berat ke atas mereka. Al-Thawri mengatakan dalam tafsirnya dari Salim al-Afthas, dari Sa`id bin Jubir, bahawa sebab turunnya ayat “ Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim secara zalim”, maka mereka pun memisahkan harta mereka dari harta anak-anak yatim.<sup>103</sup>

**Hadith Kedua:** Kadar boleh memakan harta anak yatim.

حَدَّثَنِي إِسْحَاقُ حَدَّثَنَا ابْنُ مُمَيَّرٍ أَخْبَرَنَا هِشَامٌ ح وَ حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ سَلَامٍ قَالَ سَمِعْتُ  
عُثْمَانَ بْنَ فَرْقَدٍ قَالَ سَمِعْتُ هِشَامَ بْنَ عُرْوَةَ يُحَدِّثُ عَنْ أَبِيهِ أَنَّهُ سَمِعَ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ

<sup>103</sup> Ahmad bin „Alī bin Ḥajar Abū al-Faḍil al-„Asqalānī,, *Fathul al-Bārī*, (Jakarta: Pustaka Azzam, 2007),15: 506-507.

عَنْهَا تَقُولُ [ وَمَنْ كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ ] أَنْزَلَتْ فِي  
وَالِي الْيَتِيمِ الَّذِي يُقِيمُ عَلَيْهِ وَيُصْلِحُ فِي مَالِهِ إِنْ كَانَ فَقِيرًا أَكَلَ مِنْهُ بِالْمَعْرُوفِ

Terjemahan: Telah menceritakan kepada saya Ishāq telah menceritakan kepada kami Ibnu Numāir telah mengkhabarkan kepada kami Hishām dan diriwayatkan pula kepada saya Muhammad bin Salām berkata; Aku mendengar 'Uthmān bin Farqad berkata; Aku mendengar Hishām bin 'Urwah menceritakan dari bapanya bahawa dia mendengar 'Aishah berkata, tentang ayat al-Nisā' ayat 6 yang ertinya (sesiapa diantara pemelihara itu yang mampu maka hendaklah dia menahan diri dari memakan harta anak yatim itu, dan barangsiapa yang miskin maka dia boleh makan harta itu menurut yang patut), ayat ini turun pada wali anak yatim yang memelihara dan menjaga hartanya, dan jika dia seorang yang miskin maka dia boleh memakannya dengan cara ma'ruf (yang patut).

#### Sumber Hadith:

1. *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, [Kitāb al-Waṣāyān Bāb Qāulu Allah Ta'āla Wabtalū al-Yatām Ḥatta Idha Balaghū al-Nikāh, No. Hadith, 2763,]<sup>104</sup>. [Kitāb al-Buyū': Bāb Man Ajrī Amar al-'Amsār 'Alā Mā Yuta'ārafūna Bāinahum fī al-Buyū', No. Hadith, 2209,]<sup>105</sup>.
2. *Ṣaḥīḥ Muslim*, [Kitāb al-Tafsīr. Bāb Bāb, No. Hadith, 7533,]<sup>106</sup>
3. Sunan Abū Dawūd [Kitāb al-Waṣāyān. Bāb Ma Jā' Fīmā Liwalī Yatīm an Yunāl min Māl al-Yatīm, No. Hadith. 2873].<sup>107</sup> [kitāb al-Waṣāyā. Bāb Mukhālīṭah al-Yatīm fī al-Tā'ām. N0. Hadith. 2871].<sup>108</sup>

<sup>104</sup> Mūḥammad bin Īsmā'īl Abu Abd. Allah al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Bukhārī, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin 'Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 222.

<sup>105</sup> *Ibid.*, 171.

<sup>106</sup> Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, Ṣaḥīḥ Muslim, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin 'Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 1200.

<sup>107</sup> Sulaymān bin al-Ash'āth al-Sajistānī, "Sunan Abū Dawūd", dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin 'Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 1437.

<sup>108</sup> *Ibid.*, 1347.

4. Sunan Ibn Mājah [Kitāb al-Waṣāyān. Bāb Qauluhu wa Man Kāna Fakīrān Falya`akul Bilma`arūf, No. Hadith. 2717].<sup>109</sup>
5. Sunan Nasā`ī [kitāb al-Waṣāyan. Bāb Mā Liwaṣī min Māli al-Yatīm Idhā Qāma `Alāihi, No. Hadith. 3698]<sup>110</sup>

### Pembahasan Hadith Kedua:

Ayat yang ada dalam riwayat al-Bukhārī dan Muslim berkenaan dengan seorang yang memelihara anak yatim lalu ingin mengambil harta anak yatim tersebut apabila memerlukannya dan sesuai dengan jumlah hartanya secara ma'ruf (yang patut). Hadith di atas mengenai apa yang harus dilakukan oleh pemegang wasiat pada harta anak yatim dan apa yang dia makan darinya sesuai dengan pekerjaannya. Manakala turun ayat:

وَلَا تَقْرُبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ  
كَانَ مَسْئُولًا

Surah al-Isrā“(17): 34

Terjemahan: Dan janganlah kamu dekati harta anak yatim, kecuali dengan cara yang lebih bermanfaat sampai dia dewasa dan penuhilah janji, kerana janji itu pasti diminta pertanggungjawabannya.

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا

Surah al-Nisā“(4): 10

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu menelan api dalam perutnya dan mereka akan masuk dalam api yang menyala-nyala (neraka).

<sup>109</sup> Abū „Abd Allah Muhammad bin Yazīd al-Quzwāinī, Sunan Ibn Mājah, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 2640.

<sup>110</sup> Abu „Addur al-Rahman Ahmad bin Shūib bin „Alī al-Khurāsānī, “Sunan Nasā`ī” dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 2330.

Ibn ʿAbbās berkata, "Manakala turun ayat yang di atas, orang-orang mulailah menjauhi harta anak yatim dan memakannya, sehingga hal tersebut terasa berat atas orang-orang muslim. Maka mereka mengadakan hal tersebut kepada Nabi s.a.w." kemudian Allah menurunkan ayat:<sup>111</sup>

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَىٰ قُلْ إِصْلَاحٌ لَّهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ تُخَالِطُوهُمْ فَإِخْوَانُكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
الْمُفْسِدَ مِنَ الْمُصْلِحِ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَأَعْتَبْتَكُمْ إِنْ اللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ  
Surah al-Baqarah (1): 220

Terjemahan: Dan mereka bertanya kepadamu tentang anak yatim, katakalah: "Mengurus urusan mereka secara patut adalah baik, dan jika kamu bergaul dengan mereka, maka mereka adalah saudaramu; dan Allah mengetahui siapa yang membuat kerosakan dari yang mengadakan kebaikan. Dan jikalau Allah menghendaki, nescaya Dia dapat mendatangkan kesulitan kepadamu).

Imam al-Shafiʿī dan jumhur ulama mengatakan bahawa diperbolehkan bagi orang yang mengurus anak yatim yang mempunyai harta bersamanya maka dibolehkan bagi wali memakan kadar yang diperlukan sahaja apabila dia berhajat. Dan ada juga yang mengatakan tidak dibolehkan memakan harta anak yatim bagi si wali sekalipun memerlukan. Dan dihikeyatkan dari Ibn ʿAbbas dan Zaid bin Salam ayat di atas di mansuhkan dengan ayat "bahawa sungguh orang yang memakan harta anak yatim dalam keadaan zalim."<sup>112</sup>

Para ulama berbeza pendapat masalah pemegang wasiat yang memakan harta anak yatim yang berada dalam pengurusannya. Pertama, pemegang wasiat boleh mengambil harta anak yatim sesuai dengan pekerjaannya, pendapat ini daripada

<sup>111</sup>Sunan al-Nasāʿī, [Kitāb al-Wasāyah, Bāb Mā Liwaṣī min Māli al-Yatīm Idhā Qāma ʿAlāihi, No. Hadith. 3698. dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin ʿAbd al-Azīz ʿAl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 2330.

<sup>112</sup> Abū Zakariyā Yahya bin Sharaf bin Marī al-Nawawī, *al-Minhāj Sharah Ṣaḥīḥ Muslim*, (Beirūt: Dār Ihyaʿ al-Turāth, 1393 H), 18: 157.

„Āishah, Ikrimah dan al-Hasan. Kedua tidak boleh memakan harta anak yatim kecuali sangat memerlukan, para ulama berbeza pendapat Ubaidah bin „Amr, Sa‘ūd bin Jubāir dan Mujahid berkata apabila seseorang memakan harta anak yatim dan setelah itu mendapat kelapangan, maka harus menggantinya semula. Ada sebahagian para ulama mengatakan tidak wajib dikembalikan. Ketiga, apabila harta itu yang berupa emas atau perak, maka pemegang wasiat tidak boleh mengambilnya kecuali sebagai pinjaman, kalau bukan berupa emas atau perak maka boleh memakannya sekadar untuk memenuhi keperluannya. Ini merupakan pendapat yang sah yang di nukil dari Ibn „Abbas, serta menjadi pendapat al-Sh‘abi dan Abū Aliyah.<sup>113</sup>

Dari ayat di atas, Ibn al-Ṭin menukil daripada pendapat Rabi‘ah tentang kemiskinan dan kecukupan (kaya) anak yatim tersebut. Maka, maknanya adalah apabila anak yatim itu berkemampuan, jangan berlebihan dalam memberi nafkah kepadanya. Apabila anak yatim itu miskin, hendaklah memegang wasiat dan memberi nafkah dari hartanya mengikut keperluan sahaja. Ayat ini turunnya tidak berkaitan dengan hukum memakan harta anak yatim.<sup>114</sup>

Imam al-Bukhārī memberi pandangan pada potongan hadith ( إِذَا كَانَ فَقِيرًا ) jika seorang wali itu fakir (miskin) dibolehkan mengambil upah dari menguruskan anak yatim. Al-Ṭabarī menyebutkan dari jalur al-Sudi, أَخْبَرَنِي مَنْ سَمِعَ ابْنَ عَبَّاسٍ يَقُولُ فِي قَوْلِهِ (وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا) قَالَ : بِأَطْرَافِ أَصَابِعِهِ Dikhabarkan kepadaku oleh orang yang mendengar Ibn „Abbas berkata tentang firman-Nya, “Dan sesiapa yang miskin boleh baginya menurut yang patut” beliau mengisyaratkan dengan hujung-hujung jari tangannya. Dari jalur Ikrimah disebutkan يَاكُلُ وَلَا يَكْتَسِي (boleh memakan dan tidak boleh menggunakannya

<sup>113</sup> Ahmad bin „Alī bin Ḥajar Abū al-Faḍil al-„Asqalānī, *Fathul al-Bārī*, (Jakarta: Pustaka Azzam, 2007), 15: 499-500.

<sup>114</sup> *Ibid.*, 500

untuk dipakai). Sementara dari jalur Ibrahim an-Nakha<sup>115</sup> disebutkan *يَأْكُل ما سد الجوعة ووارى*

*العورة* (Boleh makan kadar boleh menahan lapar dan dapat menutup aurat).<sup>115</sup>

Menurut pendapat al-Hasan bin Hayyi, pemegang wasiat dari sebelah bapa boleh memakan harta anak yatim mengikut keperluan sahaja. Daripada al-Hakim, wali yang mendapat upah, maka dia tidak boleh makan sesuatu dari harta anak yatim, Jika wali kaya, hendaklah wali itu membahagiakan anak yatim itu. Dan jika dia miskin, hendaklah dia menafkahi anak yatim menurut kemampuannya.<sup>116</sup>

**Hadith Ketiga :** Jangan mencampuri harta anak yatim dengan harta persendirian.

حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ عَطَاءٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ لَمَّا  
أَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ { وَإِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَى  
ظُلْمًا { الْآيَةَ أَنْطَلَقَ مَنْ كَانَ عِنْدَهُ يَتِيمٌ فَعَزَلَ طَعَامَهُ مِنْ طَعَامِهِ وَشَرَابَهُ مِنْ شَرَابِهِ فَجَعَلَ يُفْضِلُ  
مِنْ طَعَامِهِ فَيُحْبِسُ لَهُ حَتَّى يَأْكُلَهُ أَوْ يَفْسُدَ فَاشْتَدَّ ذَلِكَ عَلَيْهِمْ فَذَكَرُوا ذَلِكَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَى قُلْ إِصْلَاحٌ لَهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ تُخَالِطُوهُمْ  
فَاِخْوَانُكُمْ { فَخَلَطُوا طَعَامَهُمْ بِطَعَامِهِ وَشَرَابَهُمْ بِشَرَابِهِ

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Uthmān bin Abū Shāibah, telah menceritakan kepada kami Jarīr dari 'Aṭā', dari Sa'īd bin Jubāir, dari Ibn ʿAbbās, ia berkata; tatkala Allah s.w.t berfirman :  
“Dan janganlah kamu dekati harta anak yatim kecuali dengan cara yang lebih bermanfaat”. Dan "Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim dengan cara zalim". Orang yang memiliki anak yatim pergi dan menjauhkan makanannya dan minumannya dari minumannya. Maka makanan anak yatim tersebut tersisa kemudian disimpan hingga ia memakannya atau menjadi rusak. Maka hal tersebut terasa berat atas mereka, kemudian mereka menceritakan hal tersebut kepada Rasulullah s.a.w. lalu Allah s.w.t menurunkan ayat: "Dan mereka bertanya kepadamu tentang anak yatim, katakanlah: "Mengurus urusan mereka secara patut adalah baik, dan jika kamu bergaul dengan mereka, maka mereka adalah

<sup>115</sup> *Ibid.*,22: 314.

<sup>116</sup> *Ibid.*,22: 315.

saudaramu." Kemudian mereka mencampur makanan mereka dengan makanannya dan minuman mereka dengan minumannya

### Sumber Hadith:

1. Sahih Bukhārī, [Kitāb, al-Waṣāyān. Bāb, Qaulu Allah Ta'āla Wayas alūnaka „An al-Yatām Qul , No Hadith. 2767].<sup>117</sup>
  2. Sunan Abū Dawūd, [Kitāb al-Wasāyān, Bāb Mukhāliṭ al-Yatīm Fī al-Ṭa'ām, No Hadith. 2871].<sup>118</sup>
- Sunan al-Nasā'ī, [Kitāb Wasāyān, Bāb Mā Lilwasi Min Māli al-Yatīm Idha Qāma „Alāih, No Hadith. 3698].<sup>119</sup>

### Pembahasan Hadith Ketiga:

Al-,Aṭā'a menukil melalui sanad yang *mauṣul* dari al-Sa'ib dengan menyebutkan Ibn „Abbas seperti yang diriwayatkan oleh Abū Dawūd dan al-Nasā'ī serta disahihkan oleh al-Ḥakim dari jalur „Aṭā'a dari Sa'ib dari Sa'id bin Jubair dari Ibn „Abbās dia berkata: Ketika turun ayat, “*Dan jangan kamu mendekati harta anak yatim kecuali dengan cara yang baik.*<sup>120</sup> *Dan janganlah kamu mendekati harta anak yatim dengan cara yang zalim.*<sup>121</sup>

---

<sup>117</sup> Mūḥammad bin Īsmā'īl Abu Abd. Allah al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Bukhārī, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 223.

<sup>118</sup> Sulaymān bin al-Ash'āth al-Sajistānī, “Sunan Abū Dawūd”, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 1436.

<sup>119</sup> Abu „Addur al-Rahman Ahmad bin Shūib bin „Alī al-Khurāsānī, “Sunan Nasā'ī” dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 2330.

<sup>120</sup> وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya) sehingga dia baligh dan dewasa dan mampu mengurus hartanya sendiri. Lihat surah al-,An'ām. 6: 52

<sup>121</sup> إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا Sesungguhnya orang yang memakan harta anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api neraka ke dalam perut mereka, dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala. Lihat surah al-Nisā'ī. 4: 10.



Maka mereka menjahui harta anak yatim dan makanan-makanan mereka, dan perkara ini merasa berat ke atas mereka, lalu mereka mengadukan kepada Nabi s.a.w maka Allah menurunkan ayat, “*Mereka bertanya kepadamu tentang anak yatim...*” Dari jalur riwayat yang lain, al-Nasā’i meriwayatkan dari al-„Aṭā’“a bin al-Sa‘ib dengan sanad yang *mauṣul* dengan ada penambahan matan وَأَحْلَ لَهُمْ خَلْطَهُمْ “*Dan dihalalkan bagi mereka bercampur dengan anak-anak yatim itu*”.<sup>122</sup>

Kemudian dari riwayat „Abd bin Humaid meriwayatkan dari orang yang menceritakan kepadanya dari Ibn „Abbās. “Maksud bercampur disini adalah, engkau minum dari air susu miliknya, dan dia minum dari air susu milikmu, serta engkau makan dari piringnya dan dia makan dari piringmu, (Allah mengetahui siapa yang membuat kerosakan dan yang membuat kebaikan). Maksudnya sesiapa sahaja yang sengaja memakan dan menjauhi harta anak yatim. „Abū „Abaid berkata, maksud dengan percampuran harta anak yatim yang dibawah tanggungan walinya. Si wali merasa sukar untuk memisahkan harta itu dengan mengambil sedikit dari harta tersebut sekadar yang dianggap dapat mencukupi makanan anak yatim itu, lalu makanan itu dicampurkan dengan makanan keluarganya. Oleh yang demikian, berkemungkinan makanan itu lebih atau kurang, membuat mereka merasa takut. Maka Allah memberi kelonggaran kepada mereka membawa bekal ketika dalam perjalanan dan mencampur-adukkan bekal masing-masing saat berpergian.<sup>123</sup>

Manakala ayat tentang larangan mencampur harta anak yatim dengan harta peribadi pengasuh. Para sahabat yang baik dan benar keimanannya, mereka merasakan mengasuh anak yatim itu sangat sukar, kerana sisa makanan si anak yatim yang sering basi. Menunjukkan mereka betul-betul memisahkan makanan mereka dan tidak

---

<sup>122</sup> Al-Ḥāfiẓ ibn Ḥajar al-„Asqalānī, *Fath al-Bārī*, (Jakarta: Pustaka Azzam, 2010), 15: 507-508.

<sup>123</sup> *Ibd.*,

mengambil walau sedikit. Kerana merasa sukar seperti demikian, lalu mereka pun mengadakan hal tersebut kepada Nabi s.a.w, maka turunlah ayat:<sup>124</sup>

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَىٰ قُلْ إِصْلَاحٌ لَّهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ تُخَالِطُوهُمْ فَإِخْوَانُكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
الْمُفْسِدَ مِنَ الْمُصْلِحِ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَأَغْنَتْكُمُ إِنَّا اللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Al-Baqarah 2: 220

Terjemahan: Mereka bertanya kepadamu tentang anak-anak yatim. Katakanlah, “Memperbaiki keadaan mereka adalah baik!”. Dan jika kamu mempergauli mereka maka mereka adalah saudara-saudaramu. Allah mengetahui orang yang berbuat kerosakan dan yang berbuat kebaikan

Menurut Imam Jalalain, pada potongan kalimat تَخَالِطُوا (tukhālītū) yang terdapat pada ayat di atas, maksudnya adalah mencampuri nafkah wali dengan nafkah anak yatim.<sup>125</sup> Berbeza halnya dengan Sheikh Wahbah Zuhaili, beliau menafsirkan bahawa kebolehan mencampur harta anak yatim tidak terbatas pada nafkah sahaja, tapi mencakup semua harta. Yang penting adalah percampuran harta tersebut tidak dimaksudkan dengan merampas harta anak yatim, tapi sebaliknya untuk dikembangkan dan dikelola dengan baik. Bahkan beliau memandang perlu dicampur supaya tidak kesulitan dalam pengelolaannya.<sup>126</sup>

Menurut pendapat Sheikh Mutawalli Sha’rawi, bahawa percampuran harta anak yatim dengan harta peribadi orang yang mengasuh diperbolehkan, dengan tujuan untuk kebaikan dan kemaslahatan anak yatim tersebut.<sup>127</sup>

<sup>124</sup> Ahmad Hatta, *Tafsir Qu’ran Perkata*, (Jakarta: Maghfirah Pustaka, 2009), 35.

<sup>125</sup> Imam al-Jalalain, *Tafsir al-Jalalain*, (Damaskus: Dār al-Bashair, 1991), 35.

<sup>126</sup> Wahbah al-Zuhaili, *al-Tafsir al-Wajiz Wa Mu’jam Ma’āni al-Quran al-‘Ajiz*, (Damaskus: Dār al-Fikr, 1996), 36

<sup>127</sup> Tim Terjemah Safir al-Azhar, *Tafsir Sya’rawi, Renungan Seputar Kitab Suci al-Quran*, (Jakarta: PT. Ikrar Mandiriabadi, 2004), 700.

### **Hadith Keempat:** Mengurus dan Mengembangkan Harta Anak Yatim.

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ مُسْلِمٍ عَنْ الْمُثَنَّى بْنِ الصَّبَّاحِ عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَطَبَ النَّاسَ فَقَالَ أَلَا مَنْ وَلِيَ يَتِيمًا لَهُ مَالٌ فَلْيَتَّجِرْ فِيهِ وَلَا يَتْرُكْهُ حَتَّى تَأْكُلَهُ الصَّدَقَةُ

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Muḥammad bin Isma'īl telah menceritakan kepada kami Ibrāhīm bin Mūsa telah menceritakan kepada kami al-Walīd bin Muslim dari al-Muthanna bin Ṣabbāh dari Amrū bin Shu'aīb dari ayahnya dari datuknya bahawasanya Nabi s.a.w menyampaikan khutbahnya yang berisi: "Siapa sahaja yang mengurus anak yatim sedangkan anak tersebut memiliki harta, hendaklah dia gunakan untuk berdagang dan tidak membiarkannya habis untuk membayar zakatnya.

### **Sumber Hadith:**

- 1.Sunan al-Tirmidhī [Kitāb al-Zakāh „An Rasulillah. Bāb Mā Jā'a Fī Zakāh Māl al-Yatīm. Nom, Hadith. 641].<sup>128</sup>

### **Pembahasan Hadith Keempat:**

Para ulama berbeza pendapat berkaitan dengan mengelola dan mengembangkan harta anak yatim. Perbezaan pendapat ini disebabkan oleh perbezaan dalam memakai kata *iṣlah* (berbuat baik) pada anak yatim ataupun hartanya. Dalam kalangan mazhab al-Shafī'ī, menegaskan bahawa mengembangkan harta anak yatim sesuai kemampuan pengelola hukumnya wajib. Sementara kalangan Maliki, mengembangkan harta anak yatim hukumnya sunnah. Namun pada dasarnya, menjaga harta anak yatim hukumnya wajib.<sup>129</sup>

Menurut pendapat Hamka, bahawa harta anak yatim sebaiknya dikembangkan dan diperniagakan agar tidak membeku. Dan bagi wali, supaya tidak menyerahkan harta

<sup>128</sup> Muhammad bin ʿĪsa bin Sūrah bin Mūsa, Sunan al-Tirmidhī, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin ʿAbd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 1709.

<sup>129</sup> Mujahidin Nur, *Keajaiban Menyantuni Anak Yatim*, (Jakarta: Zahira, 2008), 96.

tersebut melainkan anak yatim sudah menginjak dewasa, (*Rashid*) pandai mengurus hartanya sendiri. Ada juga dalam ketentuan shari'at, walaupun sudah dewasa tetapi masih *safih* (bodoh), maka wali masih berhak menjaga harta itu dan memberi belanja dan jaminan hidup bagi anak yatim.<sup>130</sup> ini sesuai dengan firman Allah:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَامًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Al-Nisā'i 4: 5

Terjemahan: Dan janganlah kamu menyerahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya (yang tidak boleh mengelola hartanya), harta kamu (atau harta mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah untuk kamu sebagai pokok kehidupan. Berilah mereka belanja dalam harta itu dan pakaian serta ucapkanlah kepada mereka perkataan yang baik.

Bagi orang yang menjadi wali bagi anak yatim, sama ada ibunya atau bapa saudara sebelah bapanya atau abang sulungnya atau orang asing yang ditetapkan oleh hakim, supaya tidak menyimpan harta anak yatim, tetapi diusahakannya untuk mengembangkan dan mendapat keuntungan. Jika sudah cukup setahun maka keluarkan zakat. Modal dasarnya tidak berkurang, dan begitulah sehingga ke tahun kedua maka keluarkanlah zakat. Maka perkembangan dan perdagangan harta itu menjadi jaminan modal tersebut.<sup>131</sup>

Abū 'Īsa berkata, pada sanad hadith di atas terdapat cela kerana al-Muthanna bin Ṣabbāh lemah dalam periwatan hadith. Sebahagian Ahl al-hadith meriwayatkan hadith ini dari „Amrū bin Shu'aīb, sesungguhnya „Umar bin al-Khaṭṭāb berkata. Hadith ini dalam kalangan para ulama berbeza pendapat. Sebahagian sahabat Nabi s.a.w seperti „Umar, „Ali, 'Āishah dan Ibn „Umar berpendapat adanya kewajipan zakat pada harta

<sup>130</sup> Hamka, *Tafsīr al-Azhār*, (Jakarta: Pustaka Panjimas, 2004), xv: 63.

<sup>131</sup> „Aṣīyyah bin Muhammad Sālim, *Sharah Bulūgh al-Maram*, (Beirut: Dār al-Shibkah al-Islamiah, t.t)129: 2.

anak yatim, ini juga merupakan pendapat Mālik, al-Shāfi'i, Ahmad dan Ishaq. Adapun Sufyān al-Thaurī, „Abdullah bin al-Mubārah dan „Amrū bin Shu'aib iaitu anaknya Muḥammad bin „Abdullah bin „Amrū bin al-'Āṣ berpendapat tidak adanya kewajiban zakat pada harta anak yatim. „Amrū bin Shu'aib telah mendengar hadith dari datuknya „Abdullāh bin'Āmrū .Yahya bin Sa'id al-Qaṭṭān mencela hadith Amrū bin Shu'aib seraya berkata, menurut kami, dia itu ḍa'if, hal ini disebabkan dia meriwayatkan dari Ṣahifah (lembaran) kepunyaan datuknya „Abdullah bin Amrū. Sedangkan kebanyakan ahlul hadith diantaranya Ahmad dan Ishaq menetapkan hadith „Amrū bin Shu'aib dan menerimanya sebagai hujjah.<sup>132</sup>


Al-Imam Abi Hanifah dan Imam Malik, Imam Shafi'i, dan Imam Ahmad, mereka berpendapat bahawa jika harta itu dimiliki oleh seorang yang sudah matang (dewasa) dan bertanggungjawab, maka wajib mengikuti rukun islam yang kelima, iaitu menunaikan zakat hartanya. Adapun harta anak yatim yang belum *baligh* (sampai umur), maka wajib bagi wali mengeluarkan zakat harta anak yatim itu. Adapun harta yang perlu dikeluarkan zakat terbahagi kepada dua bahagian, Pertama: Harta yang tersembunyi, ialah harta yang berkaitan dengan tunai dari emas dan perak, dan wang kertas pada zaman sekarang. Kedua: Harta yang jelas, ialah binatang ternakan dan tumbuh-tumbuhan.<sup>133</sup>

---

<sup>132</sup> Muhammad bin „Īsa bin Sūrah bin Mūsa, Sunan al-Tirmidhī, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 1709.


<sup>133</sup> „Aṣṣiyah bin Muhammad Sālim, *Sharah Bulūgh al-Maram*, :2

**Rajah 2.1. Taburan Hadith-Hadith Pengurusan Anak Yatim Dalam *al-Kutub al-Sittah* (Termasuk Jumlah Hadith Yang Berulang)**



Sumber: Kajian Penyelidik

**Rajah 2.2. Taburan Hadith-Hadith Pengurusan Harta Anak Yatim Dalam *al-Kutub al-Sittah* (Termasuk Jumlah Hadith Yang Berulang)**



Sumber: Kajian Penyelidik

Merujuk kepada rajah di atas yang telah dijalankan, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pada [Rajah 2.1] tentang pengurusan anak yatim pengkaji mendapati beberapa hadith yang terdiri dari hadith pengurusan, keutamaan tempat yang

diduduki oleh anak yatim, memberi makan dan minum, pendidikan dan kelebihan atau faḍilah bagi orang yang menguruskan anak yatim sesuai dengan tuntutan Rasulullah s.a.w.

Seterusnya pada [Rajah 2.2] tentang pengurusan harta anak yatim, penulis mendapati beberapa hadith yang terdiri dari hadith dosa besar bagi orang yang memakan harta anak yatim secara zalim, kadar yang diperbolehkan memakan bagi orang yang mengurus anak yatim, jangan mencampuri harta anak yatim dengan harta persendirian, dan mengembangkan harta anak yatim sesuai dengan tuntutan shara’.

#### **2. 4. Pendekatan Dalam Pengurusan Diri dan Harta Anak Yatim Berdasarkan *Fiqh al-Hadith*.**

Berdasarkan hadith-hadith yang telah dikumpulkan serta merujuk kepada pembahasan para ulama terhadap hadith-hadith tersebut, penulis dapat merumuskan dan membentuk satu “*standard*” khusus kepada pendekatan dan kaedah Nabi s.a.w dalam pengurusan anak yatim. Oleh kerana itu, pengkaji tidak akan mengulangi pembahasan tentang pendekatan dan kaedah tersebut. Keseluruhannya, pengkaji membahagikan pendekatan dan kaedah pengurusan anak yatim kepada dua bagian utama iaitu:

##### **1. Pengurusan Diri Anak Yatim,**

Berasaskan kepada pendekatan dan kaedah pengurusan Nabi s.a.w serta merupakan “*standard*” utama dalam pengurusan dan perbincangan para ulama dalam fiqh al-Hadith mengenai hadith-hadith pengurusan anak yatim, maka pengkaji dapat merumuskan kepada enam aspek kaedah utama iaitu:

- i. Mengurus dan mendidik anak yatim merupakan satu perkara yang digalakkan dalam agama. Dalam al-Quran dan hadith-hadith Nabi s.a.w memberi perhatian penuh tentang pengurusan anak yatim.
- ii. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa mengurus anak yatim merupakan kewajipan setiap orang yang paling dekat dengannya (wali).
- iii. Menyediakan tempat yang sesuai untuk anak yatim, ini merupakan satu perkara yang disukai oleh Rasulullah s.a.w. sehingga baginda bersabda sebaik-baik rumah adalah rumah yang didalamnya terdapat anak yatim.
- iv. Memberikan makan dan minum. Berdasarkan perbincangan para ulama pada hadith yang kedua dalam fiqh hadith. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa, kaum muslimin wajib melanyani mereka dengan memberi makan dan minum menurut kadar kemampuan. Kerana ini merupakan salah satu hak mereka yang asas.
- v. Mendidik moral bagi anak yatim merupakan tanggungjawab bersama bagi orang Islam. Membangun kecerdasan anak yatim dengan mengajarkan mereka dengan kegiatan-kegiatan yang dapat mengembangkan dan membantu mereka untuk berfikir secara ilmiah, sistematik, serta memiliki daya inovasi tinggi.
- vi. Kelebihan bagi orang yang mengurus anak yatim dengan cara yang benar menurut al-Quran dan sunnah dan bertanggungjawab sangat besar penghargaan dari Allah dan Rasul-Nya dan mendapat tiket ke syurga bersama Rasulullah s.a.w



## 2. Pengurusan Harta Anak Yatim.

Berdasarkan hadith-hadith dan perbincangan para ulama mengenai pengurusan harta anak yatim. Pengkaji dapat menyimpulkan kepada empat kaedah utama iaitu,

- i. Pengurusan harta anak yatim mendapat perhatian dalam al-Quran dan Hadith Nabi s.a.w, kerana anak yatim diyakini tidak mampu dan tidak terjamin dalam mengurus hartanya sendiri. Jika harta anak yatim diserahkan kepadanya, justeru harta itu akan binasa dan hancur. Untuk itu mestilah ada orang yang menguruskannya supaya harta tersebut berkembang atau bertahan jumlahnya, tidak hancur dan tidak sia-sia.
- ii. Bagi orang yang sudah diberi tanggungjawab dalam pengurusan harta anak yatim supaya tidak mencampurkan harta anak yatim dengan harta persendirian.
- iii. Harta anak yatim perlu ada jaminan dan keselamatan supaya orang yang mengurus hartanya tidak memakan harta tersebut tanpa keizinan daripada anak yatim.
- iv. Ancaman bagi orang yang memakan harta anak yatim dengan sengaja. Setelah Pengkaji menghimpunkan beberapa pendapat ulama. Maka, dapat disimpulkan bahawa memakan harta anak yatim merupakan dosa besar.

### 2. 5. KESIMPULAN

Dari hasil penelitian, pengkaji telah menemukan sebanyak 113 [seratus tiga belas] hadith dalam kitab *al-Kutub al-Sittah* yang berkaitang dengan anak yatim, ini terdiri dari kitab *Şahih al-Bukhārī* terdapat 31[tiga puluh satu] hadith, *Şahih Muslim* 19

[Sembilan belas] hadith, Sunan Abū Dawūd 15 [lima belas] hadith, Sunan al-Tirmidhī 10 [sepuluh] hadith, Sunan al-Nasā'ī 19 [Sembilan belas] hadith, dan Sunan Ibn Mājah 9 [Sembilan] hadith, yang terdiri dari beberapa hadith yang berbeza sanad.

Berdasarkan senarai dan bentuk-bentuk pemilihan hadith tersebut pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pengurusan anak yatim dalam semua aspek adalah hal yang serius dalam agama, sebagai mana yang telah di jelaskan oleh baginda Nabi s.a.w dari riwayat Sahl bin Sa'd daripada Nabi s.a.w bersabda:

أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا وَقَالَ بِإِصْبَعَيْهِ السَّبَّابَةِ وَالْوَسْطَى

Terjemahan: "Aku dan orang yang menanggung anak yatim berada di syurga seperti ini." Baginda mengisyaratkan dengan kedua jarinya iaitu telunjuk dan jari tengah.

Baginda Nabi s.a.w juga merupakan pengasuh bagi anak yatim dan juga oleh para sahabat, mereka berlomba-lomba dalam pengurusan anak yatim. Oleh itu, umat Islam supaya bertanggungjawab dan mengambil berat tentang anak yatim dalam mengurus semua bidang aspek.

Setelah pengkaji melakukan kajian terhadap hadith-hadith Nabi s.a.w khususnya yang berkaitan dengan pengurusan anak yatim dan pengurusan harta anak yatim, maka pengkaji dapat menyimpulkan bahawa setiap pemahaman mengenai kaedah pengurusan Nabi s.a.w ini dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan dalam kehidupan manusia dengan mengikut kesesuaian keadaan, masa dan tempat.

### BAB III

## PENGURUSAN ANAK YATIM DI MARKAS AL-ISHLAH AL-AZIZIYAH DI BANDA ACEH.

### 3.0. PENDAHULUAN

Dalam Bab dua penulis telah menghuraikan tentang teori pengurusan anak yatim daripada pelbagai aspek yang telah ditetapkan di dalam hadith-hadith Nabi s.a.w. Seterusnya dalam bab ketiga, penulis akan menghuraikan secara terperinci mengenai objek kajian penulis iaitu: Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah (MIA) di Banda Aceh, kajian ini menyentuh tentang pengurusan anak yatim di pondok MIA, matlamat, pendekatan, perkembangan, struktur organisasi dan pengurusan, aktiviti serta masalah yang dihadapinya.

Dalam perbincangan tentang pengurusan anak yatim di pondok MIA, pengkaji merujuk kepada saranan dan tuntutan al-Quran dan hadith yang mengajak umat Islam supaya berbuat *ihsan* dan memuliakan anak yatim. Pengurusan anak yatim yang dilakukan oleh MIA adalah khusus kepada anak yatim yang mangsa konflik<sup>134</sup> dan bencana alam tsunami pada tahun 2004 yang lalu. Pengkhususan ini kerana anak yatim mangsa konflik dan tsunami, mengalami banyak masalah yang mempengaruhi kehidupan mereka. Ada diantara mereka yang memiliki perasaan dendam dan trauma kerana menyaksikan peristiwa yang berlaku pada orang tua mereka. Pondok MIA ada juga menerima anak-anak yatim yang muallaf dan mereka yang betul-betul kurang mampu.<sup>135</sup>

---

<sup>134</sup> Anak-anak yatim yang meninggal orang tuanya semasa peperangan antara (GAM) Gerakan Aceh Merdeka dengan pemerintah (RI) Republik Indonesia, lebih kurang dalam 23 tahun.

<sup>135</sup> Tgk Lukman, (Tenaga Pengajar, Markasal-Ishlahal-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 2 Ogos 2017.

Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah berada di desa Lueng Bata Kota Banda Aceh, pondok ini dikategorikan sebagai pondok yang berasaskan Islamiah. Mempunyai misi, iaitu untuk menyatukan dua hati yang diliputi perasaan dendam, dan untuk menjalin ukhuwah Islamiyah sehingga tidak larut dengan perasaan dendam yang mengakibatkan kepada permusuhan dan konflik yang berpanjangan di bumi Serambi Mekah ini. Membangun kehidupan masa depan anak-anak Aceh, terutama kepada anak-anak yatim mangsa konflik supaya dapat mandiri, madani dan bermartabat di mata masyarakat.<sup>136</sup>

### **3.1 LATAR BELAKANG PONDOK MARKAS AL-ISHLAH AL-AZIZIYAH (MIA)**

Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah didirikan oleh Tu Bulkaini yang merangkap sebagai Mudir. Pada tahun 2001 hingga 2003, pondok ini hanya memiliki 25 orang anak yatim, dan proses pembelajarannya tidak terlalu aktif. Pimpinan MIA dengan dibantu oleh lima orang guru lainnya, mereka hidup dengan serba kekurangan, baik tempat tinggal mahupun kewangan lainnya. Sikap dan watak anak yatim pada masa itu masih sangat keras dan susah untuk diuruskan, bahkan mereka sering berkelahi mulut dengan sesama mereka kerana ada diantara mereka mangsa kekerasan dari pihak GAM dan ada juga mangsa kekerasan dari pihak TNI. Namun ustaz dan ustazah MIA selalu memberi perhatian khusus kepada mereka melalui pendekatan yang lembut.<sup>137</sup> Kemudian, pada tanggal 26 Disember 2004, Aceh dilanda musibah dengan gempa dan tsunami yang begitu dahsyat, sehingga ramai masyarakat Aceh yang meninggal dunia dan menjadi trauma dengan kejadian tersebut, terutama dikalangan kanak-kanak.<sup>138</sup>

---

<sup>136</sup> *Ibid.*

<sup>137</sup> Munawardi Ismail, "Mengenala Benci Menjadi Energi," *Berita Harian*, 12 Februari 2007, 9.

<sup>138</sup> Drs. Tarmizi Rajab, ed., *Dasyatnya Tsunami Aceh* (Yogyakarta: Nuha Medika, 2016), 36.

Nur Jannah Bakhtiar mengatakan, sebaiknya pengurusan dan pendidikan anak-anak yatim mangsa konflik dan tsunami dikelola dibawah satu badan yang khusus, kerana akan lebih efektif dan amat berkesan bagi mereka. Dengan keadaan emosi mereka yang mudah berubah dan sangat terpengaruh bagi perkembangan jiwa mereka di masa akan datang. Terutama anak-anak yang mengalami dan menyaksikan sendiri peristiwa konflik dan tsunami. Mereka ini jika tidak didik dengan metode yang benar, dikhawatiri timbul konflik baru di bumi Serambi Mekah. Oleh itu, salah satu solusinya yang berkesan dengan *proximity* (kedekatan) jika anak-anak sudah saling berdekatan, bermain, ketawa, meluahkan perasaan sesama mereka itu akan terjadi komunikasi *interpersonal* (komunikasi yang terjadi antara dua orang atau lebih). Menurut psikologi sosial, rasa benci dan dendam diantara satu sama lain akan menjadi energy yang positif.<sup>139</sup>

Menurutnya lagi, apa yang sudah dilakukan oleh ulama Aceh Tgk. H. Tu Bulqaini Tanjungan di Markas al-Ishlah al-Aziziah adalah pola ideal yang sangat tepat dalam menempatkan anak-anak yatim mangsa konflik dan tsunami dibawah satu lembaga yang memiliki masa depan yang cerah bagi mereka. Prosesnya akan memudahkan bagi anak-anak yatim untuk beradaptasi antara satu sama lain yang senasib dengan mereka. Teori yang dilakukan oleh ulama Aceh ini, sebelum ini pernah dilakukan oleh Abraham Lincoln di benua Amerika. Pada zaman pemerintahannya pada tahun 1861-1865, dia berjaya menyatukan kaum kulit putih dan kaum kulit hitam.<sup>140</sup>

---

<sup>139</sup> Munawardi Ismail, "Mengenola Benci Menjadi Energi," *Berita Harian*, 12 Februari 2007, 9.

<sup>140</sup> *Ibid.*.

### 3. 1. 1 Sejarah Dan Latar Belakang Pembangunan Pondok MIA

Sejarah awal mula tumbuh Pondok Marka al-Ishlah al-Aziziyah yang berada di Lueng Bata Banda Aceh, adalah hasil dari jerih payah seorang tokoh ulama karismatik di Aceh yang sangat peduli kepada keadaan masyarakat Aceh. Pada masa itu, nama beliau tidak asing bagi masyarakat Aceh iaitu Tuan Guru Sheikh Teuku Haji Tu Bulqaini. Beliau bertanya kepada para ulama pondok tentang peperangan di Aceh, para ulama berpendapat bahawa peperangan di tanah Aceh Serambi Mekah harus segera di hentikan, kerana menyebabkan penderitaan kepada masyarakat dan ramai anak-anak yang menjadi yatim.<sup>141</sup>

Suatu ketika Tu Bulqaini berada di halaman kampungnya, ketika itu dia membaca surat khabar yang dimuka hadapannya diletakkan gambar seorang Letjen TNI yang bernama Prabowo, lalu dia menunjukkan kepada sejumlah anak-anak terutama kepada anak yatim yang mangsa konflik, dengan berkata dalam bahasa Aceh “*kah nyo katuri so nyoe?*” yang bermaksud “*kalian kenal dia ini siapa?*” dengan serentak anak-anak itu menjawab dalam bahasa aceh, “*nyan ureng yang poh ayah kamo*” (itulah orang yang telah membunuh orang tua kami), mendengar jawapan mereka, Tu Bulqaini merasa gemetar. Bumi yang diinjak seakan-akan berlaku gempa, beliau meyakini bahawa anak-anak ini terutama anak yatim mangsa konflik mempunyai dendam yang membara dalam hati mereka untuk membalas dendam atas kematian orang tua mereka yang tidak sewajarnya. Kalau anak-anak ini dibiarkan, berkemungkinan rakyat Aceh senantiasa dalam keadaan dendam, kekerasan, pembunuhan, peperangan berpanjangan pada masa yang akan datang.<sup>142</sup>

Semenjak dari saat itulah, beliau nekad untuk menubuhkan pusat pengurusan anak-anak yatim khususnya yang mangsa konflik bertujuan untuk membina ukhuwah

<sup>141</sup> Ahmad Arif, “Menyatukan Dua Dendam Anak Aceh” *Kompas Harian*, Selasa 20 Oktober 2005, 3

<sup>142</sup> Munawardi Ismail, “Penyatu Dua Dendam,” *Berita Harian*, 16 Mac 2005, 4.

persaudaraan dan melenyapkan rasa dendam didalam hati mereka. Namun pada saat itu cita-citanya terhalang dengan kekurangan sumber pendapatan. Pada tahun 1999, Tu Bulkaini mendirikan ikatan santri Taliban (menyatukan santri Aceh). Setahun kemudian, beliau mendapat undangan resmi dari kedutaan besar Amerika Syarikat (AS) untuk melihat perkembangan Islam, budaya, dan pendidikan di Amerika, beliau diundang sebagai ketua ikatan santri Aceh.<sup>143</sup>

Setelah pulang dari Amarika Syarikat (AS), beliau masih memiliki baki wang perbelanjaan sebanyak Rp 33.000.000.00 (tiga puluh tiga juta rupiah) lebih kurang dalam Rm 11.000, dengan wang tersebut beliau menggunakan untuk membeli sepetak tanah rawang di Lung Bata Banda Aceh yang berukuran 1.200 meter persegi. Pada tahun 2001, beliau mula membangunkan pondok pengurusan anak yatim mangsa konflik.<sup>144</sup> Akhirnya Allah mewujudkan cita-citanya sehingga sekarang.

### **3. 1. 2. Tujuan Utama Pertumbuhan MIA**

Menurut kata Tu Bulqaini<sup>145</sup>, tujuan utama beliau mendirikan pondok ini adalah untuk membina ukhuwah diantara sesama anak yatim supaya menghilangkan rasa dendam didalam hati mereka yang telah menjadi mangsa konflik. Konflik bersenjata yang terjadi di Aceh lebih kurang 32 tahun lalu telah meragut banyak nyawa dan ribuan anak-anak kehilangan orang tua dan keluarga mereka. Secara umumnya, anak-anak ini masih menyimpan dendam terhadap sesiapa yang telah membunuh ibu bapa dan keluarga mereka. Mereka telah melihat sendiri ibu bapa dan keluarga mereka dibakar hidup-hidup, ditembak secara rambang dan rumah mereka dibakar.<sup>146</sup>

---

<sup>143</sup> Ahmad Arif, "Menyatukan Dua Dendam Anak Aceh" *Kompas Hariah*, Selasa 20 Oktober 2005, 3

<sup>144</sup> *Ibid.*,

<sup>145</sup> Pimpinan Dayah Markas al-Islahal-Aziziyah, di Banda Aceh

<sup>146</sup> Teungku Bulqaini Tanjongan (Pimpinan Dayah Markas al-Islahal-al-Aziziyah, Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2016

Secara majoritinya, anak-anak yatim ini mempunyai hasrat yang tinggi untuk membalas dendam kepada orang yang telah membunuh keluarga mereka. Oleh yang demikian, Tu Bulqaini sangat prihatin dengan situasi mereka sehingga beliau mengambil satu peluang untuk memelihara dan memberikan pendidikan kepada mereka.<sup>147</sup>

Pandangan Tu Bulqaini, dendam adalah masalah serius yang harus diambil berat oleh kerajaan Aceh. Jika dendam ini tidak boleh dipadamkan, konflik baharu akan terjadi di bumi Serambi Mekah itu kerana kebanyakan anak-anak yatim ini masih menyimpan dendam didalam hati mereka. Tapi bukan itu yang kita inginkan, menurut Tu Bulqaini dendam dapat diatasi melalui dua perkara iaitu ilmu agama dan ilmu am. Di pondok yang dipimpinnya itu, para pelajar (dipanggil santri) diajar ilmu agama dengan mengadaptasi kaedah pondok (pesantren). Sedangkan untuk sekolah, pelajar yang masih dibangku sekolah rendah dimasukkan ke sekolah yang terdekat manakala mereka yang di peringkat sekolah menengah bersekolah di Madrasah Tsanawiyah atau `Aliyah yang terdekat. Semua keperluan para pelajar ini akan dibiayai oleh pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah tersebut.<sup>148</sup>

### **3. 1. 3. Visi dan Misi Pondok MIA**

Pondok MIA yang dibangunkan pada tanggal 09 Disember 2001 di Leung Bata Banda Aceh, memiliki visi untuk mengembangkan dan memperdayakan anak-anak yatim dibidang pendidikan agama, umum dan dibidang sosial kemanusiaan. Sasaran visi yang dimaksudkan adalah terutama kepada anak-anak yatim yang meninggal orang tuanya

---

<sup>147</sup> *Ibid.*

<sup>148</sup> *Ibid.*



semasa konflik antara GAM dengan RI, serta anak-anak mangsa bencana alam tsunami pada tanggal 26 Desember 2004.<sup>149</sup>

Pondok MIA yang berasaskan Islam juga mempunyai misi untuk mewujudkan satu lembaga yang memfasilitasi anak-anak mangsa konflik dan bencana alam tsunami dalam satu tempat pembelajaran agar mereka dapat menikmati pendidikan yang layak dan sesuai dengan perkembangan zaman. Harapan dari pimpinan MIA, masa depan anak yatim mangsa konflik dan tsunami ini perlu untuk dikebangkan kembali dengan menerapkan beberapa metode pendidikan yang seimbang dengan semasa.<sup>150</sup> Untuk mewujudkan misi yang telah dirumuskan, maka langkah-langkah nyata yang harus dilakukan oleh Pondok MIA adalah:

1. Memberi pendidikan agama dengan harapan boleh menjadi insan berguna bagi Agama dan Negara yang berjiwa al-Quran dan al-Sunnah Nabi s.a.w
2. Memberi pendidikan umum agar mereka boleh mencapai keperluan duniawi dan ukhrawi.
3. Disamping itu juga, mereka dibekalkan dengan ilmu ketrampilan yang praktis seperti belajar menjahit, bunga, dan sebagainya supaya mereka boleh hidup mandiri di tengah-tengah masyarakat.<sup>151</sup>
4. Mencetak generasi mandiri yang tidak bergantung harap pada orang lain, boleh bersosialisasi, peduli pada diri dan sesama, patuh dan ta'at pada orang tua dan guru.

---

<sup>149</sup> Tgk Asqalani (Sekretaris, Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah di Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 2 Februari 2018.

<sup>150</sup> Sayyed Huseun, (Tenaga Pengajar, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

<sup>151</sup> Khairuddin Aba "Mendidik Pencinta Damai dan Pemersatu Ummat," *Berita Harian*, 10 Maret 2012, 22

5. Mengembangkan pembelajaran dengan menggunakan teknologi informasi dan komunikasi untuk melahirkan anak didik yang berwawasan global.
6. Mendorong aktiviti dan kreativiti secara optimal kepada seluruh penghuni pondok MIA terutama para siswa.
7. Melaksanakan pembelajaran dan bimbingan secara efektif sehingga kecerdasan anak-anak yatim terus diasah agar terciptanya kecerdasan intelektual dan emosional yang mantap.
8. Tanamkan cintakan kebersihan dan keindahan peribadi dan semua yang berkaitan dengan pondok MIA.
9. Meningkatkan tanggungjawab, kejujuran, keyakinan diri dan semangat untuk berdaya saing.<sup>152</sup>

### **3. 2. STUKTUR ORGANISASI DAN PENTADBIRAN PONDOK MIA**


Sebagaimana yang diketahui, sesuatu perlembagaan akan memiliki struktur organisasi tersendiri, Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah ditadbirkan oleh ahli jawatankuasa yang telah dilantik dan dipersetujui didalam mesyuarat agung.

---

<sup>152</sup> Sayyed Huseun, (Tenaga Pengajar, Markasal-Ishlahal-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

### 3.2.1 Carta Organisasi Jawatan Kuasa Pentadbiran Pondok MIA

Pondok MIA ditadbirkan oleh sebuah jawatan kuasa yang dilantik oleh ahli jawatan kuasa di dalam mesyuarat agung, adapun ahli-ahli jawatan yang sudah di lantik adalah seperti berikut.<sup>153</sup>



<sup>153</sup> File Carta Organisasi Pondok MIA Tahun 2017-2018.

Dari carta di atas, penulis dapat menyimpulkan, pondok MIA menyediakan dua tenaga pengajar utama iatu: **Pertama** tenaga pengajar tetap, mereka yang tinggal di dalam kawasan pondok dan diberikan satu rumah tempat tinggal pecuma, bagi tenaga pengajar yang tinggal didalam pondok wajib mempergunakan masa sepenuhnya untuk berkhidmat kepada pondok MIA. **Kedua** tenaga pengajar kontrak, mereka tinggal diluar kawasan pondok dan hanya datang waktu mengajar sahaja.<sup>154</sup>

### 3. 2. 1. Biro Kewangan Kemasukan dan Pengeluaran

Kewangan kemasukan, pengeluaran dan pelaburan dana dipondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah ditubuhkan bagi mengenalpasti punca serta peningkatan sumber kewangan MIA. Pengakuan dari Mudir, mulai dari berdirinya pondok sehingga sekarang, pondok MIA tidak mempunyai sumber dana yang khusus. Dana dari kerajaan Aceh tidak dapat dijadikan satu pegangan kerana dana akan diberikan mengikut tahun, walaupun kadang kala tidak dapat. Mereka hanya bergantung harap pada penderma-penderma, orang yang bersedekah, orang yang berwakaf, hibah, lembaga non pemerintah, NGO local, Nasional dan Internasional yang datang ke Aceh.<sup>155</sup> Dana tersebut digunakan untuk pelbagai keperluan seperti, untuk pembangunan, keperluan sekolah, wang saku harian, untuk keperluan makanan harian, membayar bil elektrik, telefon, membayar gaji tukang masak, tukang sapu kawasan, serta keperluan-keperluan lain yang berkaitan dengan pondok MIA.

Adapun pengeluaran setiap hari memerlukan pengeluaran dana yang banyak. Hasil daripada temubual dengan Mudir, keperluan untuk membiayai makanan dan minuman mencapai lebih kurang Rp 2.000.000 per hari, jumlah sebulan sebanyak Rp

---

<sup>154</sup> Tgk Boili Syuhada, (Sekretaris, Markasal-Ishlahal-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

<sup>155</sup> Syeih Tgk. H. Tu Bulkaini, (Pimpinan Pondok, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 23 Ogos 2017.

60.000.000 per bulan, tidak termasuk elaun yang diberikan kepada tenaga pengajar, wang pembangunan dan keperluan yang lain. Kesemua mencapai jumlah bernilai Rp 90.000.000 (sembilan puluh juta rupiah) perbulan.<sup>156</sup> Ini adalah kekuasaan Allah dan yakin kepada rezeki yang sudah ditentukan oleh Allah.

### 3.2.3 Syarat Kelayakan Menjadi Penghuni Asrama

Hasil keputusan mesyuarat pihak pengurusan bagi menjamin dan menjaga pengurusan yang sistematik di pondok MIA, pihak pengurusan telah menetapkan beberapa syarat bagi pelajar-pelajar yang layak memasuki pondok ialah seperti berikut:

- i. Calon mestilah berumur antara 7 hingga 20 tahun.
- ii. Mengisi borang yang telah disediakan oleh AJK pondok.
- iii. Calon harus membawa bersama salinan siji kelahiran, sijil kematian orang tua, yang menyatakan orang tuanya meninggal dunia disebabkan bencana alam tsunami dan mangsa konflik senjata antara pemerintah RI dengan GAM.
- iv. Wajib mematuhi peraturan yang sudah ditetapkan di pondok MIA.
- v. Sanggup melaksanakan tugas-tugas yang ditetapkan oleh pihak pondok MIA.
- vi. Mengikuti setiap program yang dilakukan oleh MIA.
- vii. Membawa gambar berukuran pasport 2 keping.
- viii. Tidak boleh keluar asrama waktu belajar dan waktu istirahat.
- ix. Tidak boleh merokok.
- x. Tidak boleh membawa telefon dalam asrama.<sup>157</sup>

---

<sup>156</sup> *Ibid.*,

<sup>157</sup> Tgk H. Tu Bulkaini, (Mudir, Markasal-Ishlahal-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

### 3. 2. 4. Kurikulum Pendidikan Formal Di Pondok MIA

Pondok MIA di Leung Bata Banda Aceh mempunyai kurikulum pembelajaran secara khusus yang berbeza dengan pondok lain, pembelajaran membahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi malam dan sesi pagi. Sedangkan tengahari mereka akan dihantar ke sekolah yang terdekat untuk mengikuti pembelajaran umum, pembelajaran yang diterapkan di MIA lebih kepada kerohanian, tujuannya untuk menjaling ukhuwwah dan meredakan dendam yang ada dalam diri anak-anak yatim. Senarai pembelajaran ini sudah berlaku semenjak berdirinya pondok 2001 hingga sekarang. Pembelajaran dengan kurikulum pondok terdiri dari tiga tingkatan pendidikan utama iaitu: **Pertama**, Tingkatan kelas *Tajizy* (sekolah rendah). **Kedua**, kelas madrasah *Thanawiyah*, (sekolah menengah). **Ketiga**, kelas *Aliyah* (menengah tinggi). Pondok MIA, selain melaksanakan kurikulum pesantren salafi<sup>158</sup>, juga melaksanakan kurikulum pendidikan umum dibawah naungan Kementerian Agama. Dengan demikian, kelulusannya tidak terhambat oleh keterbatasan sijil untuk melanjutkan pelajaran ke jinjang yang lebih tinggi lagi. Ada pun senarai mata pelajaran di pondok MIA boleh dilihat pada jadual di bawah ini.

**Jadual 3.1: Senarai Mata Pelajaran Kelas *Tajizy* (Sekolah Rendah) di Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah**

SESI MALAM KELAS <i>TAJIZY</i> (SEKOLAH RENDAH) DI PONDOK MARKAS AL-ISHLAH AL-AZIZIYAH							
No	Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
1	الفقه فلجرن عبادة	الفقه فلجر عبادة	الفقه فلجرن عبادة	الفقه فلجرن عبادة	الفقه فلجرن عبادة	Dalail Khairat dan Muhadarah	الفقه فلجرن عبادة
2	الاسلام تاريخ روايت النبي	التوحيد اعتقا ليم فوله	التساوف تنيه الغافلين	القران تجويد	النحو تحرير		الصرف ضم

Sumber: File MIA

<sup>158</sup>Pondok pesantren salafi adalah sebutan bagi pondok pesantren yang mengkaji kitab-kitab kuning [kitab-kitab kuno]. Pesantren salaf identik dengan pesantren tradisional [klasik]. [https://id.wikipedia.org/wiki/Pesantren\\_Salaf](https://id.wikipedia.org/wiki/Pesantren_Salaf). 25 Januari 2019.

**Jadual 3.2: Senarai Mata Pelajaran Kelas *Tajizy* (Sekolah Rendah) di Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah**

SESI PAGI KELAS <i>TAJIZY</i> (SEKOLAH RENDAH) DI PONDOK MARKAS AL-ISHLAH AL-AZIZIYAH							
N0	Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
1	مفردات	مفردات	مفردات	مفردات	مفردات	مفردات	مفردات
2	Cuti	Sekolah Umum	Sekolah Umum	Sekolah Umum	Sekolah Umum	Sekolah Umum	Sekolah Umum

Sumber: File MIA

**Jadual 3.3: Senarai Mata Pelajaran Kelas *Thanawiyah*, (sekolah rendah) di Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah.**

SESI MALAM KELAS <i>THANAWIYAH</i> (SEKOLAH MENENGAH) DI PONDOK MARKAS AL-ISHLAH AL-AZIZIYAH							
No	Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
1	الفقه الباجوي	الفقه الباجوي	الفقه الباجوي	الفقه الباجوي	الفقه الباجوي	Dalail Khairat dan Muhadharah	الفقه الباجوي
2	و الاسلام تاريخ الحديث و نور اليقين	النحو متن الاجرمة	التساوف تيسر اخلاق	القران تجود	التوحيد العقيدة الاسلامية		الصرف البناء والاساس

Sumber: File MIA

**Jadual 3. 4: Senarai Mata Pelajaran Kelas *Thanawiyah*, (Sekolah Rendah) di Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziya.**

SESI PAGI KELAS <i>THANAWIYAH</i> (SEKOLAH MENENGAH) DI PONDOK MARKAS AL-ISHLAH AL-AZIZIYAH							
No.	Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
1	مفردات	مفردات	مفردات	مفردات	مفردات	مفردات	مفردات
2	Cuti	Sekolah Umum	Sekolah Umum	Sekolah Umum	Sekolah Umum	Sekolah Umum	Sekolah Umum

Sumber: File MIA

**Jadual 3. 5: Senarai Mata Pelajaran Kelas *Aliyah*, (Menengah Tinggi). di Pondok Markasal-Ishlah al-Aziziya.**

SESI MALAM KELAS <i>ALIYAH</i> (MENENGAH TINGGI) DI PONDOK MARKASAL-ISHLAH AL-AZIZIYAH							
No.	Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
1	الفقه اعانة الطالبين	الفقه اعانة الطالبين	الفقه اعانة الطالبين	الفقه اعانة الطالبين	الفقه اعانة الطالبين	Dalail Khairat dan Muhadhara	الفقه اعانة الطالبين
2	الفقه اصول النفحات	التوحيد كفاية العوام	التساوف مراقى العبودية	القران فلجان تجويد	النحو بيت الفية		الصرف الكيلني

Sumber: File MIA

**Jadual 3. 6: Senarai Mata Pelajaran Kelas *Aliyah*, (Menengah Tinggi) di Pondok Markasal-Ishlah al-Aziziya.**

SESI PAGI KELAS <i>ALIYAH</i> (MENENGAH TINGGI) DI PONDOK MARKASAL-ISHLAH AL-AZIZIYAH							
No.	Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
1	مفردات	مفردات	مفردات	مفردات	مفردات	Cuti	مفردات
2	Cuti	Sekolah umum	Sekolah umum	Sekolah umum	Sekolah umum	Sekolah umum	Sekolah umum

Sumber: File MIA

Dari [jadual 3.2 hingga jadual 3.7] di atas, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa senarai pembelajaran kelas *Tajizy* (sekolah rendah), kelas Madrasah *Thanawiyah* (sekolah rendah), kelas *Aliyah* (menengah tinggi) yang diterapkan oleh pondok MIA kepada anak-anak yatim mangsa konflik dan bencana alam tsunami di Pondok MIA lebih kepada pondok salafi yang ada di sekitar Aceh. Dalam senarai jadual di atas pengkaji mendapati, bermula hari Isnin hingga Ahad anak-anak yatim penuh dengan aktiviti. Hanya malam Jumaat dan tengahari Ahad cuti, adapun Khamis malam Jumaat semua pelajar samada dari sekolah rendah hingga sekolah menengah tinggi mereka berkumpul di surau, selepas solat Maghrib mereka membaca *dalail khairat* hingga waktu Isyak, lalu mereka solat Isyak berjemaah, selepas solat mereka diikuti dengan aktiviti *muhaḍarah* (latihan cara berdakwah).



### **3.3. LATARBELAKANG ANAK-ANAK YATIM DI PONDOK MIA**

Anak-anak yatim di Pondok MIA adalah mereka yang berlatarbelakang anak-anak yang meninggal orang tuanya semasa konflik senjata antara RI (Pemerintah Indonesia) dan GAM (Gerakan Aceh Merdeka). Pondok MIA bukan sahaja menampung anak yatim sebelah pihak, bahkan menampung dari kedua belah pihak untuk dipersatukan. Pada tahun 2004, Aceh dilanda musibah dengan terjadinya gempa dan tsunami, dengan peristiwa tersebut ramai rakyat Aceh kehilangan jiwa, harta benda dan ramai anak-anak menjadi yatim.<sup>159</sup>

#### **3.3.1. Jumlah Anak Yatim di Pondok MIA**

Pondok MIA hanya dikhususkan untuk menampung anak-anak yatim yang kehilangan ibu bapa akibat konflik antara Pemerintah Indonesia (RI) dengan Gerakan Aceh Merdeka (GAM). Bukan hanya anak yatim daripada masyarakat yang dipelihara di sini, namun anak yatim daripada kedua belah pihak pertikaian juga turut dibela serta termasuk juga anak-anak yang menjadi korban bencana alam Tsunami 2004 yang lalu. Jumlah mereka kini telah mencapai 273 orang yang terdiri daripada 168 pelajar lelaki dan 105 pelajar perempuan.<sup>160</sup>

#### **3.3.2. Status Anak Yatim di Pondok MIA**

Banyak anak-anak kehilangan kedua ibu bapa akibat dua peristiwa ia itu pegaduhan konflik senjata antara pemerintah Republik Indonesia dengan Gerakan Aceh Merdeka selama tiga puluh dua tahun dan setelah itu diiringi dengan bencana alam tsunami. Kajain mendapati anak-anak yatim yang menetap di asrama Pondok MIA adalah anak-anak yang telah kehilangan orang tuanya dengan sebab konflik senjata dan bencana

---

<sup>159</sup> Tgk Asqalani (Sekretaris, Pondok Markasal-Ishlahal-Aziziyah di Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 2 Februari 2018.

<sup>160</sup> Teungku Bulqaini Tanjonggan (Pimpinan Dayah Markas al-Ishlahal-al-Aziziyah, Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2016.

alam tsunami, samaada yang kehilangan ayahnya atau pun yang kehilanga kedua-dua orang tuanya.

Dari uraian di atas, pengkaji dapat mengenal pasti bahawa ada tiga kategori status anak yatim yang menetap di asrama Pondok MIA.

- i. Mereka yang berstatus sebagai anak-anak yatim korban konflik dan bencana alam tsunami.
- ii. Anak yatim biasa (anak yang kehilangan ayahnya sahaja)
- iii. Anak yatim piatu (anak yang kehilangankedua-dua orang tuanya)

### **3. 3. 3. Faktor Anak Yatim Dimasukan Ke Pondok MIA**

Pengkaji mendapati anak-anak yatim pondok MIA menghadapi masalah kurang mendapat perhatian, pendidikan formal maupun tidak formal dan kasih-sayang daripada ahli keluarga terdekat. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa ada empat faktor anak yatim menetap di asrama pondok MIA sapertimana berikut:

- a. Ahli keluarga kurang mampu membiayai pendidikan mereka di sekolah ataupun di pondok-pondok.
- b. Ahli keluarga tidak mampu menjaga, mengurus dan memberikan pendidikan
- c. Pengaruh daripada kawan-kawan yang sudah menetap di pondok MIA terlebih dahulu.
- d. seruan daripada Mudir pondok MIA melalui surat khabar dan media, supaya anak-anak yatim korban konflik dan tsunami menetap di pondok MIA untuk mendapati pengurusan dan pendidikan formal maupun tidak formal agar

anak-anak yatim dapat hidup mandiri, bertanggung jawab, bekerja keras dan tidak tergantung pada orang lain.

Menurut Tu Bulqaini, faktor pengabaian kasih sayang dan pendidikan daripada ahli keluarga boleh menyebabkan anak-anak yatim ini merasa terabai dan hidup dalam keadaan tertekan sehingga mengakibatkan kerusuhan dan mendatangkan pelbagai masalah dikalangan masyarakat.

### **3. 3. 4. Psikologi Anak Yatim di Pondok MIA**

Akibat konflik bersenjata dan tsunami yang berpanjangan berlaku di bumi Aceh serambi Makkah mengakibatkan ramai masyarakat mengalami trauma psikologi, terutama dalam kalangan anak-anak dan remaja yang mengalami langsung peristiwa tersebut. Salah seorang psikologi yang kerap menangani mangsa di Aceh, iaitu Nitura, menyatakan dalam suatu kompren kes bahawa simptom PTSD yang kerap dialami mangsa pasca konflik bersenjata di Aceh antara lain, dari segi emosi akan timbul perasaan marah, benci, stress kerana kedudukan yang dalam kecemasan dan kegelisahan, ketakutan yang berlebihan, dan sebagainya.<sup>161</sup>

Kecenderungan anak-anak yatim mangsa konflik dan tsunami yang menetap di pondok MIA, hampir 70% mereka yang terjebak dengan gejala sosial, kerana banyak faktor yang mempengaruhi psikologi mereka, hal ini boleh terjadi kerana semenjak dari kecil mereka tidak mendapat bimbingan, perhatian dan kasih sayang orang tua. Mereka membesar menjadi seseorang yang berakhlak tidak baik dan bergaduh dengan kanak-kanak disekitarnya, lantaran itu mereka merasakan tidak diterima dalam lingkungan tersebut. Bahkan faktor keyatiman itu sendiri boleh mempengaruhi perkembangan anak-

---

<sup>161</sup> Kusmawati Hatta, "*Trauma Dalam Kalangan Remaja Pelajar Sekolah Menengah Konflik Bersenjata dan Tsunami di Aceh*" (Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2014), 48.

anak yatim tersebut, dan boleh menyebabkan timbul rasa rendah diri dan dapat mengganggu perkembangan intelektual mereka.<sup>162</sup> Anak-anak yatim di Markas al-Ishlah al-Aziziyah kebanyakan mereka berdendam, marah dan trauma dengan peristiwa yang berlaku keatas keluarga mereka.

#### **a. Trauma Akibat Konflik dan Tsunami**

Menurut pendapat Shapiro trauma merupakan pengalaman hidup yang mengganggu keseimbangan biokimia dari sistem pengolahan maklumat psikologi otak. Keseimbangan ini akan menghalang pemprosesan maklumat untuk meneruskan proses tersebut dalam suatu adaptif, sehingga persepsi emosi keyakinan dan makna yang diperolehi dari pengalaman tersebut “terkunci” dalam sistem saraf. Jaranawi mengatakan bahawa trauma merupakan gangguan psikologi yang sangat berbahaya dan mampu merosakkan keseimbangan kehidupan manusia. Peristiwa tersebut boleh menimpa sesiapa sahaja didalam dunia ini, baik yang berumur sifar tahun sehingga warga emas, apabila tidak dikawal dengan baik dan benar maka dapat menyebabkan gangguan fizikal dan juga psikologi.<sup>163</sup>

Cavanagh membahagikan trauma berdasarkan kejadian traumatik iaitu: trauma situasional, perkembangan, intrapsikis dan eksistensial: (1) Trauma situasional adalah trauma yang disebabkan oleh situasi seperti bencana alam, perang, kemalangan kenderaan, kebakaran, rompakan, perkosaan, perceraian, kehilangan pekerjaan, ditinggal mati oleh orang yang dicintai, gagal dalam perniagaan, tidak naik kelas bagi beberapa pelajar, dan sebagainya; (2) Trauma perkembangan adalah trauma dan stress yang terjadi pada setiap tahap perkembangan, seperti penolakan dari teman sebaya,

---

<sup>162</sup> Ahmad Tafsir, *Ilmu Pendidikan Dalam Perspektif Islam* (Bandung: Rosdakarya, 2004), 184.

<sup>163</sup> Kusmawati Hatta, “*Trauma Dalam Kalangan Remaja Pelajar Sekolah Menengah Konflik Bersenjata dan Tsunami di Aceh*” (Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2014), 27.

kelahiran yang tidak diinginkan, dan sebagainya; (3) Trauma Intrapsikis adalah trauma yang disebabkan kejadian dalaman seseorang yang memunculkan perasaan cemas yang sangat kuat seperti perasaan homoseksual, benci kepada orang yang seharusnya di cintai, dan sebagainya; (4) Trauma eksistensial iaitu trauma yang diakibatkan kerana kurang berjaya dalam hidup. Selain daripada itu pengelompokan lain dilakukan mengikut pada jenis kejadiannya seperti kekerasan baik seksual mahupun perkataan, bencana alam, serangan binatang mahupun manusia, konflik atau peperangan.

Chaplin<sup>164</sup> menyatakan beberapa istilah yang berkaitan dengan trauma iaitu: (1) trauma, plural traumata adalah satu luka baik yang bersifat fizikal ataupun psikologis; (2) traumatic delirium (delirium traumatik) adalah satu keadaan delirium yang disebabkan luka di otak; (3) traumatic neurosis (neurosa traumatik) adalah satu neurosa disebabkan oleh suatu pengalaman yang luar biasa menyakitkan hati (4) traumatik psychosis (psikosa traumatik) adalah satu keadaan psikosis yang ditimbulkan oleh luka di otak. Orang-orang yang hidup dengan pengalaman traumatik akan kerap mengalami perasaan trauma daripada peristiwa yang berlaku. Oleh kerana itu trauma ini boleh dikatakan sangat berbahaya apabila di derita oleh individu, kelompok mahupun bangsa. Orang-orang yang mengalami keadaan ini akan mempunyai risiko yang sangat tinggi kepada kesihatan mental, dan kalau tidak mendapat sokongan, pengkawalan yang baik dan bersesuaian mereka akan terus mengalami trauma berpanjangan.<sup>165</sup>

Pengasuh pondok MIA mengakui sangat berat jabaran dalam mengasuh dan mendidik anak yatim mangsa konflik dan tsunami, kerana sebahagian dari mereka mengalami trauma dan gangguan psikologi hal ini kemungkinan apabila mereka

---

<sup>164</sup> Chaplin identik dengan tokoh gelandangan kecil berwajhsedih, berbaju gombrang, bersepatu kebesaran, dan selalu membawa tongkat. Ia diakui sebagai salah satu artis paling kreatif dalam sejarah film dunia. Tak hanya seorang pelawak, ia juga seorang produser, penulis naskah, sutradara, bahkan komposer lagu bagi film-filmnya. Lihat: <http://biografiteladan.blogspot.my/2011/06/biografi-charlie-chaplin-sang-raja.html> 2 Disember 2017.

<sup>165</sup> Kusmawati Hatta, "Trauma Dalam Kalangan Remaja Pelajar Sekolah Menengah Konflik Bersenjata dan Tsunami di Aceh", 36.

menyaksikan sendiri peristiwa yang berlaku ke atas diri dan keluarganya. Hal ini sebagaimana yang di alami oleh Lukman, Hasbi dan Jamaliah. Mereka merupakan antara anak yatim yang mangsa konflik senjata yang sudah menetap di pondok Markasal-Ishlah al-Aziziyah. Amat perit bagi mereka untuk melupakan kisah pedih yang menimpa ke atas orang tua mereka sehingga terpengaruh dalam kehidupan sehari-hari. Duka peristiwa yang berlaku atas diri dan keluarganya sukar untuk dilupakan, memerlukan masa dan kesabaran bagi yang mengasuh.<sup>166</sup>

### **b. Trauma Akibat Bencana Alam Gempa dan Tsunami**

Istilah Tsunami berasal dari bahasa Jepun yang terdiri dari dua kata: iaitu *tsu* yang ertinya pelabuhan. Sedangkan *nami* yang ertinya gelombang. Secara harfiah bererti “ombak besar dipelabuhan”. Adalah perpindahan badan air yang disebabkan oleh perubahan permukaan laut secara vertikal dengan tiba-tiba. Sejarahwan Yunani bernama Thucydides mengatakan bahawa tsunami merupakan gempa bawah laut.<sup>167</sup>

Aceh dikenali dengan daerah yang rawan atau rentan dengan tsunami. Tsunami yang terjadi di Aceh bukan hanya sekali, iaitu pada tanggal 26 Disember 2004. Namun tsunami di Aceh telah terjadi beberapa kali dalam skala besar pada tahun 1394 M. Pernah terjadi tsunami dahsyat di Aceh yang menyebabkan ribuan nyawa meninggal dan infrastruktur hancur termasuk pelabuhan internasional di Ujung Pacu, Aceh Besar dan Istana Lamuri dan termasuk bangunan-bangunan kerajaan lainnya.

Sumber lain menyatakan, tsunami dahsyat berikutnya terjadi pada tahun 1450 M yang diperkirakan lebih dahsyat daripada tsunami pada tahun 1394. Tsunami selanjutnya terjadi pada tahun 1886 M pada zaman kolonia Belanda. Didalam sumpah

---

<sup>166</sup> Ahmad Arif, “Menuju Damai Dari Hati,” *Berita Harian*, 28 Oktober 2005, 14.

<sup>167</sup> Drs. Tarmizi Rajab, ed., *Dasyatnya Tsunami Aceh*, 23.

manuskrip Tanoh Abee disebutkan gempa dan tsunami pernah terjadi pula pada tanggal 3 November 1832 M dan September 1837 M.<sup>168</sup>

Ramai masyarakat Aceh yang merasakan dahsyatnya penderitaan gelombang tsunami. Dari sebelas kabupaten dan kota yang terkena tsunami, terdapat empat kabupaten dan kota yang sangat teruk, iaitu Banda Aceh, Aceh besar, Aceh Jaya, dan Aceh Barat. Keempat-empat daerah ini mengalami kerugian yang sangat besar sehingga bantuan yang disalurkan oleh berbagai LSM (Lembaga Sosial Masyarakat) Nasional dan internasional hanya tertumpu di empat daerah ini.<sup>169</sup> Dengan peristiwa itu, ramai masyarakat yang trauma samaada orang dewasa ataupun kanak-kanak yang melihat sendiri peristiwa yang terjadi pada diri dan ahli keluarganya. Mereka merasa ketakutan ketika melihat air laut, mereka tidak berani lagi pergi ke tepi-tepi pantai, berkemungkinan mereka tidak dapat melupakan peristiwa yang berlaku.

Seorang anak yatim yang mangsa tsunami yang menetap di Pondok MIA bernama Iwan, dia salah seorang penduduk Banda Aceh yang beralamat di Punge Blang Cut. Ketika berlakunya tsunami pada tanggal 26 Desember 2004, dia masih sekolah rendah. Dia berada di rumah bersama keluarganya. Tiba-tiba terjadi gempa yang sangat dahsyat, dia bersama keluarganya melarikan diri kearah yang diaggap selamat, lalu disusuli dengan gelombang tsunami bergulung-gulung dengan ketinggian mencapai 20 meter. Dia melarikan diri kearah timur, ketika sampai di kilang jamu, muncul gelombang yang besar kemudian dia dihanyutkan arus. Disitulah dia terlepas dari tangan ahli keluarganya, hingga dia tersangkut atas rumah penduduk, bau dan rasa air tsunami sangatlah busuk seperti air longkang. Didalam rumah yang Iwan tersangkut, kelihatan seekor ular piton yang besar, akan tetapi ular itu tidak mengganggu dia. Setelah empat jam lebih Iwan berada di atas rumah itu, barulah dia dibawa turun oleh

---

<sup>168</sup> *Ibid.*,36-37.

<sup>169</sup> Drs. Tarmizi Rajab, ed., *Dasyatnya Tsunami Aceh*, 51.

orang ramai.<sup>170</sup> Iwan salah seorang daripada anak yatim yang menetap di pondok MIA, seorang guru pengasuhnya mengatakan, dia sering duduk bersendirian, kadang-kadang tengah belajar tiba-tiba dia menjerit meminta tolong, takut melihat air laut, kemungkinan ia masih trauma dengan peristiwa gempa dan golombang tsunami yang menimpa keatas dirinya.<sup>171</sup>

### **c. Perasaan Dendam Akibat Konflik Senjata Antara RI Dengan GAM**

Konflik menurut Kamus Ilmiah Popular ialah bertentangan faham, pertikaian, persengketaan dan perselisihan.<sup>172</sup> Adapun makna konflik yang penulis maksudkan ialah pertikaian antara gerakan Aceh merdeka (GAM) dengan Negara kesatuan republik Indonesia (NKRI). Pihak GAM menginginkan Provinsi Aceh merdeka dan keluar dari NKRI, sedangkan Pihak NKRI menginginkan provinsi Aceh tetap dalam kesatuan Indonesia. Perselisihan argumen ini akhirnya menimbulkan perang (komplik) antara pihak GAM dengan NKRI dalam kurun waktu yang panjang sehingga banyak sekali orang kehilangan orang tua dan anak-anak menjadi yatim. Kebanyakan anak-anak yatim kerana konflik senjata samaada dari kalangan GAM ataupun RI, mereka mempunyai perasaan ingin membalas dendam atas kematian ahli keluarga mereka. Begitulah perasaan yang dialami oleh anak-anak yatim di pondok MIA.<sup>173</sup>

Di antara anak yatim korban konflik yang menetap di pondok MIA bernama Ihsan, ia masih memendam rasa dendam dalam hatinya atas kematian orang tuanya pada masa konflik antara GAM (Gerakan Aceh Merdeka) dengan TNI (Tentara Negara Indonesia). Pada suatu hari Ihsan baru saja pulang dari sekolah, dengan berseragam

---

<sup>170</sup> Iwan Hadi,(Salah Seorang Anak Yatim, Markasal-Ishlahal-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 12 Ogos 2017.

<sup>171</sup> Tgk Suryadi,(Guru Senior, Markasal-Ishlahal-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 12 Ogos 2017.

<sup>172</sup>Partabto dan Dahlan al-Barry, *Kamus Ilmiah Popular* (Surabaya: Penerbit Arkola, 1994), 2.

<sup>173</sup> Tgk Suryadi,(Guru Senior, Markasal-Ishlahal-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.



merah putih. Markaz al-Ishlah al-Aziziyah, Dusun Masjid, Lueng Bata terkenal dengan becak jika musim hujan, Ihsan yang berumur sembilan tahun membawa kasut hitam, dia berjalan kaki tanpa menggunakan kasutnya.<sup>174</sup>

Ihsan sudah dua tahun lebih menetap dan belajar di Pondok MIA, abangnya Mursalin juga tinggal ditempat yang sama. Ihsan merupakan anak yang nakal. Oleh kerana itu, dia tidak boleh naik tingkatan empat SDN(Sekolah Dasar Negeri) 53 Lueng Bata, di Banda Aceh. Semenjak akhir ini dia sering mengikuti perkembangan proklamator GAM (Gerakan Aceh Merdeka) melalui surat khabar harian dan television semasa Teugku Hasa Muhammad di Tiro atau Wali Nanggro<sup>175</sup> berada di Aceh. Ihsan berkata “saya ingin sekali berjumpa dengan Wali Nanggro, saya nak minta senjata AK 47 ingin menembak orang yang telah membunuh ayah saya” dalam bahasa Aceh “*long hawa that meurempek ngen Wali nanggro*” sosok nama Wali Nanggro sudah lama dikenali oleh Ihsan asal dari Gunei, Kecamatan Sawang, Lhokseumawe. Ihsan merupakan anak kepada anggota Tentara Nanggro Aceh (TNA), orang tuanya meninggal waktu berperang dengan Tentera Keamanan Indonesia di Rimba Poh Paya, Langsa.<sup>176</sup>

Menjadi kebiasaan, Aceh sebelum 15 Ogos 2005 merupakan tempat berperang dan pembunuhan. Ihsan waktu itu masih kecil, dan sebelas adik beradiknya turut kehilangan seorang ayah yang tercinta. Setelah beberapa tahun dia menetap di Pondok dan mendapat pendidikan di MIA, perasaan dendam dalam hatinya jadi padam. Dia mengakui Tu Bulqaini sering menasihatinya untuk melupakan masa silam, menerima apa yang sudah ditakdirkan oleh Allah dan menganjurkan untuk tidak menyimpan

---

<sup>174</sup> Arif Surahmah, “Dulu Saya Ingin Sekali Berjumpa Dengan Wali Nanggro, Saya Mau Minta Senjata AK 47 Ingin Menembak Orang Yang Telah Membunuh Ayah Saya,” *Berita Harian*, 24 Oktober 2008, 1-2

<sup>175</sup> Pimpinan Gerakan Aceh Merdeka.

<sup>176</sup> Arif Surahmah, “Dulu Saya Ingin Sekali Berjumpa Dengan Wali Nanggro, Saya Mau Minta Senjata AK 47 Ingin Menembak Orang Yang Telah Membunuh Ayah Saya,” *Berita Harian*, 24 Oktober 2008, 1-2

dendam dalam hatinya.<sup>177</sup> Dan ramai lagi anak-anak yang lainnya yang senasib dengan Ihsan. Mengingat situasi dan kondisi anak yatim itu, Tu Bulkaini selaku Mudir di Pondok itu senantiasa selalu bergaul, bersenda gurau dengan mereka sehingga anak-anak itu menganggap Tu Bulkaini adalah sebagai pengganti ayah mereka, tempat mereka meluahkan isi perasaan dan bersenda gurau. Dengan memperlakukan demikian, Tu Bulkaini mengharapkan mereka dapat melupakan peristiwa silam dan dendam dalam hati mereka. Pendekatan seperti ini merupakan salah satu metode yang amatlah berkesan dalam pengurusan anak yatim yang sedang dididik olehnya.

#### **3. 4. Metode Pengurusan Anak Yatim di Pondok (MIA)**

Pengurusan di asrama pondok MIA adalah oleh jawatan kuasa yang diberi tanggung jawab penuh menguruskan anak yatim yang menetap di asrama pondok MIA. Hasil musyawarah pada awal tahun 2017 pondok MIA menetapkan beberapa peraturan-peraturan kepada pelajar lelaki maupun perempuan, bagi memudahkan pengurusan oleh AJK, ustaz dan ustazah,

Seorang guru pengajar kanan, Ustaz Lukman mengakui bahawa dengan mengadakan peraturan, ianya membantu bagi mereka dalam menjalankan aktiviti pengurusan. Anak-anak yatim yang menetap di asrama diwajibkan mengikuti peraturan yang di tetapkan, meringankan kerja ustaz dan ustazah hanya kepada mengarahkan sahaja., Alhamdulillah setakat ini kesemua pelajar masih patuh kepada peraturan sekalipun ada segelintir yang bermasalah tetapi itu merupakan hal yang wajar di sebabkan kurang kematangan pemikiran.<sup>178</sup>

---

<sup>177</sup> *Ibid.*

<sup>178</sup> Ustaz Lukman Hakim, (Guru Senior, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 11 Ogos 2018.

### **3. 4. 1. Pengurusan Diri, Keperluan Asas, Psikologi, Pendidikan Anak Yatim**

Anak-anak yatim ini di jangka akan mengalami pelbagai masalah berhubung dengan emosi seperti kebimbangan masa depan, bimbang tidak mendapat kasih sayang daripada keluarga dan rasa kesepian atau marah terhadap ibu bapa yang menempatkan mereka di asrama anak-anak yatim.

Senario ini sudah pasti memberi kesan terhadap perkembangan emosi anak-anak yatim, lebih-lebih lagi anak-anak yang ditinggalkan ini tidak mendapat sepenuhnya belaian, kasih sayang dan perhatian daripada ibu, bapa atau kedua-duanya bagi membantu perkembangan optima mereka.<sup>179</sup>

#### **a. Pengurusan Diri Anak Yatim**

Pengkaji mendapati bahawa pondok MIA sentiasa mengambil berat tentang pengurusan anak yatim di tempatnya, yang melibatkan pelbagai aspek keperluan diri anak yatim di antaranya ialah:

- i. Menyediakan kelengkapan tempat tidur seperti katil, tilam, selimut, bantal dan lain-lain.
- ii Menyediakan makan dan minum tiga kali sehari. Dari segi pengurusan makanan, pondok MIA menyediakan dua dapur untuk mengasingkan makanan anak yatim, kakitangan pondok, dan tetamu (jikalau ada). Hal ini dilakukan supaya tidak bercampur harta dan termakan harta anak yatim tersebut.
- iii Menyediakan keperluan sekolah seperti seragam sekolah, buku tulis, buku teks, pensil dan lain-lain. Pihak Pondok MIA juga menyediakan

---

<sup>179</sup> Tgk Asqalani, (Timbalan Mudir, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 7 Ogos 2018.

kenderaan seperti van untuk menghantar dan menjemput pelajar-pelajar yang bersekolah di luar pondok.

- iv Menyediakan kolah (tempat mandi) beserta semua alat keperluannya.

Pada masa yang sama, pengurusan diri anak yatim juga melibatkan kasih sayang dan sokongan untuk memastikan kehidupan anak yatim di pondok MIA sentiasa terbela dan mereka mampu berdikari apabila meningkat dewasa kelak.<sup>180</sup>

#### **b. Berasaskan Keteladan (*Uswatul Hasanah*)**

Salah satu usaha atau misi pondok MIA supaya anak-anak yatim memiliki moral dan akhlak yang mulia. Para guru memainkan peranan penting dalam mewujudkan misi ini, dengan menunjukkan contoh akhlak, sifat-sifat yang baik dan sifat bertanggungjawab semasa mereka bergaul dengan anak-anak yatim, mereka sentiasa mengawasi tingkahlaku para perajarnya baik dalam pergaulan sesama mereka atau dengan tetamu yang datang. Jika didapati terdapat pelajar yang tidak baik pergaulan sesama mereka atau dengan yang lain, maka guru-guru akan menanggapi masalah tersebut dengan lemah lembut dan baik, seperti mengusap kepala, memeluk dan memberi nasihat.

Seorang ustaz senior berkata, kaedah yang diatas sangat berkesan bagi mereka dalam mendidik akhlak pelajar, sebagaimana yang kita ketahui bahawa mendidik anak-anak memerlukan tahap kesabaran yang tinggi kerana mereka belum berfikiran matang. Bagi mereka perkara seperti itu biasa dalam mendidik anak-anak, mereka perlu sentiasa menasihati, menegur dan tegas dalam mendidik anak-anak yatim tersebut.<sup>181</sup>

---

<sup>180</sup> Tuan Guru, Tu Bulqaini, (Mudir, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 11 Ogos 2018.

<sup>181</sup> Ahmadi, (Guru senior, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 11 November 2018.

### **c. Penekanan Kepada Pelbagai Aktiviti Bersama**

Pengurusan kepada kepelbagaian aktiviti bersama yang dilaksanakan oleh pondok MIA. Pengkaji dapat merumuskan bahawa ada tiga aktiviti bersama yang dilakukan oleh pondok MIA diantaranya ialah:

#### **i. Aktiviti Makan Bersama**

Berdasarkan hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa pengurusan aktiviti bersama yang dilakukan oleh pondok MIA sangatlah baik dan disiplin, dikala sampai waktu makan AJK dapur akan membuat pengumuman kepada pelajar-pelajar untuk datang makan bersama pada tempat yang telah disediakan, dan para guru mengawasi dan memastikan anak-anak yatim ini mendapat makanan yang sama rata.

setelah makan bersama khususnya pada tengahari atau petang mereka diberi tugas membersihkan pinggan dan gelas secara bergiliran melalui jadual giliran dapur. Mereka ditugaskan yang sama untuk membersihkan pinggan dan menyapu lantai. Kegiatan berjadual dilakukan kerana pihak lembaga tidak mempunyai cukup pekerja untuk membersihkan semuanya. Adanya jadual giliran dapur diajarkan untuk bertanggungjawab dalam menguruskan dirinya sendiri, kerana jika dirumah orang tuanya kerja tersebut juga dapat dilakukannya. Dengan demikian tugas mencuci pinggan, menyapu atau membersihkan kawasan adalah pekerjaan sehari-hari yang cukup ringan.<sup>182</sup>

---

<sup>182</sup> Ita Meisarah, (Tenaga pengajar, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 11 Ogos 2017.

## **ii. Aktiviti Lawatan**

Pondok MIA ini tidak asing lagi bagi masyarakat dalam dan luar Banda Aceh, kebanyakan masyarakat yang mengadakan sesuatu majlis, samaada majlis sambutan maulidur rasul atau majlis walimah dan lainnya, anak-anak yatim ini turut mendapat undangan menurut jumlah permintaan. Samaada mereka dijemput oleh tuan majlis atau mereka datang dengan kereta yang sudah disediakan dipondok MIA. Dalam aktiviti lawatan, pondok MIA tidak membenarkan mana-mana pelajar untuk keluar dari asrama pada waktu jam belajar atau hari persekolahan, mereka hanya dibenarkan keluar mengikuti jemputan atau lawatan pada hari cuti sekolah sahaja iaitu, hari Sabtu dan Ahad supaya tidak mengganggu pembelajaran mereka. Anak-anak yatim di Pondok MIA ini boleh dikatakan hampir setiap cuti mingguan mereka mempunyai jemputan samaada dalam kawasan kota Banda Aceh atau diluar kota.

Bahkan mereka sentiasa mendapat undangan istimewa ke Pondopo (tempat tinggalnya Gubernur di Banda Aceh). Ini mencerminkan keperihatinan dan kasih sayang rakyat dan pemerintah Aceh kepada anak-anak yatim mangsa konflik senjata antara pemerintah RI dengan GAM, mereka kebanyakan anak yatim yang menetap di pondok MIA adalah anak-anak dari pejuang Aceh yang sudah meninggal beberapa tahun yang lalu, maka sudah seharusnya kerajaan mengambil berat tentang kehidupan dan masa depan anak-anak yatim ini.<sup>183</sup>

## **iii. Aktiviti Bermain Dan Rekreasi**

Hasil temuan penelitian, hari-hari aktiviti anak-anak yatim di pondok MIA biasanya bermula dari pagi berakhir tengah malam. Pada kenyataannya, bahawa rata-rata mereka

---

<sup>183</sup> Tgk Suryadi,(Guru Senior, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

tidur pada malam hari sekitar 6-7 jam, hari-hari mereka dipenuhi dengan kegiatan atau program pondok yang sangat padat. Secara umum, nampaknya waktu mereka dihabiskan untuk belajar, mengerjakan tugas sehari-hari, ibadat dan kemudian mempunyai waktu tersisa sedikit untuk bermain dan rekreasi.

Biasa satu-satunya waktu terluang mereka adalah setelah pulang dari sekolah dan makan tengahari, pada masa yang lapang itu mereka biasa bercerita dengan kawan-kawan atau hanya duduk memandang sekeliling. Pondok MIA juga mempunyai padang permainan dan peralatan olahraga. Pada kesempatan itu, anak-anak yatim melakukan hobi mereka masing-masing pada waktu petang atau hari cuti lainnya. Diantara beberapa olahraga atau permainan yang ada ialah bola tampar dan badminton. Kegiatan ini dilakukan sesuai jadual yang dibuat oleh lembaga MIA. Kegiatan ini adalah untuk memberi hiburan kepada anak-anak yatim yang tinggal di MIA. Bagi pelajar perempuan, ada yang mengabil peluang pada masa itu untuk belajar menjahit yang sudah disediakan di pondok.<sup>184</sup>

#### **3. 4. 2. Metode Dalam Pendidikan Anak Yatim**

Dalam proses pendidikan Islam, metode mempunyai kedudukan yang sangat signifikan untuk mencapai tujuan. Bahkan metode sebagai seni dalam mentransfer ilmu pengetahuan dan materi pelajaran kepada orang yang didik dianggap lebih signifikan dibanding dengan materi sendiri. Sebuah pepatah mengatakan bahawa „*al-Tariqat Ahāmm Min al-Maddah*“ (metode jauh lebih penting berbanding materi). Oleh kerana itu penerapan metode yang tepat sangat mempengaruhi keberhasilan dalam proses

---

<sup>184</sup> Suryadi, (Tenaga Pengajar, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

belajar dan mengajar.<sup>185</sup> Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah mempunyai strategi dan metode yang khusus dalam mendidik anak-anak yatim.

#### **a. Pendidikan Formal dan Tidak Formal**

Metode penerapan pendidikan yang dilakukan di Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah (MIA) mempunyai ciri khas yang tersendiri, yang mana metode tersebut tidak diterapkan pembelajaran yang ditawarkan oleh kementerian pendidikan seperti, Wajardikdas “ wajib belajar Sembilan tahun” dan Mu“adalah. Disebabkan oleh faktor kekurangan tenaga pengajar yang disediakan secara konsisten di tempat ini, dan faktor ketergantungan kebijakan daripada pimpinan MIA dalam membuat satu keputusan.<sup>186</sup>

Menurut kenyataan pimpinan pondok MIA dalam sebuah akhbar yang bertajuk “santunan pondok-pondok”, saat ini pondok MIA menampung sebanyak 273 orang santriawan dan santriawati yang tinggal di asrama. Di usia yang memasuki sebelas tahun, di samping pengajian tradisional, lembaga ini juga sudah menyediakan sekolah menengah yang telah berdiri semenjak 2005, dan Madrasah Aliah Aziziyah. Sedangkan santri yang belajar diluar pondok merupakan santri sekolah tingkat rendah, dan sekolah menengah kebangsaan. Di Indonesia, dikenali sebagai SD dan SMK.<sup>187</sup>

Secara spesifikasi, metode yang diterapkan di MIA iaitu dengan menggabungkan antara metode salafi dengan mempelajari kitab-kitab klasik khususnya pada waktu malam dan metode moderen dengan mengikuti pelajaran formal waktu pagi. Anak yatim ini diasuh sehingga mereka tamat pendidikan sekolah menengah, seterusnya mereka harus hidup mandiri dalam masyarakat dan menjadi sebahagian dari masyarakat

---

<sup>185</sup> Arief Armai, *Pengantar Ilmu dan Metodologi Pendidikan Islam*, (Jakarta: Ciputat Press, 2002), 81

<sup>186</sup> Tgk. H. Tu Bulqaini (Pimpinan Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah di Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 29 Oktober 2016.

<sup>187</sup> Khairuddin Aba “Mendidik Pencinta Damai dan Pemersatu Ummat,” *Berita Harian*, 23 Mac 2004, 2.



untuk mengajak masyarakat menuju peradaban yang madani sesuai tuntutan syariat Islam.

Selama mereka yang masih menetap di MIA, anak-anak yatim ini dididik dengan disiplin yang tinggi. Setiap pukul 4.30 pagi, semuanya wajib bangun untuk menunaikan solat sunat tahajjud, lalu mereka melakukan solat Subuh berjemaah, dan seterusnya melakukan kegiatan rutin harian yang diklafikasikan kepada beberapa kelompok. Ada sebahagian mereka yang belajar metode iqra<sup>188</sup>, ada pula yang belajar pendidikan syariat Islam dengan menggunakan kitab-kitab klasik dan juga yang belajar mufradat “berkomunikasi bahasa Arab dan bahasa Inggeris”. Kemudian dari jam 8 pagi, mereka belajar pendidikan formal sampai petang. Selepas Asar mereka melakukan beberapa jenis olahraga hingga pukul 6 petang. Dan bersiap untuk melakukan solat Maghrib berjemaah, selepas solat Maghrib mereka mempelajari kitab kuning atau kitab klasik sehingga masuk waktu Isyak. Selepas solat Isyak berjemaah, mereka akan mengulangkaji pelajaran-pelajaran yang telah diajarkan oleh ustaz dan ustazah sehingga pukul 10 malam, selepas itu mereka rehat (menghirup udara malam) sampai pukul 11 malam dan masuk tidur.<sup>188</sup>

#### **b. Aplikasi Metode *Targhib* dan *Tarhib* Dalam Mendidik**

Secara etimologi, kata *targhib* diambil dari kata kerja *raghaba* yang artinya menyenangkan, menyukai dan mencintai. Kemudian kata itu diubah menjadi kata benda *targhib* yang mempunyai erti suatu harapan untuk memperoleh kesenangan, kecintaan dan kebahagiaan.

---

<sup>188</sup> Lukman Hakim, (Tenaga Pengajar di Markas al-Ishlah al-Aziziyah), dalam temubual dengan penulis, 27 Oktober 2016.

Kaedah *targhīb* ini adalah dalam bentuk janji-janji, seperti keindahan dan kebahagiaan yang dapat merangsang seseorang sehingga timbul harapan dan semangat untuk memperolehnya. Secara psikologi, kaedah ini akan menimbulkan daya tarik yang kuat untuk mencapainya.<sup>189</sup>

Dari asal kata tersebut, maka dapat diambil pengertian bahawa yang dimaksud dengan *targhīb* adalah pujian, penghargaan atau memberi hadiah atas prestasi yang diperolehi oleh seseorang pelajar. Kaedah ini akan memberi motivasi untuk mereka supaya meningkatkan lagi usaha untuk mempertahankan prestasi yang telah dicapai. Dari sudut yang lain, akan memotivasi kawan-kawan yang lain untuk mencapai kejayaan.<sup>190</sup>

Menurut Tgk Asqalani, keberhasilan seorang pendidik dalam mendidik, menyampaikan menyampaikan sesuatu dan mendapat respon yang baik. Bukan hanya tergantung kepada kompetensi guru dalam menguasai sukatan pelajaran, tetapi ada unsur lain yang lebih efektif dalam mendidik. Oleh yang demikian, pondok MIA menerapkan kaedah *tahgrīb* dalam pengurusan pendidikan anak-anak yatim mangsa konflik dan tsunami. Bahkan kata beliau, kaedah ini sangat sesuai diterapkan kepada mereka, kerana kebanyakan mereka ini bukanlah dari golongan anak-anak orang yang berpendidikan tinggi. Oleh yang demikian, mereka ini harus diberi perhatian, semangat, dan pujian supaya mereka lebih rajin dan berminat untuk belajar.<sup>191</sup>

Pondok MIA juga mengaplikasikan metode *tarhib* dalam pendidikan, menurut istilah, *tarhib* berasal dari kata *rahhaba* yang ertinya manakut-nakuti atau mengancam. Kata ini diubah menjadi kata benda, *tarhib* yang bermaksud ancaman dan

---

<sup>189</sup> Shahidin, *Metode Pendidikan Teori al-Quran dan Aflikasi* (Jakarta: Misaga Galiza, 1999), 212

<sup>190</sup> Ahmad Ali Badawi, *Imbalan dan Hukuman: Pengaruhnya Bagi Pendidikan Anak* (Jakarta: Gema Insaniah Pres, 2000), 4.

<sup>191</sup> Tgk Asqalani, (Timbalan Pengetua, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 21 Ogos 2017.

hukuman.<sup>192</sup> Tidak boleh memberi hukuman sesuka hati atau mengikut emosi diri, terutama pada bahagian fizik kanak-kanak tersebut. Terdapat beberapa bahagian fizik kanak-kanak tersebut yang tidak dibenarkan disentuh. Abdullah Nasih Ulwan menyatakan syarat memberi hukuman memukul antaranya ialah:

1. Pendidik tidak terburu-buru memberi hukuman.
2. Pendidik tidak memukul ketika dalam keadaan sangat marah.
3. Menghindari anggota badan yang sensitif seperti kepala, muka, dada dan perut.
4. Tidak memukul anak sebelum umur 10 tahun.
5. Jika anak membuat kesalahan yang pertama kali, hendaklah diberi kesempatan untuk meminta maaf dan berjanji tidak mengulanginya lagi.
6. Pendidik menggunakan tangannya sendiri.

Jika sudah mencukupi syarat-syarat di atas, maka dibenarkan bagi seseorang pendidik untuk memberi hukuman atau mengambil tindakan keatas mereka yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan.<sup>193</sup>

Menurut Tgk Asqalani, seorang guru harus pandai dalam menggunakan metode atau kaedah di hadapan muridnya. Antaranya adalah metode *Targhib* dan *Tarhib*, kedua-kedua metode ini sangat sesuai digunakan oleh guru kepada pelajar-pelajar dalam menuju keberhasilan. Dengan memberi harapan, kata-kata semangat dan juga menawarkan hadiah kepada pelajar-pelajar yang mendapat peratusan yang baik, dan mendorong pelajar-pelajar yang lemah dengan kata-kata semangat supaya meningkatkan lagi mutu pembelajaran. Ini merupakan metode (*Tahgrīb*). Manakala

---

<sup>192</sup> Syahidin, *Metode Pendidikan al-Quran dan Tiori Aflikasi* (Jakarta: Misaka Gazali, 1999), 212.

<sup>193</sup> Abdullah Nasih Ulwan, *Pendidikan Anak dalam Islam*, terj: Jamaludin Miri (Jakarta: Pustaka Amani, 1994), 325

pelajar yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak pondok MIA, mereka ini akan diberi amaran dan hukuman yang sesuai (*Tarhib*). Metode ini bersumber dari al-Qur'an dan al-Hadith yang sudah pasti kebenarannya kerana sesuai dengan pertumbuhan manusia, sama ada dari aspek rohani atau jasmani.<sup>194</sup>

### **c. Metode Sorogan**

Bentuk pembelajaran di mana Guru mengajarkan beberapa bahagian pelajaran atau membacakan beberapa bahagian kitab, lalu menyuruh kepada pelajar mengulang semula bacaannya atau hanya berdepan seorang pelajar atau sekelompok kecil dengan cara mengulang pelajaran atau membaca kitab dihadapan Guru, dengan demikian Guru boleh mengenal pasti setahap mana pelajar menguasai ilmu yang telah di tunjuk ajar.<sup>195</sup>

### **d. Metode Wetonan dan Bandongan**

Metode mengajar dengan sistem ceramah, Ustaz mengajar beberapa pelajaran atau membacakan kitab dan menterjemahkan dan menjelaskan kalimat- kalimat yang sulit agar dipahamkan oleh pelajar. Pelajar menyimak dan mencatat di buku nota masing-masing, selepas itu ustaz datang untuk memeriksa.

Atau dengan cara menyuruh pelajar menghafal di hadapan ustaz atau ustazah secara perseorangan, pelajaran yang sudah di tunjuk ajar. Cara ini kebiasaanya untuk pelajaran yang di suruh hafal, dan tertumpu kepada ilmu *qawa'id*(ilmu alat). Sekiranya pelajar tidak boleh menghafal, ustaz atau ustazah akan memberi hukuman yang sesuai,

---

<sup>194</sup> Tgk Asqalani, (Timbalan Pengetua, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 21 Ogos 2017.

<sup>195</sup> Siti Maimunah, (Guru Senior, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017

adakalanya di suruh berdiri, ataupun tawaf tempat penganjian. Hukuman ini diterapkan supaya pelajar-pelajar mengambil berat dan berdisiplin dalam menguasai ilmu.<sup>196</sup>

#### **e. Metode Mesyuarah**

Metode Mesyuarah adalah sistem pembelajaran dalam bentuk seminar, untuk membahas setiap masalah yang berhubungan dengan pelajaran bagi pelajar yang ada masalah dalam pembelajarannya. Mereka diwajibkan untuk menghadiri seminar tersebut. Kebiasaannya kegiatan ini diadakan dalam sebulan sekali bertujuan supaya setiap masalah pelajaran yang dihadapi oleh pelajar dapat diselesaikan.<sup>197</sup>

Mudir mengatakan, beliau sangat setuju dengan kaedah mesyuarah yang sudah di terapkan oleh pondok MIA kepada anak yatim. Dengan adanya kaedah ini mereka dapat mengenal pasti para pelajar yang bermasalah dalam pembelajarannya. Beliau selaku Mudir mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru yang telah memainkan peranan penting dalam pengurusan pendidikan dan sama-sama memikirkannya demi kesejahteraan kepada anak-anak yatim mangsa konflik dan tsunami.

#### **f. Metode Muhazarah**

Metode muhazarah ialah, melatih mental pelajar cara berdakwah supaya mereka menjadi penda'i yang bermanfaat bagi umat. Kegiatan ini biasanya dibuat dalam seminggu sekali iaitu pada hari Khamis malam Jumaat, semua pelajar diwajibkan

---

<sup>196</sup> Tgk Boili (Sekretaris, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 2 July 2017

<sup>197</sup> Siti Maimunah, (Guru Senior, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 12 Januari 2017

berkumpul di surau masing-masing lelaki berkumpul di surau lelaki sedangkan pelajar perempuan ditempatkan di surau perempuan untuk mengikuti kegiatan tersebut.<sup>198</sup>

Setiap pelajar yang sudah dijadualkan untuk berceramah diberi tajuk seminggu sebelumnya supaya mereka boleh mempersiapkan bahan yang akan disampaikan. Para ustaz dan ustazah akan menyemak dan memantau kegiatan tersebut sehingga selesai. Di akhir acara, ustaz akan memberi komen dan menjelaskan tambahan isi supaya pelajar dapat mengetahui di mana kekurangan supaya tidak berulang pada lain masa.

Pada bulan puasa, pelajar akan dihantar ke beberapa daerah baik dalam daerah (kampong-kampung di kawasan Banda Aceh) atau di luar daerah (Kesabang, Medan, Jakarta dan daerah lainnya) untuk ceramah bulan puasa. Kemudian seminggu sebelum hari raya mereka sudah pulang ke asrama. Hal ini terbukti bahawa anak-anak yatim di pondok MIA mempunyai kualiti dan ada bakat dalam berdakwah.<sup>199</sup>

#### **j. Pendidikan Berasaskan Keteladan (*Uswatuh Hasanah*)**

Keteladanan merupakan sebuah metode pendidikan dalam Islam yang sangat efektif diterapkan oleh seorang guru dalam proses pendidikan. Kerana pada dasarnya pendidikan merupakan usaha paling dasar yang dilakukan oleh pendidik terhadap perkembangan jasmani dan rohani anak-anak didiknya untuk menuju terciptanya keperibadian yang utama.<sup>200</sup>

Keberhasilan penggunaan suatu metode merupakan keberhasilan proses pembelajaran yang akhirnya berfungsi sebagai determinasi kualiti pendidikan. Sehingga

---

<sup>198</sup> Tgk Sayyed, (Guru Senior, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017

<sup>199</sup> *Ibid.*

<sup>200</sup> Arief Armai, *Pengantar Ilmu dan Metodologi Pendidikan Islam* (Jakarta: Ciputat Press, 2002), 81.

metode pendidikan Islam yang dikehendaki akan membawa kemajuan pada semua bidang ilmu pengetahuan dan keterampilan. Secara fungsional dapat merealisasikan nilai-nilai ideal yang terkandung dalam tujuan pendidikan. Keteladanan merupakan sebuah metode pendidikan Islam yang sangat efektif diterapkan oleh seorang guru dalam proses pendidikan.<sup>201</sup>

Teladan dalam terjemahan al-Quran disebut dengan istilah “*Uswah*“ dan “*Iswah*” atau dengan kata “*al-Qudwah*” dan “*al-Qidwah*” yang memiliki erti suatu keadaan ketika seseorang manusia mengikuti manusia lain sama ada dalam kebaikan dan keburukkan. Jadi “keteladanan” adalah hal-hal yang ditiru atau dicontoh oleh seseorang dari orang lain. Namun keteladanan yang dimaksudkan di sini adalah keteladanan yang dapat dijadikan sebagai alat pendidikan dalam Islam.<sup>202</sup> Nabi s.a.w memiliki suri teladan yang baik sekaligus menjadi contoh bagi umatnya. Firman Allah swt. dalam al-Quran:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ  
كَثِيرًا

Al-Aḥzāb 33:21

Terjemahan: Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu bagi orang-orang yang mengharap (rahmat) Allah dan kedatangan hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.

Keberadaan Nabi s.a.w ditengah-tengah para sahabat telah mewarnai kehidupan mereka dengan penuh kemuliaan, bahkan mereka berada diakhir kehidupan dan mengakhiri perjuangannya dengan keberhasilan yang gemilang, iaitu membuka segala pintu kenikmatan yang ada di sisi Allah di dalam syurganya.

<sup>201</sup> Muhammad Qutb, *Sistem Pendidikan Islam*, terj. Salman Harun (Bandung: PT. AlMa'arif, tth), 326.

<sup>202</sup> Arif Armai, “*pengantar Ilmu dan Metodologi Pendidikan Islam*”, 90.

Metode ini juga diterapkan di MIA, kerana metode ini membawa kesan yang baik dalam konteks pendidikan sebagaimana yang dicontohkan pada Rasulullah s.a.w., yang mana para ustaz dan ustazah selalu memberikan semangat motivasi kepada pelajar lelaki dan perempuan agar tetap konsisten terhadap sikap dan perilaku dalam membangun interaksi sosial sesama mereka. Sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. sikap menghormati yang tua dan menyayangi yang muda perlu diterapkan kepada pelajar anak yatim di MIA.<sup>203</sup>

Husaini mengatakan bahawa, sikap seorang ustaz dan ustazah sangat mempengaruhi kepada anak didiknya. Lebih lagi anak yatim di Pondok MIA yang usianya masih dini, mereka sangat peka dan sangat mudah terpengaruh dengan lingkungan di sekitarnya. Jadi untuk mengubah karekter anak-anak yatim di Pondok MIA sikap para ustaz dan ustazah harus menjadi teladan yang baik bagi anak didiknya. Kerana anak-anak itu akan meniru apa yang dilakukan oleh orang yang dikaguminya. Seperti kata pepatah “kalau ayah kencing sambil berdiri, maka anak kencing sambil lari”.<sup>204</sup>

Menurut Muzanni seorang tenaga pengajar di pondok MIA sikap keteladanan yang dimiliki oleh para ustaz dan ustazah tidak semuanya dapat diteladani, kerana menurut pengamatannya, tidak semua tenaga pengajar aktif, bahkan ada sebahagian ustaz dan ustazah yang tidak berjiwa kharismatik, malah ada juga yang tidak memperhatikan kemaslahatan anak-anak yatim, namun kerana lembaga ini bersifat sosial, maka tiada hak bagi sesiapaupun untuk menegur atau memperihatn kawan-kawan

---

<sup>203</sup> Lukman Hakim, (Guru Senior, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 21 Ogos 2017.

<sup>204</sup> Husaini, (Guru di Markasal-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.



yang lain, kerana masing-masing punya hati nurani yang menilai dan memahami tugas tanggungjawab yang sudah dibebankan oleh lembaga.<sup>205</sup>

#### **h. Pendidikan Lemah Lembut**

Pengurusan dan penjagaan anak yatim bukan hanya terbatas pada hal-hal bersifat fizik sahaja, seperti makanan, minuman dan pakaian. Pengurusan yang dilakukan juga harus memerhatikan masalah fizikal, seperti memberikan perhatian, kasih sayang, perlakuan lemah lembut, bimbingan akhlak dan lain sebagainya. Dalam al-Quran, Allah S.w.t. berfirman:

فَأَمَّا الْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ  
al-Dhuha 93: 9

Terjemahan: Adapun terhadap anak yatim maka janganlah kamu berlaku sewenang-wenangnya.

Dalam ayat yang lain Allah SWT menegaskan:

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالدِّينِ ﴿١﴾ فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ الْيَتِيمَ ﴿٢﴾  
al-Mā'ūn 107: 1-2

Terjemahan: Tahukah kamu orang yang mendustakan agama? Itulah orang yang mengherdik anak yatim.

Dari firman Allah Swt di atas, ini menunjukkan bahawa tuntutan kepada umat Islam agar memberi perhatian khusus kepada anak yatim dengan cara memerhatikan mereka, menjaga harta mereka sehingga mereka dewasa dan pandai dalam menggunakan hartanya.

---

<sup>205</sup> Ustaz Muzanni, (Guru, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 13 September 2017.

Pimpinan pondok dan cikgu di MIA, setiap hari mereka mengajarkan kepada anak-anak yatim mangsa konflik dan Tsunami ilmu agama, dan praktik sosial kehidupan dengan kasih sayang agar mereka saling menghormati sesama mereka, selain sejarah silam yang penuh dengan luka dapat dilupakan. Benih-benih kebencian dan rantai-rantai permusuhan masa lalu, kini tersimpan berjuta cita-cita yang harus diraih bersama untuk menjadikan hari esok yang lebih baik.

Oleh kerana itu, pimpinan MIA sangat mengharapkan atas jasa ustaz dan ustazah agar tidak bosan memberi ilmu yang bermanfaat kepada mereka, kerana mendidik anak ini tidak semudah seperti kita mendidik anak yatim biasa. Untuk menjadikan mereka remaja-remaja yang berilmu pengetahuan, sopan santun dan berakhlak mulia. Ketika hening malam, adakalanya pimpinan MIA mengumpulkan anak-anak didiknya untuk mendengar isi hati mereka. Dengan sikapnya yang lantang dan harmonis, membuat anak-anak pondok MIA terhibur dan segan kepadanya.<sup>206</sup>

### **3. 4. 3. Pengurusan Harta Anak Yatim**

Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa anak-anak yatim yang menetap diasrama MIA mereka tidak membawa sebarang harta ke pondok, bahkan hal itu dilarang oleh pihak pentadbiran pondok. Akan tetapi anak-anak yatim yang menetap di pondok MIA hanya memperoleh harta daripada sedekah, derma, hadiah dan infak dari masyarakat. Sekiranya yang diperolehi dalam jumlah yang sedikit, maka mereka boleh menyimpan sendiri untuk perbelanjaan keperluan mereka sehari-hari. Jikalau mereka memperoleh dalam jumlah yang banyak, mereka disarankan untuk menyimpan dengan bendahara yang sudah dilantik oleh pondok MIA supaya harta mereka selamat dan terjaga dari kesecurian. Hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa peraturan dipondok MIA

---

<sup>206</sup> Ahmad Arif dan Suwardiman, "Merajud Damai di Hati," *Berita Harian*, 28 Oktober 2005, 14

tidak membenarkan pelajar-pelajar menyimpan sendiri sebarang harta yang berharga atau wang dalam jumlah banyak.<sup>207</sup>

Pengkaji juga mendapati bahawa kebanyakan penderma, sedekah dan infak mereka terus *direct* kepada mudir kemudian beliau akan memberikan kepada bendahara (bahagian kewangan) untuk dimasukkan ke dalam akaun pondok sebagai aset keperluan pengurusan perbelanjaan sehari-hari seperti makan, minum dan keperluan lain yang berkaitan dengan diri anak yatim. Dan jikalau pemberian tersebut dalam bentuk material seperti baju, kain, buku dan alat-alat keperluan sekolah maka pihak pengurusan akan membahagikan kepada mana-mana pelajar yang memerlukan.<sup>208</sup>

#### **a. Pengurusan Kewangan MIA**

Hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa dalam mesyuarat agung pondok MIA telah melantik pengurus kewangan untuk merancang, melaksanakan dan memantau segala aktiviti pentadbiran dipondok MIA, diantara fungsi pengurus kewangan ialah:

- i. Menguruskan hal-hal yang berkaitan kewangan seperti perbelanjaan makan dan minum atau keperluan hari-hari bagi anak yatim.
- ii. Mengurus dan perbelanjaan pembangunan pondok MIA.
- iii. Mengurus penyediaan laporan bajet secara bulanan dan tahunan.
- iv. Mengurus pengurusan kewangan dan akaun dan memastikan sumber-sumber kewangan yang telah diperuntukkan digunakan secara optimal dan berkesan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Selain itu, unit kewangan akan

---

<sup>207</sup> Tu Bulqaini, (Mudir, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 11 Ogos 2018.

<sup>208</sup> *Ibid.*,

memastikan semua urusan perakaunan, pembayaran bil dan perolehan diuruskan dengan baik.<sup>209</sup>

Pengkaji mendapati bahawa dengan adanya pengurus kewangan yang sudah dilantik oleh pondok MIA dalam mesyuarat agung, maka segala urusan personel yang berkaitan perkhidmatan dan pengurusan kewangan dipondok MIA dapat terlaksana dengan baik. Menurut pengkaji pengurusan kewangan ini sangat penting kerana dapat mengurus harta anak yatim dengan lebih baik.

#### **b. Pengurusan Pembelanjaan atau Pengeluaran**

Pengkaji mendapati bahawa pengurusan perbelanjaan dipondok MIA sangat terhad, hal ini disebabkan kerana faktor kewangan yang tidak menentu. Kaedah perbelanjaan yang dilakukan oleh pihak pondok MIA hanya seminggu sekali, mudir beserta beberapa pelajar dan tukang masak pergi ke pasar untuk membeli keperluan makanan dan minuman, sayuran, ikan dan lain-lainya yang berkaitan dengan keperluan dapur, mereka membeli dalam kadar jumlah yang banyak untuk dijadikan stok untuk seminggu, kebiasaannya mereka pergi belanja pada pagi hari Jumaat atau hari Ahad.<sup>210</sup>

Pengkaji mendapati bahawa, pembangunan pemulihan pondok MIA tidak menentu, hanya bergantung kepada hasil sedekah atau wakaf dan lain-lain. Ada juga kadangkala orang yang mewakaf dalam bentuk material, sekiranya dalam bentuk wang maka mudir akan bertanya kepada penderma dalam bahasa Aceh (*nyo sedekah untuk pu? Apakah keu anek yatim atau keu bangunan*) sedekah ini untuk apa? Apakah untuk anak yatim atau untuk pembangunan pondok MIA? Tujuannya supaya dapat memilah

---

<sup>209</sup> Ustaz Suryadi, (Guru Senior, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Desember 2017.

<sup>210</sup> Tungku H, T Bulqaini, (Mudir, Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Desember 2017.

dan tidak bercampur aduk antara harta anak yatim dengan harta pembangunan pondok.<sup>211</sup>

Pengkaji mendapati bahawa ketika hampir tiba hari raya, semua anak-anak yatim yang menetap di MIA dibawa pergi ke kedai untuk membeli baju hari raya. Kadang mereka mendapat sehelai baju dan sehelai seluar, kadangkala dua helai, ini tergantung kepada baki kewangan, ada juga kebanyakan orang yang sponsor baju hari raya kepada anak-anak yatim dipondok MIA. Kemudian dikala mereka balik ke kampung halaman masing-masing untuk menyambut hari raya, pengurus pondok MIA memberikan wang hari raya kepada mereka sekitar Rp 200.000, ada juga sampai Rp 500.000. Kegiatan seperti ini dilakukan, ingin menunjukkan keperihatinan dan kasih pihak pengurusan kepada anak yatim didikannya dan disamping harapan supaya anak-anak yatim balik semula ke pondok MIA selepas hari raya untuk meneruskan pembelajaran.<sup>212</sup>

### **3. 5. CABARAN DALAM PENGURUSAN ANAK YATIM**

#### **3. 5. 1. Pengaruh Psikologi**

Seorang guru yang sudah senior di MIA dan Mudir pondok mengakui bahawa menghadapi anak yatim mangsa konflik dan tsunami ini tidak sama dengan anak yatim yang lain, kerana sebahagian dari mereka mengalami gangguan psikologi akibat menyaksikan sendiri peristiwa yang berlaku ke atas keluarga mereka. Semasa hayat orang tua mereka, orang tua mereka tidak mengambil berat tentang hal kehidupan anak-anak mereka, sehingga mereka hidup seadanya. Ini mungkin faktor ekonomi dan

---

<sup>211</sup> *Ibid.,.*

<sup>212</sup> *Ibid.*

sedikitnya ilmu pengetahuan agama, jadi sebagai pengasuh harus lebih bersabar dan berupaya terus memahami mereka.<sup>213</sup>

### 3. 5. 2. Pengaruh Persekitaran (Lingkungan)

Lingkungan sangat mempengaruhi kepada perubahan moral dan akhlak seseorang anak, disamping terpengaruhnya dengan games online. Hal ini bagi pelajar lelaki dan perempuan yang belajar di sekolah luar pondok, mereka yang belajar di sekolah SMK2, SMK 3, SMAN 11, sehingga membawa terpengaruh kepada anak-anak yang menetap belajar di pondok.<sup>214</sup>

Kehidupan yang begitu bebas di luar pondok membawa pengaruh di dalam pondok, seperti merokok, keluar pada waktu malam, menggunakan telefon bimbit dan melawan ustaz dan ustazah bila ditegur. Jangkitan itu akan menyebar kepada teman-temannya yang lain, sehingga lama-kelamaan tabiat buruk itu tidak dapat dibuang, banyak diantara mereka melanggar peraturan-peraturan yang sudah di tetapkan oleh pondok, kemungkinan mereka terkejut dengan budaya di kota, yang mana dulunya mereka kehidupan dipelosok kampung. Hal ini khusus bagi pelajar-pelajar yang tidak boleh di nasihati lagi.<sup>215</sup>

Raudzah Kamisna yang merupakan seorang guru yang berpengalaman dan aktif di pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah mengatakan bahawa salah satu penyebab terhambat perkembangan dibidang pendidikan kerana terpengaruhnya dengan lingkungan, sehingga mereka tidak bersungguh-sungguh dalam pembelajaran, tidak suka mengulangkaji pelajaran, mereka suka melepak dan telibat dengan aktiviti yang

---

<sup>213</sup> Mustafa kamal, (Guru Senior, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

<sup>214</sup> Siti Maimunah, (Guru Senior, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

<sup>215</sup> *Ibid.*.

tidak mendukung kepada peningkatan mutu pendidikan. Hal ini diakui oleh Najihah dan kawan-kawan senior lainnya. Dia merasa malu dan simpati kepada ustaz dan ustazah MIA yang tidak pernah putus asa menghadapi pelbagai tingkah laku kami yang kurang baik ini.<sup>216</sup>

Ibu Maryani atau lebih dikenali dengan panggilan „Mak“ selalu mempersoalkan sikap kurang baik dari pelajar perempuan yang sering tidak membuat kerja di dapur, sehingga sering juga makanan anak-anak tidak tepat pada waktunya. Kebiasaan sikap yang tidak baik ini dilakukan oleh pelajar perempuan yang` Aliyah, realiti ini menunjukkan nilai moral mereka tidak suka untuk diatur dan dibebani dengan kerja, seharusnya mereka inilah yang menjadi suri teladang yang baik bagi pelajar-pelajar junior, seharusnya ini yang diharapkan oleh lembaga MIA dalam menjalankan roda-roda peraturan.<sup>217</sup>

### **3. 5. 3. Pengaruh IQ (Terhadap Pemikiran)**

Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah juga memiliki beberapa orang pelajar yang kurang kemampuan untuk berfikir, mereka sangat susah mengingat dan menghafal pelajaran yang diberikan kepada mereka, sehingga mereka tertinggal jauh dengan teman-teman yang lainnya, baik dalam bentuk pendidikan umum mahupun dalam pendidikan terkhusus. Diantara pelajar ialah M. Khalilullah dan Fauzan mereka anak yatim yang mangsa konflik senjata. Berkemungkinan ada terpengaruh dengan peristiwa tersebut atau

---

<sup>216</sup> Irma Suryani (Pelajar Perempuan, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 2 Ogos 2017.

<sup>217</sup> Ibu Maryani, (Tenaga Kerja, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 2 Ogos 2017.

orang tuanya semasa bersamanya tidak mengambil berat tentang pembelajaran anaknya sehingga beranjak dewasa pemikirannya jadi lemah tidak terlatih untuk berfikir.<sup>218</sup>

#### 3. 5. 4. Stigma (Semua Free)

Menurut pimpinan pondok markas al-Ishlah al-Aziziyah, dalam bentuk serba gratis (pecuma), ini boleh menjadikan hambatan bagi pengasuh, atau kata lain seperti anak yang dimanjakan, mereka tidak berfikir bagaimana kehidupan pada masa hadapan, mereka memikirkan seolah-olah kehidupan mereka pada masa hadapan seperti yang dirasakan sekarang semua free, sehingga mereka tidak terfikir bagaimana menjadi orang yang Berjaya.

Mereka tidak memikir semua nikmat yang ada padanya disebabkan semua dalam kehidupan disediakan. Bahkan ada diantara mereka yang tidak menghargai pemberian orang lain. Mereka tidak menjaga dengan sebaik-baiknya pemberian orang kepadanya. Kalau mereka menjemur baju atau kain yang sudah dibasuh, jika kain tersebut jatuh mereka tidak mengambil semula untuk dibasuh sehingga kain tersebut terbengkalai. Lama-kelamaan kain tersebut dijadikan kain lap kaki di lantai dan ada lagi dalam bentuk makanan mereka sering membuang makanan-makanan yang tidak yang tidak habis di makan, dengan suara serak-serak basa dan wajah nampak sedih pimpinan pondok MIA mengatakan ini yang membuat kami sedih sekali dalam menjalankan pengasuhan di lembaga ini.<sup>219</sup>


---

<sup>218</sup> Fakri Razali, (Guru Senior, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

<sup>219</sup> Syekh Teuku H. Tu Bulkaini, (Pimpinan Pondok, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 4 September 2017.



**Rajah 3. 1: Metode Pengurusan Anak Yatim di Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah (MIA) di Banda Aceh**



Sumber: Hasil Analisis

### 3. 6. KESIMPULAN

Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan, pengkaji dapat menyatakan terdapat beberapa kaedah dan pendekatan pengurusan anak yatim mangsa konflik dan tsunami yang dilakukan oleh Pondok MIA di Banda Aceh. Pengkaji mendapati dua kaedah tumpuan utama yang dilakukan oleh pondok MIA iaitu **pertama** pengurusan diri anak yatim, psikologi dan pendidikan dalam pengurusan diri anak yatim ini melibatkan semua keperluan yang berkaitan dan keperluan dengannya, sebagaimana yang telah pengkaji rumuskan dalam Rajah 3.1. **kedua** pengurusan harta anak yatim, dalam pengurusan ini pengkaji tidak mendapati terlalu banyak kaedah yang digunakan oleh pondok MIA, pengkaji hanya menemukan kepada dua kaedah sahaja iaitu pengurusan kewangan dan pengurusan pengeluaran atau pembelanjaan harta anak yatim.

Pondok MIA memiliki peranan penting bagi masa depan anak-anak yatim mangsa konflik dan tsunami di Aceh, dengan adanya pengurusan tersebut mereka tidak terabai dalam pengurusan diri, pendidikan dan harta mereka. Pondok MIA telah melakukan yang terbaik kepada anak yatim ditempatnya, sehingga ada beberapa pelajar yang sudah terikat hati. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa, apa yang dilakukan oleh pondok MIA sudah sesuai dengan tuntutan al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. sebagaimana dalam Allah s.w.t berfirman dalam al-Quran:

فَأَمَّا الْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ

al-Dhuhā 93: 9

Terjemahan: Adapun terhadap anak yatim maka janganlah kamu berlaku sewenang-wenangnya.

Oleh demikian, secara keseluruhannya pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kombinasi kaedah dan pendekatan pengurusan anak yatim mangsa konflik dan tsunami di Lhung Bata Banda Aceh yang di amalkan oleh pihak pondok MIA sangat bersesuaian

dengan apa yang ditetapkan dalam al-Quran dan hadith Nabi s.a.w, walaupun ada beberapa perkara yang tidak berkait dengan sunnah tetapi itu bukan satu hal yang dilarang oleh syar'ah atau bertentangan dengan hukum.

Universiti Malaya

## BAB IV

### ANALISIS PERBANDINGAN PENGURUSAN ANAK YATIM DI PONDOK MARKAS AL-ISHLAH AL-AZIZIYAH BANDA ACEH DALAM PERSPEKTIF HADITH

#### 4.1. PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji berusaha menganalisis pendekatan dan kaedah pengurusan anak yatim di Pondok MIA dengan metode perbandingan pendekatan dan kaedah Nabi s.a.w. Analisis perbandingan ini menjelaskan secara deskriptif setiap pendekatan dan kaedah pengurusan yang dilakukan oleh Pondok MIA dengan mengemukakan dalil-dalil al-Quran dan hadith s.a.w. sama ada hadith-hadith yang bersumber dalam al-Kutub al-Sittah atau sumber lainnya. Pada akhir pembahasan dapat disimpulkan ketepatan pendekatan dan kaedah pengurusan tersebut mengikut amalan Nabi s.a.w atau tidak dan disertakan dengan pandangan pengkaji berhubung dengan penggunaan kaedah dan pendekatan tersebut.

#### 4. 2. PENDEKATAN ANALISIS YANG DIJALANKAN

Dalam menganalisis setiap kaedah dan pendekatan tersebut, pengkaji telah menetapkan beberapa pendekatan analisis yang sesuai agar dapat diteliti dan dibuat kesimpulan yang menyeluruh.

**Pertama:** Menyenaraikan dan menjelaskan setiap kaedah dengan menggunakan dalil dari al-Quran dan hadith dengan mendahului hadith-hadith riwayat *al-Kutub al-*

*Sittah*, jika tidak terdapat hadith berkaitan dari sumber tersebut, pengkaji akan merujuk kepada hadith-hadith bersumber lainnya.

**Kedua:** Jika terdapat dalil dan nas dari al-Quran atau tidak ada sebarang hadith yang menjelaskan tentang pendekatan tersebut, maka pengkaji merujuk kepada fatwa dan pandangan yang dikemukakan oleh para ulama berhubung dengan perkara tersebut.

Oleh itu, jika tidak terdapat sebarang fatwa atau pandangan berhubung dengan kaedah dan pendekatan pengurusan yang dilakukan, pengkaji dapat menyatakan bahawa pendekatan tersebut tidak mempunyai asas dan tidak menepati sunnah Nabi s.a.w. Pengkaji boleh mengatakan bahawa ia adalah kaedah persendirian yang dilakukan oleh pengurusan itu mengikut pengamalannya sahaja. Tambahan lagi, jika pendekatan dan kaedah itu bertentangan atau mempunyai unsur-unsur yang meragukan, ia wajar ditolak dan tidak sepatutnya pendekatan dan kaedah itu diamalkan.

#### **4.3. ANALISIS PENDEKATAN DAN KAEDAH PENGURUSAN ANAK YATIM DI PONDOK MIA DAN PERBANDINGANNYA DALAM PERSPEKTIF HADITH**

Merujuk kepada data-data yang telah dikumpulkan dalam bab tiga yang berhubung dengan pendekatan dan kaedah pengurusan anak yatim yang diamalkan di Pondok MIA di Banda Aceh yang dipilih, pengkaji akan menganalisis keseluruhan maklumat tersebut dengan membuat satu perbandingannya dengan pendekatan dan kaedah yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dalam mengurus anak yatim. Analisis yang dilakukan tertakluk

kepada dua perkara utama sahaja iaitu: [**Pertama**] Pengurusan diri, keperluan asas dan psikologi anak yatim. [**Kedua**] Pengeusan harta anak yatim.

#### 4. 3. 1. Analisis Dari Aspek Pengurusan Diri, Keperluan Asas dan Psikologi Anak Yatim.

Dari aspek pengurusan anak yatim merupakan satu perkara yang menjadi tuntutan dalam *syaria*''h dan sunnah Nabi s.a.w. Oleh kerana itu, selaku umat Islam mempunyai tanggungjawab yang besar dalam pengurusan dan mengasuh anak yatim. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji sangat bersetuju dengan jalan *inisiatif* yang dilakukan oleh Tu Bulqaini dengan membuat satu wadah tempat penampungan anak yatim mangsa konflik dan tsunami dengan menyediakan tempat tinggal seperti bilik tidur, tempat belajar, makan dan minum dan keperluan asas yang lain seperti baju sekolah, buku, alat tulis dan keperluan lainnya yang berkaitan dengan diri anak yatim, dan mendidik akhlak mereka ke arah kebaikan dan kemuliaan sebagaimana firman Allah:

﴿٨﴾ وَأَمَّا يَتِيمَ فَآوَىٰ ﴿٦﴾ وَوَجَدَكَ ضَالًّا فَهَدَىٰ ﴿٧﴾ وَوَجَدَكَ عَائِلًا فَأَغْنَىٰ ﴿٨﴾

Al-Duhā 93: 6-8

Terjemahan: bukankah dia mendapati engkau yatim piatu, lalu ia memberikan perlindungan. Dan didapatinya engkau mencari-cari (jalan yang benar), lalu ia memberikan hidayah dan petunjuk (dengan wahyu). Dan didapatinya engkau miskin, lalu ia memberikan kekayaan.

Kata yatim dalam ayat di atas dihubungkan dengan kata yang mengandungi erti kemiskinan dan ini membawa makna betapa lemahnya anak yatim, sehingga sangat

perlu memberikan perlindungan, perhatian, disantuni dan disayangi serta difikirkan kemaslahatan pada masa yang akan datang.<sup>220</sup>

Pengkaji dapat merumuskan bahawa pengurusan anak yatim yang dilakukan oleh pondok MIA ialah pada tahap yang baik dan bersesuaian dengan kaedah perbuatan Rasulullah s.a.w. Hal ini kerana Rasulullah s.a.w menyuruh umatnya untuk mengurus dan menjaga anak yatim dengan cara yang baik dan tidak mensia-siakannya. Malah Baginda s. a.w menegaskan bahawa orang yang menjaga dan mengasuh anak yatim bersamanya di dalam syurga. Seperti mana yang terdapat daripada Sahl bin Sa'd dari Nabi s.a.w bersabda:

أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا وَقَالَ بِإِصْبَعَيْهِ السَّبَّابَةِ وَالْوَسْطَى

Terjemahan: Aku dan orang yang menanggung anak yatim berada di syurga seperti ini." Baginda mengisyaratkan dengan kedua jarinya iaitu telunjuk dan jari tengah".<sup>221</sup>

Kesimpulannya, berdasarkan kumpulan data yang telah pengkaji dapati. Pengkaji dapat merumuskan bahawa perbandingan pengurusan anak yatim yang dilakukan oleh pondok MIA dan hubungkait dengan al-Quran dan beberapa hadith-hadith yang telah pengkaji cantumkan pada bab dua dan pendekatan kaedah pengurusan Nabi s.a.w dan huraian ulama dalam fiqh al-Hadith, pengkaji dapati ianya amat bersesuaian dengan apa yang telah di *syari* "atdalam al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w.

Namun demikian, pengkaji mendapati sedikit kurang setuju tentang pengkhususan anak yatim mangsa konflik dan tsunami sahaja yang dijadikan sebagai objek pengurusan di MIA, kerana dalam al-Quran dan hadith Nabi s.a.w tidak

<sup>220</sup> Aḥmad Ḥaṭṭa, *Tafsir Qu'ran Perkata* (Jakarta: Magfirah Pustaka, 2009), 546.

<sup>221</sup> Mūḥammad bin Īsmā'īl Abu Abd. Allah al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Bukhārī, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin ,Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 508.

mengkhususkan dan membezakan dalam pengurusan anak yatim kerana semua anak yatim itu sama.

Saran dari pengkaji agar supaya pihak pondok MIA di masa hadapan menjadi wadah penampungan semua anak yatim yang ada di Aceh tanpa mengkhususkan objek pengurusan kepada anak-anak yatim mangsa konflik dan tsunami sahaja. Kerana anak-anak yatim ini semakin hari semakin meningkat usia, dan dikategori sebagai seorang remaja atau dewasa (baligh). Dan hanya tinggal sebahagian sahaja yang masih dikategorikan sebagai yatim.

#### **4. 3. 2. Analisis Dari Aspek Pengurusan Dalam Pendidikan Anak Yatim.**

Analisis dapatan kajian, berdasarkan pada bab tiga pengkaji dapat merumuskan bahawa pondok MIA memiliki delapan kaedah pendidikan dalam pengurusan anak yatim di tempatannya. Kemudian pengkaji menghubungkan dengan senarai hadith yang ada pada bab dua dan membuat satu perbandingan antara amalan pondok MIA dengan hadith Nabi s.a.w yang terdapat didalam kitab *al-kutub al-Sittah* kemudian pengkaji mengalisis satu persatu kaedah pendidikan yang di amalkan oleh pondok MIA diantaranya aialah:

##### **a. Pendidikan Lemah Lembut**

Analisis kajian menunjukkan bahawa responden sangat bersetuju dengan metode lemah lembut yang di lakukan oleh Pondok Makas al-Islah al-Aziziyah dalam mengasuh anak yatim tempatnya, amalan ini sesuai dengan anjuran *sharia't* dan sunnah Nabi s.a.w seperti riwayat daripada 'A'ishah, Rasulullah s.a.w bersabda:



إِنَّ اللَّهَ رَفِيقٌ يُحِبُّ الرَّفْقَ فِي الْأَمْرِ كُلِّهِ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah adalah Maha Lemah Lembut dan sukakan terhadap sikap lemah lembut dalam segala hal.<sup>222</sup>

Berlemah lembut kepada anak yatim termasuk juga bahagian dari ibadah, sebagaimana riwayat dari Abī Umāmah Rasulullah s.a.w bersabda:

مَنْ مَسَحَ رَأْسَ يَتِيمٍ أَوْ يَتِيمَةٍ لَمْ يَمْسَحْهُ إِلَّا لِلَّهِ كَانَ لَهُ بِكُلِّ شَعْرَةٍ مَرَّتْ عَلَيْهَا يَدُهُ حَسَنَاتٌ

Terjemahan: Sesiapa yang mengusap kepala anak yatim baik lelaki mahu pun perempuan, maka tidak ada balasan dari Allah kecuali tiap rambut menjadi kebaikan baginya.<sup>223</sup>

Mengusap kepala dan pipi kanak-kanak adalah merupakan salah satu interaksi Rasulullah s.a.w dengan kanak-kanak. Guru-guru MIA menggunakan pendekatan mengusap kepala dan pipi kanak-kanak sebagai satu bentuk perhatian dan juga kasih sayang kepada anak-anak yatim. Dengan demikian mereka akan merasa disayangi dan dihargai oleh orang yang berada disekelilingnya.

Menurut Puan Maimun, mengusap kepala dan pipi kanak-kanak adalah merupakan satu cara yang digunakan di MIA bagi menarik perhatian kanak-kanak apabila guru memberikan motivasi dan juga nasihat. Melalui pendekatan ini juga dapat menarik perhatian kanak-kanak untuk mendengar dan menerima setiap kata yang diucapkan dan juga nasihat yang diberikan dengan baik.<sup>224</sup>

Berlemah lembut dengan anak didik merupakan salah satu langkah serta upaya untuk mendekatkan diri dan menanamkan rasa cinta kepada anak didik. Kerana, dengan

<sup>222</sup> *Ibid.*, 247

<sup>223</sup> Muhammad bin Ismā'īl Abu Abd. Allah al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, (Beirut: Dār al-Kitāb al-Ilmiyah, 241 H), 5. 313.

<sup>224</sup> Tgk Lukman, (Tenaga Pengajar, Markas al-Islah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 2 Mac 2017

perlakuan lemah lembut dapat mendekatkan seorang pendidik kepada anak didik, begitu juga sebaliknya. Mendidik anak tidak perlu dengan cara-cara yang kasar seperti menghukum, berkata-kata keras dan kasar.<sup>225</sup>

Metode mendidik dengan lemah lembut, pengkaji menganggap bahawa perkara yang dilakukan oleh pondok MIA sesuai dengan konsep pendidikan Islam. Dasar mendidik anak dengan cara lemah lembut merujuk pada sebuah ayat al-Qur'an yang mengatakan bahawa Allah s.w.t telah mengingatkan secara khusus kepada Nabi Muhammad s.a.w agar meninggalkan cara-cara kasar. Sebab, kekasaran bukan mendekatkan umat kepadanya, tetapi akan menjauhkan mereka darinya. Allah s.w.t berfirman:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ  
فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ  
اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Surah Āli, Imrān 3:159

Terjemahan: Maka berkat rahmat dari Allah engkau (Muhammad) berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya engkau bersikap keras dan berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekitarmu. Kerana itu, maafkanlah mereka, mohonkanlah ampunan untuk mereka, dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian, apabila engkau telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah. Sungguh, Allah mencintai orang yang bertawakal.

Ayat di atas ditujukan kepada Nabi Muhammad s.a.w secara khusus dalam membina umatnya, tetapi yang perlu difahami pembinaan di sini bersifat universal bukan secara khusus. Ayat di atas juga berlaku bagi orang tua atau pendidik dalam

---

<sup>225</sup> Arisman, *Konsep Mendidik dengan Cinta Dalam Pendidikan Formal Menurut Ajaran Islam*, (Palembang: Perpustakaan IAIN Raden Fatah, 2012), 93-94.

mendidik anak-anaknya. Jika mereka ingin agar anaknya lebih berjaya, maka jalan yang semestinya ditempuh adalah mendidik dengan lemah lembut, tidak keras dan kasar.<sup>226</sup>

Selain dapat mendekatkan dan menimbulkan rasa cinta kepada anak didik, sikap lemah lembut juga dapat memberikan pemahaman serta kemudahan bagi anak didik dalam mengingat pelajaran yang diberikan. Sebagaimana firman Allah s.w.t.

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Surah Taha 20: 44

Terjemahan: Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan ia ingat atau takut.

Berdasarkan huraian di atas. Maka pengkaji dapat menyimpulkan bahawa, salah satu kunci paling ampuh dalam ilmu mendidik adalah dengan berlemah lembut, penuh cinta dan kasih sayang . Dan jika perlu untuk memarahi, maka marahlah dalam batas yang masih dibenarkan oleh agama. Kerana pengkaji menilai bahawa konsep mendidik anak-anak yatim dengan lemah lembut yang diamalkan oleh Pondok Markas al-Islah al-Aziziyah sangat tepat dan sesuai dengan konsep mendidik dalam Islam dan apa yang ditegaskan dalam al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. Hal ini pula boleh dijadikan sebagai panduan dan contoh dalam mendidik.

#### **b. Pendidikan Berasaskan Keteladan (*Uswatuh Hasanah*)**

Analisis kajian menunjukkan bahawa metode keteladanan merupakan sebuah metode pendidikan Islam yang sangat efektif diterapkan oleh seorang guru dalam proses pendidikan<sup>227</sup> kerana pada dasarnya pengasuh dan pendidik merupakan usaha paling

---

<sup>226</sup> *Ibid*,22.

<sup>227</sup> Muhammad Qutb, *Sistem Pendidikan Islam*, terj. Salman Harun, (Bandung: PT. al-Ma'arif, t.th), 326.

dasar yang dilakukan oleh pengasuh terhadap perkembangan jasmani dan rohani anak-anak didiknya untuk menuju terciptanya keperibadian yang utama.<sup>228</sup>

Dapatan kajian, pengkaji bersetuju dengan amalan metode keteladanan yang dilakukan oleh pondok MIA dalam mengurus dan mendidik anak-anak yatim korban konflik di Lhung Bata Banada Aceh. Pengkaji juga mendapati, amalan yang dilakukan oleh pondok MIA sesuai dengan al-Quran dan sunnah Nabi s.a.w. sebagaimana firman Allah s.w.t:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Al-Aḥzāb 33:21

Terjemahan : Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu bagi orang-orang yang mengharap (rahmat) Allah dan kedatangan hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.

Rasulullah s.a.w merupakan suri teladan yang baik sekaligus menjadi contoh bagi umatnya. Metode ini juga diterapkan di pondok MIA. Menurut mereka, metode ini membawa kesan yang baik dalam konteks mengasuh dan mendidik, sebagaimana yang dicontohkan pada Rasulullah s.a.w. Para ustaz dan ustazah selalu memberikan semangat motivasi kepada anak-anak yatim lelaki dan perempuan agar mereka tetap konsisten terhadap sikap dan perilaku dalam membangun interaksi sosial sesamanya. Sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. sikap menghormati yang tua dan menyayangi yang muda, yang kuat menghormati yang lemah.

Kesimpulannya, pengkaji merumuskan bahawa kaedah yang dilakukan oleh pondok MIA adalah tepat dan bersesuaian dengan pemahaman konsep kaedah Nabi s.a.w. Sebagaimana baginda s.a.w memperlakukan kepada anak sahabat yang sudah mati syahid iaitu anak Ja`far yang masih kecil iaitu Muhammad dan `Abdullah, seorang didukung dan seorang lagi dipimpin ibunya. Kemudian Rasulullah s.a.w memanggil

---

<sup>228</sup> Arief Armai, *Pengantar Ilmu dan Metodologi Pendidikan Islam*, (Jakarta: Ciputat Press, 2002), 81.

tukang cukur untuk mencukur kedua kepala anak tersebut. Setelah mencukur, baginda memeluk kedua-duanya dan berkata “Muhammad ini menyerupai bapa saudara kami Abi Talib, manakala `Abdullah yang kecil menyerupaiku pada rupa dan akhlakunya.”<sup>229</sup>

Kaedah ini boleh dijadikan sebagai contoh bagi mana-mana pihak dalam proses mengasuh dan mendidik, mencontohi kaedah Nabi s.a.w adalah sangat efektif untuk mencapai matlamat, kerana Rasulullah s.a.w adalah sebaik-baik contoh bagi umatnya.

### **c. Aplikasi Metode *Tarhib* dan *Tarhib* Dalam Mendidik**

i. Analisis dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa kaedah *tarhib* yang dilakukan oleh pondok MIA mampu mencapai matlamat pengurusan, sehingga anak-anak yatim MIA lebih rajin dalam pembelajaran. Mudir pondok MIA Tgk H. Tu Bulqaini sering kali menerapkan kaedah *tarhib* kepada anak-anak yatim di tempatnya dengan memberi motivasi supaya mereka sentiasa bersemangat dalam belajar. Tetamu yang datang dari berbagai Negara seperti Malaysia, Singapura, Jepun, Turki, Korea dan Brunei Darussalam, mereka juga selalu memberi kata-kata semangat dan motivasi kepada anak-anak yatim tersebut. Mereka menguasai bahasa Arab dan bahasa Inggeris supaya mereka di hantar belajar ke luar Negara. Kebijakkan ini hanya diperoleh oleh pelajar yang patuh pada peraturan dan rajin, istiqamah dalam belajar, serta yang mempunyai potensi di bidang keilmuan.<sup>230</sup>

Analisis dapatan kajian kaedah *tarhib*, pengkaji sangat bersetuju dengan kaedah *tarhib* yang di terapkan oleh pondok MIA kepada anak-anak mangsa konflik dan tsunami, kerana ini bersesuaian dengan al-Quran dan hadith, sebagaimana yang tersebut

---

<sup>229</sup> <sup>229</sup> Abū al-Ḥasan ,Alī Khalaf bin ,Abd al-Malik bin Baṭṭāl, *Sharah Ṣāḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*, (al-Riyād: al-Su`udiah, 2003), 9: 217

<sup>230</sup> Ustaz Nasrullah (Guru Tetap di Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah di Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 18 Ogos 2017.

dalam Surah al-Taūbah yang menunjukkan ayat menggunakan metode targhib dalam jihad iaitu:

مَا كَانَ لِأَهْلِ الْمَدِينَةِ وَمَنْ حَوْلَهُمْ مِنَ الْأَعْرَابِ أَنْ يَتَخَلَّفُوا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ وَلَا  
يُرْغَبُوا بِأَنْفُسِهِمْ عَنِ نَفْسِهِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ لَا يُصِيبُهُمْ ظَمَأٌ وَلَا نَصَبٌ وَلَا  
مَخْمَصَةٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَطَؤُونَ مَوْطِئًا يَغِيظُ الْكُفَّارَ وَلَا يَنَالُونَ مِنْ عَدُوِّ نَيْلًا  
إِلَّا كُتِبَ لَهُمْ بِهِ عَمَلٌ صَالِحٌ إِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ

Surah al-Taūbah 9:120

Terjemahan: Tidaklah patut bagi penduduk Madinah dan orang-orang yang di sekeliling mereka dari orang-orang "Arab" ketinggalan daripada (turut berperang bersama) Rasulullah; dan tidaklah patut mereka mengasihi diri mereka sendiri dengan tidak menghiraukan Rasulullah. Yang demikian kerana Sesungguhnya (tiap-tiap kali) mereka merasai dahaga, dan merasai penat lelah, dan juga merasai lapar (dalam perjuangan) pada jalan Allah; dan (Tiap-tiap kali) mereka menjejak sesuatu tempat yang menimbulkan kemarahan orang-orang kafir; dan juga (Tiap-tiap kali) mereka menderita sesuatu yang mencederakan dari pihak musuh - melainkan semuanya itu ditulis bagi mereka: (pahala) amal yang soleh. Sesungguhnya Allah tidak menghilangkan pahala orang-orang Yang berusaha memperbaiki amalannya.

Didalam tafsir Ibn Kathir disebutkan ayat ini merupakan teguran keras Allah kepada penduduk Madinah yang membelakangi Rasulullah s.a.w dalam perang Tabuk yang dikenali orang Arab. Allah juga memberi rangsangan dan motivasi semangat kepada mereka dengan menyatakan bahawa setiap apa juga bentuk kesusahan yang mereka terima dalam usaha memberi sokongan kepada Rasulullah s.a.w. itu akan dicatat sebagai amalan soleh yang akan diberikan ganjaran pahala.<sup>231</sup>

<sup>231</sup> Azim Muhammad, Abdul Rahman al-Marashli, *Tafsir Ibn Kathir* (Beirut: Dār aal-Tawrath al-Arabi, 2000), 2: 398.

Pengkaji menilai kaedah tahgrib yang di terapkan oleh pondok MIA kepada anak-anak yatim tidak bercanggah dengan kaedah pengurusan Nabi s.a.w. Menurut pengkaji, kaedah tersebut baik untuk diamalkan dan di terapkan kepada anak-anak didikannya kerana sangat efektif mencapai matlamat.

ii. Kaedah *tarhib* ialah dalam bentuk sangsi atau hukuman bagi pelajar-pelajar yang melanggar peraturan yang sudah ditetapkan di pondok MIA. Menurut Muzannai kaedah ini sangat perlu diterapkan terhadap pelajar-pelajar, kerana tanpa hukuman yang tegas dan jelas, mereka sangat mudah melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan dipondok MIA. Namun, tindakan hukuman yang di ambil didasari atas banyak pertimbangan, ertinya harus disiasat terlebih dahulu kes pelanggaran yang di lakukan oleh mereka, kemudian baru diberikan hukuman menurut kesalahan yang dilakukan.<sup>232</sup>

Analisis dapatan kajian, pengkaji mendapati kaedah *tarhib* yang di terapkan oleh pihak pondok MIA kepada anak-anak yatim tempatnya amat menepati pendekatan kaedah yang dilakukan oleh Nabi s.a.w, sebagaimana yang terdapat dalam riwayat „Amrū bin Shu‘īb dari ayahnya dari neneknya berkata, Rasulullah s.a.w bersabda:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاصْرِبْهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرٍ  
وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Terjemahan: Perintahkanlah anak-anak kamu untuk mendirikan solat ketika berumur tujuh tahun dan pukullah mereka jika tidak mendirikan solat pada usia sepuluh tahun, dan padausia

---

<sup>232</sup> Ustaz Muzanni (Guru Tetap di Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah di Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 18 Ogos 2017.

tersebut juga piasahkanlah tempat tidur mereka (lelaki dengan perempuan).<sup>233</sup>

Seorang pengasuh digalakkan berperanan sebagai orang tua yang dapat merasai apa yang dirasakan oleh anak didiknya. Hukuman (*punishment*) dalam mendidik mempunyai porsi penting, pendidikan yang terlalu bebas dan ringan akan membentuk anak didik yang tidak disiplin dan tidak mempunyai keteguhan hati. Namun begitu, hukuman yang baik adalah tidak serta merta dilakukan, apabila ada rasa dendam. Hukuman dapat dilakukan dengan bertahap, misalnya dimulakan dengan teguran, diasingkan dan seterusnya dengan cacatan tidak menyakiti dan tetap bersifat mendidik.<sup>234</sup>

Sheikh Muhammad bin Jamil Zainu membahagikan jenis hukuman kepada dua bahagian iaitu:

1. Hukuman yang dilarang, seperti memukul wajah, kekerasan yang melampau, perkataan buruk, memaki ketika marah, menendang dengan kaki ketika sangat marah.
2. Hukuman dalam bentuk mendidik, seperti memberikan nasihat dan pengarahan, mengerutkan muka, membentak, menghentikan kenakalannya, menyindir, berdian diri, teguran dan pukulan yang tidak mencedrakan.<sup>235</sup>

Pengkaji dapat merumuskan bahawa kaedah tarhib yang digunakan oleh pondok MIA tidak bertentangan dengan ajaran Islam, dan boleh dijadikan contoh ataupun

---

<sup>233</sup> Muhammad Nasruddin al-Bayan, *Ṣaḥīḥ Jamī' Ṣaḡhir* (Beirūt, al-Maktab al-Islam, t.th), 569.

<sup>234</sup> Shaikh Muhammad bin Jamil Zainu, *Seruan Kepada pendidikan dan Orang Tua*, terj: Abu Hasan dan Ummu Dzakiyyah (Jakarta: Solom, 2005), 167

<sup>235</sup> *Ibid.*.



panduan oleh sesiapa sahaja. Tanpa hukuman yang tegas, amat sukar bagi anak-anak mencapai kejayaan dalam pembelajaran.

#### **d. Pendidikan Formal dan Tidak Formal**

Analisis dapatan kajian, pengkaji dapat merumuskan bahawa ada dua pendidikan utama yang diterapkan di Pondok MIA iaitu: Pendidikan sekolah kerajaan dan Pendidikan agama yang berlatarbelakang pasantren atau pondok dengan mempelajari kitab-kitab klasik, pembelajaran ini khusus pada waktu malam sahaja, sedangkan pada paginya mereka belajar di sekolah formal yang sudah di iktiraf oleh kerajaan Aceh.

##### **i. Pendidikan Formal (Sekolah Umum).**

Analisis kajian, pengkaji sangat bersetuju dengan pendidikan sekolah umum yang diterapkan oleh pondok MIA kepada anak-anak yatim korban konflik dan tsunami, materi pendidikan umum ini bertujuan sebagai pelajaran tambahan. Selain itu juga agar anak-anak yatim korban konflik dan tsunami ini boleh menguasai pelbagai ilmu sebagai bekal untuk meluruskan cita-cita bangsa.

Kegiatan yang berfungsi mengembangkan kemampuan akal dan ilmu serta teknologi tidak dapat diabaikan dalam kehidupan masa sekarang, yang dikenal sebagai abad ilmu dan teknologi (*the age of science and technology*). Pada masa sekarang ini, lebih-lebih lagi pada masa yang akan datang, shi'ar agama tanpa dukungan pengetahuan mengenai ilmu dan teknologi nampaknya akan sulit mencapai sasaran yang diharapkan.<sup>236</sup> Kesedaran bahawa menuntut ilmu adalah kewajipan bagi umat Islam. Sebagaimana firman Allah s.w.t

---

<sup>236</sup> Hanna Djumhana Bastaman, *Integrasi Psikologi Dengan Islam* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2001), 175.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ  
اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ انشُرُوا فَانشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ  
أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Surah al-Mujādilah 58: 11

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepadamu, "Berilah kelapangan didalam majlis, maka lapangkanlah, nescaya Allah akan memberi kelapangan untukmu. Dan apabila dikatakan berdirilah kamu, maka berdirilah, nescaya Allah akan mengangkat derajat orang-orang yang beriman diantara kamu dan orang-orang yang berilmu beberapa darjat.

Dari ayat di atas, pengkaji dapat mengetahui bahawa menuntut ilmu agama adalah kewajipan bagi tiap-tiap orang Islam supaya mampu menjadi pendakwah bagi orang yang tidak tahu tentang masalah agama serta mampu menjaga diri dari hal-hal yang dapat menjerumuskan diri ke lembah kenistaan.

Kesimpulannya, dari beberapa analisis yang sudah dilakukan, pengkaji dapat merumuskan bahawa sangat penting bagi pengasuh untuk memberikan pendidikan ilmu agama dan pendidikan ilmu umum kepada orang yang diasuhnya. Dengan ilmu-ilmu tersebut dapat menjamin masa depan anak-anak yang lebih cerah di masa yang akan datang. Kerana ilmu itu ibarat alat dalam melakukan satu-satu perkara, maka tanpa adanya ilmu mereka tidak boleh mewujudkan sesuatu yang di impiannya.

Pengkaji sangat bersetuju kepada kaedah yang telah dilakukan oleh pondok MIA dalam mendidik dan membahagikan ilmu kepada anak yatim mangsa konflik dan tsunami yang menetap di pondok. Pengkaji mendapati pendekatan kaedah ini sesuai

dengan apa yang diperintahkan dalam al-Quran dan Hadith Nabi s.a.w. Dengan demikian perlu untuk dijadikan contoh dan diamalkan.

## **ii. Pendidikan Yang Tidak Formal (Berasaskan Pasantren).**

Pengkaji sangat bersetuju dengan kaedah pendidikan agama yang dilakukan oleh pihak pondok Markas al-Islah al-Aziziyah kepada anak-anak yatim korban konflik dan tsunami, apalagi anak yatim di pondok MIA banyak bermasalah dengan penyakit batin (dendam dan lain-lainya).

Akibat konflik bersenjata yang berpanjangan berlaku dalam suatu kumpulan atau sebuah Negara dan tsunami mengakibatkan ramai masyarakat berdendam dan trauma psikologi, terutama anak kecil dan remaja yang mengalami langsung peristiwa traumatik. Salah seorang psikologi yang sering menangani mangsa di Aceh, iaitu Nitura menyatakan dalam suatu kompren kes bahawa symptom PTSD yang sering dialami mangsa pasca konflik bersenjata di Aceh antara lain ialah dari segi emosional akan timbul perasaan marah, benci, stress kerana kedukaan yang dalam, kegelisahan, ketakutan yang berlebihan, dan sebagainya.<sup>237</sup>

Menurut pengkaji, perkara itu semua dapat diatasi dengan memberikan ilmu pendidikan agama kepada mereka. Bertujuan untuk menanamkan kebiasaan pada mereka agar selalu mengamalkan perintah-perintah agama Islam dalam kehidupannya sehari-hari yang berlandaskan al-Quran dan sunnah Nabi.s.a.w. Kewajipan menuntut ilmu agama merupakan satu perintah dalam shari'at dan Sunnah Nabi s.a.w sebagaimana riwayat daripada „Anas bin Mālik.

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

---

<sup>237</sup> Kusmawati Hatta, "Trauma Dalam Kalangan Remaja Pelajar Sekolah Menengah Konflik Bersenjata dan Tsunami di Aceh" (Disertasi Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2014), 48.

Terjemahan: Menuntut ilmu itu wajib atas tiap-tiap muslim.<sup>238</sup>

Tegasan hadith diatas, kewajiban menuntut ilmu ialah ilmu yang akan menjadikan seorang mukallaf mengetahui kewajibannya seperti kewajiban ibadah dan muamalah, ilmu tentang Allah dan sifat-sifatNya, hak apa saja yang harus ditunaikan dalam beribadah kepada-Nya, dan mensucikan-Nya dari berbagai kekurangan.<sup>239</sup>

#### e. Metode *Sorogan*,

Analisis dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa pondok MIA menerapkan kaedah sorogan dalam pengurusan pendidikan bagi anak yatim ditempatnya, kaedah *sorogan* ialah guru terlebih dahulu membaca beberapa halaman kitab atau beberapa pelajaran, kemudian menyuruh pelajar untuk mengulang semula dihadapan gurunya.<sup>240</sup> Kaedah ini sering diterapkan di pondok-pondok bahkan hampir semua pondok di Aceh menggunakan kaedah yang sama, boleh dikatakan kaedah ini sudah menjadi turun menurun dalam konsep ajar mengajar.

Pengkaji mendapati bahawa kaedah ini amatlah berkesan bagi guru-guru dalam memberi ilmu bagi murid-muridnya. Secara tidak langsung, pelajar-pelajar telah memahami dan mengulangkaji pelajaran yang diajar. Kerana mereka takut kalau disoal atau disuruh ulang kembali mereka tidak dapat menjawab dengan tepat. Pengkaji sangat bersetuju dengan kaedah yang sudah di terapkan oleh pondok MIA, kaedah ini sama sekali tidak bertentangan dengan pendekatan kaedah pengurusan Nabi s.a.w.

---

<sup>238</sup> Abū „Abd Allah Muḥammad bin Yazīd al-Quzwāinī, *Sunan Ibn Mājah* (Mauqu al-Islām, t.t, 1988), 1: 260.

<sup>239</sup> Ahmad bin „Alī bin Ḥajar Abū al-Faḍil al-„Sḡalānī, *Fathul al-Bārī* (Jakarta: Pustaka Azzam, 2007), 1: 92.

<sup>240</sup> Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi tentang Pandangan Hidup Kyai, LP3S* (Jakarta: LP3ES, 1983), 49.

Hasil dapatan kajian dan senarai hadith-hadith yang sudah disenaraikan dalam bab dua pada jadual 2.0, pengkaji tidak menemukan secara *sareh* teks potongan hadith mengenai kaedah soronan ini, namun walau demikian kaedah ini bukan satu perkara yang ditolak kerana tidak bertentangan dengan al-Quran dan sunnah Nabi s.a.w.

#### **f. Metode *Wetonan* dan *Bandongan***

Kaedah *wetonan* dan *bandongan* ialah guru yang membaca atau mencatat dihadapan, kemudian pelajar mencatat dibuku nota dan guru memeriksa satu persatu salinan nota pelajar.<sup>241</sup> Hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa kaedah ini baik untuk diterapkan oleh pondok MIA kepada anak-anak yatim ditempatnya, kerana kaedah ini membawa kesan mudah bagi pelajar-pelajar menerima dan memahami pelajaran. Pengkaji bersetuju dengan kaedah ini yang sudah diterapkan oleh pondok MIA dalam konteks pengurusan pendidikan kepada anak yatim ditempatnya, kaedah ini baik diamalkan dan dijadikan contoh bagi yang lain khususnya dalam pengurusan pendidikan bagi anak-anak didikannya.

Seorang guru di MIA mengakui bahawa kaedah ini mampu mencapai matlamat bagi pelajar-pelajarnya dalam menguasai pelajaran yang diajar, kaedah ini membuat pelajar disiplin dalam menimba ilmu dan menjadi satu tugas bagi mereka selepas belajar untuk menghafal pelajaran yang telah diajar. Keesokan harinya mereka harus mengulang hafazan mereka kepada guru masing-masing, dengan ini para guru dapat mengenal pasti pelajar-pelajar yang tidak serius menggunakan waktu untuk belajar dan menghafaz, dalam masa yang sama para guru dapat mengambil tindakan kepada pelajar

---

<sup>241</sup> *Ibid.,*

yang kurang serius waktu belajar dengan memberi hukuman atau kaunseling kepada mereka.<sup>242</sup>

Analisis dapatan kajian dan senarai hadith-hadith yang sudah disenaraikan dalam bab dua pada jadual 2.0 pengkaji tidak menemukan secara *soreh* potongan teks hadith mengenai kaedah *wetonan* dan *bandongan*, walaupun demikian kaedah ini bukan satu perkara yang ditolak, kerana kaedah ini tidak bertentangan dengan al-Quran dan sunnah Nabi s.a.w., pengkaji juga sangat bersetuju kaedah ini diamalkan dan diterapkan.

#### g. Metode muhazarah

Analisis dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa pondok MIA mempunyai misi dalam mendidik anak-anak yatim tempatnya menjadi penda'i bagi ummat di masa akan datang. Pengkaji mendapati bahawa kaedah muhazarah yang sudah diterapkan sesuai dengan misi pondok MIA, kaedah ini untuk melatih mental pelajar dan cara-cara bercakap dihadapan orang ramai, dari dapatan kajian pengkaji bersetuju dengan kaedah ini yang sudah diamalkan oleh pondok MIA kepada anak-anak yatim ditempatnya dan sesuai dengan perintah Allah s.w.t

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ  
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ أَحْسَنُ

Surah al-Nahl 16: 125

Terjemahan: Serulah ke jalan Rabbmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Rabbmu, Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat

<sup>242</sup> Tgk Sulaiman, (Tenaga Pengajar, Markas al-Islah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 2 Mac 2017

daripada jalan-Nya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Pengkaji mendapati bahawa kaedah yang telah diterapkan oleh pondok MIA bersesuaian dengan apa yang diperintahkan oleh Allah walaupun dalam hadith pengkaji tidak menukan potongan teks hadith yang menyebutkan secara spesifik kepada anak yatim, kaedah ini baik untuk diamalkan dan diterapkan di pondok-pondok supaya makin ramai lahirnya yang berpotensi sebagai pendakwah.

Hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa kaedah muhazarah ini sedikit sebanyak memberi kesan negatif kepada pelajar kerana banyak waktu dan masa yang terbuang dalam latihan muhazarah. Saranan dari pengkaji kepada pondok MIA agar jangan mengambil masa yang lama untuk latihan muhazarah, alangkah baiknya waktu tersebut boleh digunakan untuk mempelajari pelajaran yang lain. Hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa ada sebahagian dari pelajar yang mengambil kesempatan bermain ketika latihan muhazarah berlangsung.

#### **h. Metode Mesyuarat**

Analisis dapatan kajian pengkaji mendapati bahawa pondok MIA menggunakan kaedah mesyuarat dalam pengurusan pendidikan anak yatim ditempatnya. Mesyuarat berasal dari kata *mushawarah*, *mushawarah* adalah masdar dari kata kerja *shawara yushawwiru* yang ertinya menampakkan dan menawarkan sesuatu ataupun mengambil pendapat si fulan mengenai sesuatu urusan.<sup>243</sup>

Pengkaji sangat setuju dengan kaedah mesyuarat yang telah diamalkan oleh pondok MIA, kerana kaedah ini tidak bertentangan dengan al-Quran dan sunnah Nabi s.a.w, bahkan kaedah ini satu perkara yang dianjurkan, sebagaimana firman Allah s.w.t

---

<sup>243</sup> Abu Husayn Ahmad bin Faris bin Zakaryya, *Mu'jam Maqayis al-Lughah* (Mesir: Mustafa al-Bab al-Halabi, 1972), 3: 226.

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Surah Ali ,Imrān 3: 159

Terjemahan: Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu kemudian apabila engkau telah berazam sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu maka bertawakallah kepada Allah.

Berdasarkan ayat di atas, pengkaji dapat menyimpulkan, bahawa pengamalan kaedah mesyuarat di pondok MIA dalam pengurusan pendidikan bagi anak yatim di tempatannya dan kaedah ini tidak bertentangan dengan *syari''at*. Kaedah ini baik untuk dicontohkan dan diamalkan oleh mana-mana pihak yang lain, adapun kesan dari kedah ini adalah dapat mengenal pasti sesuatu masalah yang di hadapi oleh pelajar.

Kesimpulan berasaskan kepada analisis lapan kaedah pendidikan yang diterapkan oleh pondok MIA kepada anak yatim mangsa konflik dan tsunami di Banda Aceh, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kesemua kaedah tersebut tidak menyalahi dengan hadith-hadith yang telah pengkaji cantumkan dalam bab dua pada jadual 2.0 dan kaedah ini baik untuk diamalkan mana-aman pihak dalam konteks pendidikan kerana sangat membantu pelajar dalam memahami ilmu.

Berdasarkan analisis hadith-hadith pada bab dua pengkaji tidak menemukan sebarang redaksi teks ataupun matan hadith yang Nabi s.a.w sebutkan secara khusus tentang pendidikan anak yatim, dari hasil perbincangan para ulama fiqh al-hadith pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kaedah pendidikan anak yatim termasuk dalam hadith pengurusan anak yatim seperti hadith yang diriwayat oleh „Abdullah bin „Abd





terdapat dalam riwayat Ibn „Abbās<sup>245</sup> kaedah ini tidak bertentangan dengan kaedah pendekatan Nabi s.a.w.

Pengkaji sangat bersetuju dengan kaedah pengurusan kewangan yang telah diamalkan oleh pondok MIA kepada anak yatim korban konflik dan tsunami di tempatnya, kaedah ini boleh dijadikan contoh dan diamalkan oleh mana-mana pihak terutama dalam objek pengurusan harta anak yatim.

Hasil dapatan kajian pengkaji mendapati bahawa kewangan yang diperoleh oleh pondok MIA untuk membelanjakan keperluan anak yatim mangsa konflik tidak memiliki aset penderma yang khusus. Mereka hanya mengharap dan bergantung daripada sedekah, wakaf, hibbah dan lain-lainnya dari masyarakat, pelbagai pihak, kerajaan, NGO dan pelawat-pelawat yang datang ke Aceh. Hari-hari mereka memerlukan biaya yang besar untuk keperluan. Maka dari situlah penghasilan kewangan yang dikelolakan oleh Mudir pondok MIA untuk keperluan hari-hari bagi anak yatim tempatnya.

Menurut pengkaji, apa yang telah di lakukan oleh pihak pondok MIA, sudah sesuai dengan kaedah pendektan amalan Nabi s.a.w dalam pengurusan harta anak-anak

---

<sup>245</sup> حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ عَطَاءٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ لَمَّا أَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ } وَ إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَى ظُلْمًا } الْآيَةَ انْطَلَقَ مَنْ كَانَ عِنْدَهُ يَتِيمٌ فَعَزَلَ طَعَامَهُ مِنْ طَعَامِهِ وَشَرَابَهُ مِنْ شَرَابِهِ فَجَعَلَ يَفْضَلُ مِنْ طَعَامِهِ فَيُخْبِسُ لَهُ حَتَّى يَأْكُلَهُ أَوْ يَشْرَبَهُ فَاشْتَدَّ ذَلِكَ عَلَيْهِمْ فَذَكَرُوا ذَلِكَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَى قُلْ إِصْلَاحٌ لَهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ تُخَالِطُوهُمْ فَإِخْوَانُكُمْ } فَخَالَطُوا طَعَامَهُمْ بِطَعَامِهِ وَشَرَابَهُمْ بِشَرَابِهِ  
Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Uthmān bin Abū Shāibah, telah menceritakan kepada kami Jarīr dari 'Aṭā', dari Sa'īd bin Jubāir, dari Ibn „Abbās, ia berkata; tatkala Allah s.w.t berfirman : “Dan janganlah kamu dekati harta anak yatim kecuali dengan cara yang lebih bermanfaat”. Dan "Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim dengan cara zalim". Orang yang memiliki anak yatim pergi dan menjauhkan makanannya dan minumannya dari minumannya. Maka makanan anak yatim tersebut tersisa kemudian disimpan hingga ia memakannya atau menjadi rusak. Maka hal tersebut terasa berat atas mereka, kemudian mereka menceritakan hal tersebut kepada Rasulullah s.a.w. lalu Allah s.w.t menurunkan ayat: "Dan mereka bertanya kepadamu tentang anak yatim, katakanlah: "Mengurus urusan mereka secara patut adalah baik, dan jika kamu bergaul dengan mereka, maka mereka adalah saudaramu." Kemudian mereka mencampur makanan mereka dengan makanannya dan minuman mereka dengan minumannya. . Lihat: Mūḥammad bin Ismā'īl Abu Abd. Allah al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Bukhārī, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣāliḥ bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 223.

yatim.<sup>246</sup> Mereka adalah sebagai pemegang amanah dalam mengelola harta-harta anak yatim dan memberikan keperluan mereka. Sebagaimana firman Allah s.w.t.

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَامًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Al-Nisā'i 4: 5

Terjemahan: Dan janganlah kamu menyerahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akal nya (yang tidak boleh mengelola hartanya), harta kamu (atau harta mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah untuk kamu sebagai pokok kehidupan. Berilah mereka belanja dalam harta itu dan pakaian serta ucapkanlah kepada mereka perkataan yang baik.

Kesimpulannya, dari analisis dapatan kajian, pengkaji bersetuju dengan kaedah yang dilakukan oleh pihak pondok Markas al-Islah al-Azizyah kepada anak-anak yatim mangsa konflik dan tsunami di Banda Aceh dan sesuai dengan kaedah pendekatan yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan sunnah Nabi s.a.w.

Pengkaji mendapati bahawa anak-anak yatim yang menetap di pondok MIA tidak ada satu jaminan kewangan tempat mereka bergantung, mereka hanya bergantung kepada sedekah wakaf dan lain-lainnya dari masyarakat. Oleh yang demikian, pengkaji berharap sangat kepada pemerintahan Indonesia, khususnya pemerintah Aceh dan orang yang berkemampuan harta lebih supaya menjadi penderma kewangan yang khusus bagi

<sup>246</sup> حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ مُسْلِمٍ عَنْ الْمُتَنَّى بْنِ الصَّبَّاحِ عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Muḥammad bin Isma'īl telah menceritakan kepada kami Ibrāhīm bin Mūsā telah menceritakan kepada kami al-Walīd bin Muslim dari al-Muthanna bin Ṣabbāh dari Amrū bin Shu'aib dari ayahnya dari datuknya bahawasanya Nabi s.a.w menyampaikan khutbahnya yang berisi: "Siapa sahaja yang mengurus anak yatim sedangkan anak tersebut memiliki harta, hendaklah dia gunakan untuk berdagang dan tidak membiarkannya habis untuk membayar zakatnya. Lihat: Muhammad bin ,Isa bin Sūrah bin Mūsā, Sunan al-Tirmidhī, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin ,Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 1709.

anak yatim di pondok MIA dan di tempat lainnya. Jangan mengabaikan anak-anak yatim kerana pengurusan anak yatim itu tanggungjawab bersama bagi umat Islam.

## **b. Pengurusan Pembelanjaan atau Pengeluaran**

Hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa pondok MIA memiliki kaedah yang mungkin berbeza dengan pondok-pondok lain dalam konteks pengurusan perbelanjaan kepada anak yatim dan pembangunan pondok. Hasil dapatan kajian, pengkaji bersetuju dengan kaedah yang telah dilakukan oleh pondok MIA yang sangat berhati-hati dalam memelihara harta anak yatim.

Pengkaji mendapati bahawa kaedah ini tidak bertentangan dengan kaedah pendekatan Nabi s.a.w, bahkan ini satu perkara yang dianjurkan oleh agama bagi wali atau orang yang mengurus anak yatim supaya tidak mengcampur aduk dan memakan harta anak yatim sebagaimana dalam riwayat Ishāq<sup>247</sup>

Tengku H. Tu Bulqaini (Mudir MIA) mengatakan, memelihara anak yatim ini bukan satu perkara yang mudah, kerana orang yang menjaga anak yatim ini bukan sekadar memberi makan dan minum sahaja tetapi harus menjaga dari semua aspek yang bersangkutan dengan anak yatim supaya tidak salah menggunakan, beliau sangat

---

<sup>247</sup> حَدَّثَنِي إِسْحَاقُ حَدَّثَنَا ابْنُ مُنِيرٍ أَخْبَرَنَا هِشَامُ ح وَ حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ سَلَامٍ قَالَ سَمِعْتُ عُثْمَانَ بْنَ فَرْقَدٍ قَالَ سَمِعْتُ هِشَامَ بْنَ عُرْوَةَ يُحَدِّثُ عَنْ أَبِيهِ أَنَّهُ سَمِعَ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا تَقُولُ [ وَمَنْ كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَغْفِرْ وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ ] أَنْزَلَتْ فِي وَالِي النَّبِيِّمِ الَّذِي يَتِيمُهُ عَلَيْهِ وَيُضْلِحُ فِي مَالِهِ إِنْ كَانَ فَقِيرًا أَكَلَ مِنْهُ بِالْمَعْرُوفِ  
Terjemahnya: Telah menceritakan kepada saya Ishāq telah menceritakan kepada kami Ibnu Numāir telah mengkhabarkan kepada kami Hishām dan diriwayatkan pula kepada saya Muhammad bin Salām berkata; Aku mendengar 'Uthmān bin Farqad berkata; Aku mendengar Hishām bin 'Urwah menceritakan dari bapanya bahawa dia mendengar 'Aishah berkata, tentang ayat al-Nisā' ayat 6 yang ertinya (sesiapa diantara pemelihara itu yang mampu maka hendaklah dia menahan diri dari memakan harta anak yatim itu, dan barangsiapa yang miskin maka dia boleh makan harta itu menurut yang patut), ayat ini turun pada wali anak yatim yang memelihara dan menjaga hartanya, dan jika dia seorang yang miskin maka dia boleh memakannya dengan cara ma'ruf (yang patut). Lihat: Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, Ṣaḥīḥ Muslim, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin ,Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. (Riyād: Dār al-Salām, 2000), 1200.

berhati-hati dalam menjaga, saya selalu berpesan kepada bendahara supaya berhati-hati dalam mengurus harta anak yatim jangan sampai tersalah menggunakan dan kepada tukang masak pastikan makanan anak yatim tidak bercampur dengan makanan lainnya.<sup>248</sup>

#### **4. 4. Kesimpulan**

Dalam bab empat ini, pengkaji melakukan satu analisis terhadap pengurusan anak yatim mangsa konflik dan tsunami yang dilakukan di pondok MIA dengan pendekatan kaedah pengurusan Nabi s.a.w sebagai membuktikan kebenaran dan menepati hadith-hadith.

Berdasarkan kajian dan pandangan ulama, pengkaji dapat merumuskan bahawa mengurus anak yatim merupakan satu tanggungjawab yang besar bagi umat Islam. Wajib menjaga dan mengurus anak yatim itu ialah ibu kandung, serta wali sebelah ayah anak-anak tersebut. Apabila mereka tidak mampu untuk menggalas kewajiban tersebut, wajib ke atas kerajaan atau pemerintah untuk menggalas kewajiban itu.

Kebijakkan seorang tokoh ulama yang sangat aktif dan perihatin kepada situasi Aceh telah berjaya membentuk satu wadah iaitu pondok Markas al-Islah al-Aziziyah untuk mengasuh anak-anak yatim mangsa konflik dan tsunami, yang tujuannya ialah:

1. Supaya anak-anak yatim mangsa konflik tidak ada perasaan dendam kepada orang yang telah membunuh orang tua mereka dan supaya mereka menerima hakikat yang sebenarnya.
2. Dan supaya tidak ada lagi pertumpahan darah dan pembunuhan (konflik senjata) di Aceh di masa akan datang.

---

<sup>248 248</sup> Bulqaini, (Mudir , Markas al-Islah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 2 Mac 2017.

Pengkaji menilai usaha yang di telah lakukan oleh Tu Bulqaini adalah merupakan satu anjakan paradigma yang sangat baik. Baik dalam konsep agama ataupun kesejahteraan Negeri Aceh di masa akan datang. Analisis dapatan kajian, setelah melakukan analisis pengkaji dapat merumuskan bahawa pengurusan yang dilakukan oleh pondok MIA terhadap anak-anak yatim mangsa konflik dan tsunami, baik dalam pengurusan dengan membahagi masa, pendidikan, kewangan, tempat tinggal, lain-lainya sama sekali tidak bercanggah dengan al-Quran dan kaedah pendekatan Nabi s.a.w.

Walaupun ada beberapa perkara yang tidak sama dengan kaedah pendekatan Nabi s.a.w namun menurut pengkaji, tidak menjadi satu kesalahan yang fatal selagi tidak bercanggah atau bertentangan dengan agama islam.

## **BAB V**

### **RUMUSAN DAN SARANAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Dalam bab ini pengkaji akan merumuskan keseluruhan kajian yang telah dibahas pada bab-bab sebelumnya. Kemudian, akan mengemukakan beberapa cadangan dan saranan kepada pihak yang berkaitan.

#### **5.2 KESIMPULAN**

Dalam pembahasan mengenai latarbelakang anak yatim di pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah di Banda Aceh dan faktor keyatiman mereka, dapat disimpulkan bahawa anak-anak yatim yang menetap di Pondok MIA adalah terdiri dari anak-anak yatim yang kehilangan orang tuannya dengan sebab konflik senjata dan bencana alam tsunami yang terjadi pada tahun 2004 yang lalu.

Seterusnya dalam perbincangan terhadap kesan dari pada konflik senjata dan bencana alam tsunami, di dapati bahawa rata-rata anak yatim yang menetap di pondok MIA mengalami gangguan psikologi, sehingga menjadi satu beban yang berat dipikul oleh pentadbiran dan guru-guru di pondok MIA. Kemudian merujuk kepada sejarah pertumbuhan, latarbelakang dan fungsi pertumbuhan utama pondok MIA, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pertumbuhan pondok MIA atas dana inisiatif seorang ulama yang sangat aktif mengambil berat tentang kondisi Aceh dan untuk menampung khusus semua anak-anak mangsa konflik senjata untuk disatukan, dan anak yatim mangsa tsunami.

Pondok MIA merupakan sebuah badan yang sukarela bertujuan untuk menjaga kebajikan anak-anak yatim di Banda Aceh khususnya kepada anak yatim mangsa

konflik senjata dan bencana alam tsunami. Pondok MIA bertanggung jawab untuk mengendalikan perkara yang berkaitan dengan kebajikan anak yatim yang tinggal di asrama MIA. Pada umumnya aktiviti-aktiviti pondok MIA adalah selaras dengan Islam. Namun begitu terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan tidak selaras dengan akhlak Islam di mana berlakunya pergaulan bebas, merokok dan sebagainya. Justeru itu, pihak MIA perlu mengambil langkah untuk memberikan kefahaman yang sempurna tentang akhlak dalam konsep Islam supaya mereka menghayatinya dalam kehidupan seharian.

Dalam mengurus kebajikan anak yatim, pondok MIA memerlukan pembelanjaan yang besar. Pembelanjaan tersebut hanya diperolehi dari sedekah, infak dan hibbah dari masyarakat. Setakat ini belum mempunyai seorang donator (penderma dan penyumbang) yang tetap dari mana-mana pihak untuk mensejahterakan anak yatim di pondok MIA. Pondok MIA juga bertanggungjawab untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi mendorong dan membimbing anak yatim dalam bidang pelajaran. Dengan menyediakan jadual waktu yang teratur dan kelas tambahan bagi pelajar kelas peperiksaan supaya anak yatim akan lebih berusaha untuk maju dalam bidang pelajaran sama sehingga mereka tidak keinggalan dengan anak-anak lainnya yang masih mempunyai ibu bapa.

Seterusnya, dalam pembahasan dalam bab dua dengan membuat penelitian terhadap hadith-hadith yang berkaitan dengan anak yatim khusus kepada pengurusan anak yatim dalam *al-Kutub al-Sittah*. Berdasarkan kajian dan penelitian terhadap hadith-hadith tentang anak yatim, pengkaji mendapati ada 113 hadith yang berkaitan dengan anak yatim. Dari keseleruhan hadith, dapat dibahagikan kepada menempukan kepada tiaga kajian utama iaitu: Pertama hadith-hadith tentang pengurusan anak yatim. Kedua faḍilah mengurus anak yatim. Ketiga menjaga harta anak yatim. Keempat ancaman bagi orang yang memakan harta anak yatim.



Berdasarkan hadith-hadith dan pembincangan ulama dalam *fiq al-Hadith*, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa dalam agama sangat dituntut bagi orang yang ada kemampuan supaya mengambil berat tentang pengurusan anak yatim, baik dengan mendedahkan hartanya kepada anak yatim ataupun dengan mengambil dan mengurusnya sendiri, bahkan hal inilah yang paling disukai oleh Nabi s.a.w. Bagi orang yang menguruskan anak yatim dengan cara yang benar, maka akan mendapat pujian pada agama dan mendapat prestasi yang baik disisi Allah s.w.t, mereka akan ditempatkan dalam Syurga bersama-sama Rasulullah s.a.w.<sup>249</sup> Sebaliknya jika tidak mengurus anak yatim dengan cara yang benar maka mereka telah melakukan kesalahan yang besar dalam agama.<sup>250</sup>

Kewujudan anak yatim memberi ruang yang amat luas kepada umat Islam untuk melakukan amalan kebajikan di mana amalan tersebut akan memberatkan timbangan amalan mereka di akhirat kelak sekiranya ia dilakukan dengan penuh keikhlasan mengharapkan keredhaan Allah s.w.t. Islam memandang kedudukan manusia adalah sama sahaja di sisi Allah s.w.t walaupun dari sudut lahiriah ada di antara mereka yang kekurangan kasih sayang daripada ibu bapa ataupun kekurangan dari sudut material.

<sup>249</sup> عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَنَا وَكَافِرُ النَّبِيِّ فِي حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ الْوَهَّابِ قَالَ حَدَّثَنِي عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ أَبِي حَازِمٍ قَالَ حَدَّثَنِي أَبِي قَالَ سَمِعْتُ سَهْلَ بْنَ سَعْدٍ  
 الْجَنَّةَ هَكَذَا وَقَالَ بِإِصْبَعَيْهِ السَّبَابِيَةَ وَالْوُسْطَى  
 Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami „Abdullah bin „Abd al-Wahāb dia berkata; telah menceritakan kepadaku „Abd al-„Azīz bin Abū Hāzīm dia berkata; telah menceritakan kepadaku ayahku dia berkata; aku mendengar Sahl bin Sa'd dari Nabi s.a.w bersabda: "Aku dan orang yang menanggung anak yatim berada di syurga seperti ini." Baginda mengisyaratkan dengan kedua jarinya iaitu telunjuk dan jari tengah."

<sup>250</sup> عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ احْتَبُوا السَّبْعَ الْمَوْبِقَاتِ قَالُوا يَا حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ عَنْ ثَوْرِ بْنِ زَيْدٍ عَنْ أَبِي الْغَيْثِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ  
 رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشُّرْكُ بِاللَّهِ وَالسَّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَالنَّوَالِي يَوْمَ الرِّخْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ  
 Termahan: Telah menceritakan kepada kami 'Abdul 'Azīz bin „Abdillah telah menceritakan kepada kami Sulāimān dari Thāur bin Zaīd dari Abī Ghāithi dari Abī Hurāirah dari Nabi s.a.w "Jauhilah tujuh dosa besar yang membinasakan." Para sahabat bertanya; 'Ya Rasulullah, apa saja tujuh dosa besar yang membinasakan itu? ' Nabi menjawab; "menyekutukan Allah, sihir, membunuh jiwa yang Allah haramkan tanpa alasan yang benar, makan riba, makan harta anak yatim, lari dari medan perang, dan menuduh wanita mukmin baik-baik melakukan perzinaan."

Malahan yang membezakan kedudukan seorang Muslim dengan Muslim yang lainnya ialah sifat ketaqwaanya kepada Allah s.w.t.

Islam juga memandang mulia terhadap pihak yang mengambil berat dan menguruskan kebajikan anak yatim. Kemuliaan mereka itu di tegaskan oleh Rasulullah s.a.w dengan menyatakan bahawa kedudukan orang yang menjaga anak yatim sangat hampir dengan baginda dalam syurga. Al-Quran dan al-Hadith juga memberikan fokus yang utama terhadap anak yatim. Pengurusan kebajikan anak yatim dinyatakan dengan terperinci didalamnya, supaya melakukan ihsan terhadap anak yatim dan juga ancaman terhadap orang-orang yang menghina dan mengherdik anak yatim. Al-Quran dan hadith mampu untuk membentuk satu masyarakat yang seimbang dan harmonis. Sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dengan wujudnya keseimbangan dalam masyarakat dan semua orang akan hidup dalam keadaan aman dan sejahtera di bawah naungan al-Quran dan hadith.

### **5. 3. SARANAN**

#### **i. Saranan Kepada Pondok MIA**

Pondok MIA dan orang yang berkecimpung dalam pengurusan kebajikan anak yatim untuk melakukan kerja amal mestilah menampilkan satu skop pengurusan kebajikan anak yatim yang benar-benar *konfhensif* sesuai dengan keperluan zaman dan keperluan pembangunan Islam itu sendiri yang bersifat menyeluruh dan *komprehensif*.

Pondok MIA juga perlu memastikan agar pengurusan kewangan anak yatim adalah tulus dan adil tanpa wujud pecah amanah terhadap wang yang telah disumbangkan dari masyarakat. Pemilihan orang yang amanah amatlah penting bagi mengelakkan oarang ramai merasa ragu-ragu untuk mengulurkan sumbangan. Pondok

MIA juga perlu mempertingkatkan lagi teknik untuk memperkenalkan diri dalam urusan perdana, agar segala perancangan dan aktiviti mereka akan mendapat sokongan daripada masyarakat dalam bentuk tenaga kewangan dan kepakaran.

Dalam pelaksanaan pengurusan kebajikan anak yatim di pondok MIA, kaedah pengurusan Rasulullah s.a.w sebagai sumber inspirasi utama dalam pengurusan. Penghayatan yang sebenarnya terhadap kaedah pengurusan Nabi s.a.w supaya dapat melahirkan matlamat yang semangat untuk terus melakukan kerja-kerja amal dengan penuh keikhlasan tanpa mengharapkan keuntungan di duniawi yang bersifat hanya sementara.

Oleh kerana menyoriti penghuni asrama di pondok MIA adalah anak-anak yang bermasalah psikologi, maka pondok MIA perlu memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada mereka, agar mereka boleh menerima perkara silam yang berlaku atas keluarga dan diri mereka. Dan kepada para guru-guru yang mengasuh mereka dengan penuh kesabaran atas sikap mereka yang tidak patuh kepada arahan dan aturan-aturan yang sudah ditetapkan. Anak yatim di pondok MIA, mereka perlu diberikan semangat dan hiburan, kerana naluri golongan yang beranjak remaja kini gemar kepada sesuatu yang bercorak hiburan dan keseronokan. Maka pihak MIA perlu mengemukakan *alternatif* bagi remaja mendapatkan hiburan yang tidak bercanggahan dengan Islam seperti nasyid, sukan, teater dan seumpamanya.

Pondok juga MIA berusaha untuk memperkenalkan dan menonjolkan dirinya kepada masyarakat bagi memudahkan lagi penerimaan dan sumbangan masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti yang dilakukan. Antara saluran yang terbaik adalah melalui media massa seperti televisyen, majalah, akhbar dan internet. Pondok MIA mestilah berganding bahu untuk meningkatkan produktiviti tanpa mengira perbezaan pendapat, setiap unsur yang menjadi perbezaan antara mereka perlu di kompromi dan dihindari

untuk memastikan kelancaran pengurusan anak yatim yang mereka pikul selama ini. Pihak pondok MIA hendaklah mengadakan bengkel-bengkel motivasi dengan kerjasama pihak luar seperti yang dilakukan oleh pondok lain, agar kesedaran dan minat anak yatim terhadap pelajaran senantiasa terhibur. Bengkel motivasi juga merupakan satu kaedah pendidikan yang baik di terapkan kepada didikannya.

### **ii. Saranan Kepada Masyarakat Aceh**

Masyarakat Islam khususnya di Aceh perlu bergandingan bahu dengan Pondok MIA untuk menyalurkan segala bentuk bantuan atau sumbangan sama ada kewangan, buah pikiran dan tenaga dalam usaha memberi saham terhadap pengurusan kebajikan anak yatim di pondok MIA. Segala amal itu perlu diniatkan untuk mencari ke redhaan Allah bagi membolehkannya menjadi amalan jariah dan bermamfaat di hari akhirat kelak.

### **iii. Saranan Kepada Pemerintah Aceh**

Dari pemerintahan Indonesia khususnya di Aceh supaya membentuk satu badan kemakmuran pengurusan kebajikan anak yatim, apalagi anak yatim di pondok MIA perlu diberikan perhatian penuh, kerana mereka adalah anak-anak yatim mangsa konflik antara pemerintah RI dengan GAM, mereka ada hubungan kaitnya dengan kedayaman Aceh sekarang ini, kalau anak ini tidak dapat diurus dengan pengurusan yang baik maka dikhawatirkan akan mendatangkan konflik yang baru di Aceh.

Pihak kerajaan disarankan agar bersikap terbuka dan memberikan sokongan yang padu kepada mana-mana tempat pengurusan anak yatim terutama dari sudut material, spiritual dan motivasi terhadap pondok MIA. Ini untuk menunjukkan komitmen kerajaan terhadap usaha amal mereka dan mereka akan merasa kewujudan

dan sumbangan mereka di hargai. Pihak kerajaan perlu menerapkan kesediaan untuk berkonsi ideal dengan pondok MIA dengan menawarkan bantuan kepakaran dan pengurusan staf. Dengan ini pihak pengurusan pondok MIA akan mampu menjalankan tugas dengan lebih cepat dan berkesan.

#### **iv. Sarana Dari Penyelidik**

Pergaulan anak yatim di pondok MIA dengan masyarakat luar perlu di pertingkatkan supaya masalah psikologi seperti rendah diri rasa tersisir di dalam kelas, dipandang hina oleh kawan-kawan dan sebagainya dapat di kikir dari jiwa mereka. Ini dapat dilakukan dengan mengadakan aktiviti tahunan yang melibatkan anak yatim dengan masyarakat sekitarnya seperti hari keluarga dengan membuat acara Nasyyid, tilawah al-Quran dan sebagainya. Dengan demikian anak yatim MIA dapat terhibur sehingga mereka makin giat dalam melanaah pelajara.

#### **v. Saran Kepada Pihak Swasta dan Media**

Badan-badan korporat serta orang perseorangan diharapkan agar dapat menyalurkan berbagai bentuk bantuan kepada pondok MIA yang sukarela menjalankan pengurusan kebajikan anak yatim untuk diberikan penghargaan yang sewajarnya kerana sumbangan mereka yang amat besar dalam menguruskan anak yatim di Banda Aceh.

Pihak media massa sama ada kerajaan ataupun swasta disarankan agar membuka peluang yang lebih luas kepada pondok mia untuk menggunakan media massa mereka sebagai saluran informasi kepada masyarakat di samping mengadakan kerjasama antara kedua-dua belah pihak dari semasa ke semasa.

#### **5. 4. PENUTUP**

Kesimpulannya, kajian ini telah mencapai objektif kajian yang di tetapkan setelah mengenal pasti, menganalisis dan membuat kesimpulan serta saranan pengurusan anak yatim yang dilakukan oleh pondok MIA di Banda Aceh. Demikian, pengkaji mendapati bahawa kajian ini telah memaparkan realiti kaedah pengurusan anak yatim yang di praktikkan di pondok MIA di Banda Aceh.

Oleh itu, berharap kajian ini dapat membantu mana-mana pengurusan anak yatim khususnya pondok MIA dan masyarakat sebagai rujukan dalam memahami kaedah pengurusan anak yatim yang tepat berlandaskan al-Sunnah Nabi s.a.w serta menepati syariah Islam.

Universiti Malaya

## BIBLIOGRAFI

### Al-Quran

Al-Quran in Word, Version. 1.3.

### Rujukan Kamus / *Mu'Jam* / *Mawsuah*

Partabto dan Dahlan al-Barry, *Kamus Ilmiah Popular*, Surabaya: Penerbit Arkola, 1994.

Poerwadarmita, *Kamus Umum Bahasa Indonesia*, Jakarta: Balai Pustaka, 1991.

Louis Ma'uf, *al-Munjid Fi al-Lughah*, Beirut: Der el-Masyriq, t.t.

### Rujukan Bahasa Arab

Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, Ṣaḥīḥ Muslim, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣāliḥ bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh, Riyād: Dār al-Salām, 2000.

„Abd al-Salām Hārūn, *Tahdhīb Sirāh Ibn Hisyam* „Dār Ihya“ al-Turath al-„Arabi, t.t.

Abū al-Ḥasan „Alī Khalaf bin „Abd al-Malik bin Baṭṭāl, *Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*, al-Su`udiah: al-Riyād, 2003.

„Ali bin Abi Bakr al-Haythāmi, *al-Majmu“ al-Zawā“id wa Manba“ Fawa“id* Lubnan: Dār-al-Kitāb, 1967.

„Abd Allāh Nasih „*Ulwan Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islām*, c. 17, Kaherah: Dār al-Salām li al-Tibā“ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi, 1990

„Abdu bin Ḥamīd bin Nasir, *al-Muntakhib min Musnad „Abdu bin Ḥamīd*, al-Qāhir: Maktabah al-Sunnah, 1988.

Abū „Abd Allah Muhammad bin Yazīd al-Quzwaynī, *Sunan Ibn Majah*, Istanbul: Dār Saḥnūn, 1992.

Abū al-Fida“ al-Hāfīz ibn Kathīr et. al, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Kaherah: Dār al-Hadith, 1992.

- Abū Zakariyā Yahya bin Sharaf bin Marī al-Nawawi, *al-Minhāj Sharah Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth, 1393 H.
- Abū al-Ḥasan „Alī Khalaf bin „Abd al-Malik bin Baṭṭāl, *Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*, al-Su`udiah: al-Riyād, 2003.
- Abū „Abd Allah Muḥammad bin Yazīd al-Quzwānī, *Sunan Ibn Mājah*, Mauqu al-Islām: t.t, 1988.
- Abū Muhammad bin Ahmad bin Mūsa, *Sharah Sunan Abi Dāwud*, terj. Abu al-Munzir Khalidi bin Ibrāhim, al-Riyad: Maktabah al-Rashid, 1999.
- „Aṣīyyah bin Muhammad Sālim, *Sharah Bulūgh al-Maram*, Dār: al-Shibkah al-Islamiah, t. th.
- Badr al-Din al-„Ain al-Ḥanafī, „*Undah al-Qārī Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Baeirut: Dār al-Kitab al-Ilmiyah, t.p, 2006.
- Dr. Inas „Abbas Ibrahim, *Ri`ayah al-Tufulah fi al-Syari`ahal-Islamiyyah*, Kaherah: Dār al-Buhūth al-„Ilmiyyah, 1985.
- Dr. Jawad „Ali, *al-Mufassar fi Tarikh al-„Arab Qubla al-Islām*, Beirut: t.p, 1970.
- Dr. „Alī „Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *Tarbiyyah al-Nasyi` al-Muslim*, Manṣūrah: Dār al-Wafā`, 1992.
- „Īsa bin Sūrah bin Mūsa, Sunan al-Tirmīdhī, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh, Riyād: Dār al-Salām, 2000.
- Imam al-Jalalain, *Tafsir al-Jalalain*, Damaskus: Dār al-Bashair, 1991.
- Muḥammad bin Īsmā`il Abu Abd. Allah al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. Riyād: Dār al-Salām, 2000.
- Muhammad bin „Īsa bin Sūrah bin Mūsa, Sunan al-Tirmīdhī, dalam *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. Riyādh: Dār al-Salām, 2000.



- Muhammad Abū Zaḥrah, *al-Wilayah „ala al-Nafs*, Beirut : Dār al-Ra‘‘id al-„Arabī, 1970.
- Muhammad al-Sharbini al-Khatib, *al-Mughni al-Muḥtaj*, Kaherah: Matba‘‘ah al-Bāb al-Ḥalabī, 1958.
- Muḥammad Idrīs „Abdul al-Raūf, *Bahru al-Madhī Sharaḥ Muhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Turmidhī*, Mesir: Maṭbaah Mustāfa al-Bāb al-Ḥalabī Wa Auladuhu, 1935.
- Muhammad Nasruddin al-Bayan, *Ṣaḥīḥ Jamī‘‘ Ṣaghir*, Beirūt: al-Maktab al-Islam, t, th.
- Muhammad Sa‘‘id Ramadan al-Buti, *Fiq al-Sirah*, c. 9, Beirut: Dār al-Fikr, 1980.
- Sulāiman bin al-„Ash‘‘ath bin Ishāq, Sunan Abū Dawūd, *Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, e.d Ṣālih bin „Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. Riyād: Dār al-Salām, 2000.

#### **Rujukan Bahasa Melayu.**

- Abdullah Nasih Ulwan, *Pemeliharaan Kesehatan Jiwa Anak*, terj. Khalilullah Ahmas Maskur Hakim, Bandung: Remaja Rosdakarya, 1992.
- Abdul Razak, Raizison Rujunaidi, ed. *Dahsyatnya Menyantuni Anak Yatim*, Malaysia: Kuala Lumpur t,th.
- Abu Hassan Othman, *Masalah Penyelidikan Di Kota: Suatu Analisa Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1980.*
- Ahmad Tafsir, *Ilmu Pendidikan Dalam Perspektif Islam* (Bandung: Rosdakarya, 2004.
- Ahmad bin „Alī bin Ḥajar Abū al-Faḍīl al-„Sqaḻānī, *Fathul al-Bārī* Jakarta: Pustaka Azzam, 2007
- Azim Muhammad, Abdul Rahman al-Marashli, *Tafsir Ibnu Kathir*, Beirūt: Dār aal-Tawrath al-Arabi, 2000.
- Arisman, *Konsep Mendidik dengan Cinta Dalam Pendidikan Formal Menurut Ajaran Islam*, Palembang: Perpustakaan IAIN Raden Fatah, 2012.
- Ahmad Hatta, *Tafsir Qu‘ran Perkata*, Jakarta: Maghfirah Pustaka, 2009.

- Abdullah Nasih Ulwan, *Pendidikan Anak dalam Islam*, terj: Jamaludin Miri, Jakarta: Pustaka Amani, 1994.
- Ahmad Ali Badawi, *Imbalan dan Hukuman: Pengaruhnya Bagi Pendidikan Anak* Jakarta: Gema Insaniah Pres, 2000.
- Ahmad bin „Alī bin Ḥajar Abū al-Faḍil al-„Asqalānī, *Fathul al-Bārī*, Jakarta: Pustaka Azzam, 2007.
- Ahmad Hatta, *Tafsir Qu'ran Perkata*, Jakarta: Maghfirah Pustaka, 2009.
- Ahmad D. Marimba, *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*, Bandung: al-Mā‘arif, 1981.
- Arief Armai, *Pengantar Ilmu dan Metodologi Pendidikan Islam*, Jakarta: Ciputat Press, 2002.
- Baharuddi Lopa, *al-Quran dan Hak-Hak Asasi Manusia*, Yogyakarta: Dana Bhakti Prima Yasa, 2001.
- Drs. Tarmizi Rajab, ed., *Dasyatnya Tsunami Aceh*, Yogyakarta: Nuha Medika, 2016
- Dahlan Addul Azizi, *Ensiklopedi Hukum Islam*, Jakarta: PT Icktiar Baru Van Hoeve , 1997.
- Dewan Redaksi Ensiklopedi Hukum Islam, *Ensiklopedi Hukum Islam*, Jakarta: Ikhtiar Baru Van Hoeve, 1994.
- Hanna Djumhana Bastaman, *Integrasi Psikologi Dengan Islam*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2001.
- Hamka, *Tafsīr al-Azhār*, Jakarta: Pustaka Panjimas, t. 2004.
- Hasbullah, *Dasar-Dasar Ilmu Pendidikan*, Jakarta: Pt. Raja Grafindo Parsada, 2005.
- Irfan Supandi Ummu Harits, Ramlah Ismail, ed., *Keajaiban Mengasuh Anak Yatim*, Malaysia: Kuala Lumpur t,th.
- Irfan Supandi dan Ummul Harits, *Keajaiban Mengasuh Anak Yatim*, Surakarta: Ziyat Visi Media, 2009.
- Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001.

- Koentjaraningrat, *Metod-Metod Penulisan Masyarakat* (Jakarta : Penerbit PT Gramedia 1985.
- Muhammad Faiz al-Math, *Keistimewaan Islam*, terj. Masykur Halim, Jakarta: Gema Insane Press, 1994.
- Muhmud Syaltut, *Tafsir al-Quran al-Karim Pendekatan Syaltut Dalam Menggali Esensi al-Quran*, terj. Herry Noer Ali, Bandung: Diponogoro, 1990.
- Muhammad Qutb, *Sistem Pendidikan Islam*, terj. Salman Harun, Bandung: PT. ALMa'arif, t.th.
- Muhammad Qutb, *Sistem Pendidikan Islam*, terj. Salman Harun Bandung: PT. ALMa'arif, t.th.
- Mujahidin Nur, *Keajaiban Menyantuni Anak Yatim*, Jakarta: Zahira, 2008.
- Syahidin, *Metode Pendidikan al-Quran dan Tiori Aflikasi*, Jakarta: Misaka Gazali, 1999.
- Shaikh Muhammad bin Jamil Zainu, *Seruan Kepada pendidikan dan Orang Tua*, terj: Abu Hasan dan Ummu Dzakiyyah, Jakarta: Solom, 2005.
- Shahidin, *Metode Pendidikan Teori al-Quran dan Aflikasi*, Jakarta: Misaga Galiza, 1999.
- Safir al-Azhari, *Tafsir Sya'rawi, Renungan Seputar Kitab Suci al-Quran*, Jakarta: PT. Ikrar Mandiriabadi, t. 2004.
- Wahbah al-Zuhaili, *al-Tafsir al-Wajiz Wa Mu'jam Ma'ani al-Quran al-., Ajiz*, Damaskus: Dār al-Fikr, 1996.
- Raizizon Rujunaidi, ed., *Kelebihan Berbakti Kepada Anak Yatim*, Kuala Lumpur: Synergy Media, t.t
- Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmein, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwan Islam Jabatan perdana Menteri, c. 13, 1996.
- Soegarda Poerbakawatja, *Ensiklopedi Pendidikan*, Jakarta: Gunung Agung, 1979.

### **Rujukan Temubual.**

Fakri Razali, Guru Senior, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

Husaini, Guru di Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

Iwan Hadi, Salah Seorang Anak Yatim, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 12 Ogos 2017.

Ita Meisarah, Tenaga pengajar, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 11 Ogos 2017.

Irma Suryani, Pelajar Perempuan, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 2 Ogos 2017.

Ibu Maryani, Tenaga Kerja, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 2 Ogos 2017.

Muhammad Rizal, Tenaga Pengajar, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

Mustafa kamal, Guru Senior, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

Siti Maimunah, Guru Senior, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

Sayyed Huseun, Tenaga Pengajar, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

Syehk Tgk H. Tu Bulqaini (Pengasuh Pondok, Markaz al-Ishlah al-Aziziyah di Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 29 Oktober 2016.

Suryadi, Tenaga Pengajar, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 19 Ogos 2017.

Tgk Asqalani, Sekretaris, Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah di Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 2 Februari 2018.

Tgk Suryadi, Guru Senior, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 12 Ogos 2017.

Tgk Lukman, Tenaga Pengajar, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 2 Ogos 2017.

Tgk Baili Syuhada, Sekretaris, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 8 Mar 2018.

Ustaz Muzanni, Guru, Markas al-Ishlah al-Aziziyah, Lueng Bata Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 13 September 2017.

Ustaz Nasrullah, Guru Tetap di Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah di Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 18 Ogos 2017.

Ustaz Muzanni, Guru Tetap di Pondok Markas al-Ishlah al-Aziziyah di Banda Aceh, dalam temubual dengan penulis, 18 Ogos 2017.

#### **Disertasi/ Tesis/ Ijazah Muda/ Jurnal.**

Hanida Binti Abdullah Samat, “Pengurusan Kebajikan Anak Yatim Di Pertumbuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (Peyatim) Satu Kajian Menurut Perspektif Al-Qur’an”, (Ijazah Sarjana Muda, Akademik Pengajain Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004.

Hanida Binti Abdullah Samat, *“Pengurusan Kebajikan Anak Yatim Di Pertumbuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia, Peyatim Satu Kajian Menurut Perspektif Al-Qur’an”*, (Ijazah Sarjana Muda, Akademik Pengajain Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004.

Hasan Almutahar, Antonia Sasap Abao, Pola Pengasuhan Anak Yatim Terlantar Dan Kurang Mampu Di Panti Asuhan Bunda Pengharapan (PABP) di Kecamatan Sungai Raya Kabupaten Kubu Raya” (Program Studi Sosiologi Magister Ilmu

Sosial, Fakultas Ilmu Sosial Dan Politik, Universitas Tanjungpura Pontianak, 2014.

Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: suatu sorotan*, Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Intel Multimedia and Publicasion, 2001.

Jemes Sengendo and Janet Nambi, “Kesan Spikologi Terhadap Anak-Anak Yatim: Satu Kajian Terhadap Anak Yatim di Daerah Rakai Uganda”, Universiti Makerere Kampala Uganda. 1997.

Kusmawati Hatta, “Trauma Dalam Kalangan Remaja Pelajar Sekolah Menengah Konflik Bersenjata dan Tsunami di Aceh” Disertasi Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2014.

Mohd Najib Abdul Ghafar, *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaya 2003.

Masykura, Konsep Penarapan Pendidikan Akhlak Terhadap Anak Yatim Korban Kopluk Dan Tsunami: Studi Kasus Didayah Markas Al-IslahAl-Aziziyah Lueng Bata Banda Aceh”, Disertasi, Akademik Pendidikan Agama Islam, Sekolah Tinggi Agama Islam Al-Aziziyah Masjid Raya Samalanga Kab. Bireuen, 2013.

Ramlah binti Awang Ahmad, “Penyan Tunan Dan Pembelaan Islam Terhadap Anak Yatim. Satu Kajian di Rumah Kebijakan Anak-Anak Yatim Darul Aitam, Kota Baru Kelantan”, Ijazah B,A, Akademik Pengajain Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995/1996.

Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Fasafah*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia 2002.

Wiseman Chijere Chirwa, “Sosial dan Kemasukan: Cabaran Untuk Penjagaan Anak Yatim Di Malawi” University of Malawi 2002.

Zanilah binti Yasin, Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Terengganu (PERKAYA) Peranan Dan Sumbangannya Dalam Pendidikan Anak-Anak Yatim Di Terengganu Darul Iman”, Ijazah B,A, Akademik Pengajain Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995.

## **Rujukan Beritan Harian / Majalah**

Ahmad Arif, "Menuju Damai Dari Hati," *Berita Harian*, 28 Oktober 2005.

Arif Surahmah, "Dulu Saya Ingin Sekali Berjumpa Dengan Wali Nanggro, Saya Mau Minta Senjata AK 47 Ingin Menembak Orang Yang Telah Membunuh Ayah Saya," *Berita Harian*, 24 Oktober 2008.

Ahmad Arif, "Menyatukan Dua Dendam Anak Aceh" *Kompas Hariah*, Selasa 20 Oktober 2005.

Khairuddin Aba "Mendidik Pencinta Damai dan Pemersatu Ummat," *Berita Harian*, 10 Maret 2012.

Munawardi Ismail, "Penyatu Dua Dendam," *Berita Harian*, 16 Mac 2005.

Munawardi Ismail, "Mengenola Benci Menjadi Energi," *Berita Harian*, 12 Februari 2007.

Siti Aisyah Nurman Bakhtiar, *Hak Anak Dalam Komvensi dan Realita*, Jakarta: Majalah Hidayatullah, 2001.

## **Laman Sesawang**

<http://biografiteladan.blogspot.my/2011/06/biografi-charlie-chaplin-sang-raja.html> 2  
Disember 2017.

<http://www.pelajaran.co.id/2016/16/pengertian-dan-definisi-metode-menurut-para-ahli-terlengkap.html> 13 Jun 2016.

<http://ciputrauceo.net/blog/2016/2/18/metode-pengumpulan-data-dalam-penelitian> 10  
Disember 2016.

<http://www.fourseasonnews.com/2012/08/pengertian-metode-kepuustakaan-library.html>  
9 Disember 2016.

<http://www.sarjanaku.com/2011/06/metode-dokumentasi.html> 26 Julai 2018